

# HADIS

## Jurnal Ilmiah Berimpak (*Edisi Akhir Tahun*)

Artikel-Artikel Berorientasikan Kajian dan  
Penyelidikan Dalam Bidang Hadis

Diterbitkan Oleh  
**Institut Kajian Hadis (INHAD)**  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

---

Tahun Pertama, Bil: 3, Syaaban 1433h, (Julai 2012)

---

### *Bilangan ini*

**KONSEP AL-TASFIYAH DALAM AKIDAH BERDASARKAN SUNNAH NABAWIYAH.**

Sakinah Saptu, Dr Azwira Abd Aziz.

**WACANA HADIS DALAM TRADISI KEILMUAN ZAYDIYYAH.**

Oleh Mohd. Khafidz Soroni.

**Konsep dan Syarat Terjemahan Hadith.**

Khairul Amin Mohd Zain, Mohd Norzi bin Nasir.

**ILMU AL-JARH WA AL-TA'DIL: TUMPUAN TERHADAP KETOKOHAN IMAM BUKHARI.**

Zulhilmi bin Mohamed Nor.

## FORMAT JURNAL HADIS

**Jurnal Hadis** bermaksud pendokumentasian artikel-artikel ilmiah yang berorientasikan hadis dan pengajiannya. Jurnal hadis diterbitkan sebanyak dua kali dalam setahun.

Garis panduan penulisan artikel:

- 1- Artikel hendaklah menepati tema jurnal hadis yang diterbitkan.
- 2- Artikel hendaklah bersifat asli dan memenuhi syarat kaedah sebuah penulisan jurnal.
- 3- Artikel yang dihantar bukan merupakan artikel yang pernah dibentangkan oleh jurnalis atau diterbitkan oleh mana-mana pihak penerbitan.
- 4- Artikel hendaklah menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dari aspek tatabahasa dan olahannya.
- 5- Artikel boleh dihantar dalam bentuk kertas kerja (hard copy) dan soft copy atau melalui e-mail kepada Ketua Pengarang Jurnal Hadis INHAD.
- 6- Artikel boleh ditulis di dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris disertakan dengan abstrak.
- 7- Artikel perlu disertakan dengan nota kaki dan rujukan.
- 8- Setiap jurnalis artikel perlu bersiap-sedia dengan sebarang kemungkinan samada artikel diterima atau ditolak. Selain itu, jurnalis artikel memberi kebenaran kepada pihak editor untuk melakukan penilaian terhadap artikel yang dihantar dan menyunting serta menerbitkannya.
- 9- Artikel yang berjaya untuk diterbitkan disusun berdasarkan keutamaan dan kerelevanan dengan tema jurnal hadis.
- 10- Setiap jurnalis akan menerima penghargaan dan saguhati dari pihak editor sebanyak 5 salinan jurnal bagi setiap terbitan.

Semua urusan dan penghantaran yang melibatkan artikel boleh dihantar atas nama Ketua Pengarang ke alamat berikut:

**Ketua Editor Jurnal Hadis,  
INSTITUT KAJIAN HADIS (INHAD),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra 43600, Bangi,  
Selangor, MALAYSIA.  
E – Mail: [hadis2008inhad@gmail.com](mailto:hadis2008inhad@gmail.com)**

**SIDANG REDAKSI JURNAL HADIS**

Penaung

**Profesor Dato' Aziuddin bin Ahmad**  
(Rektor KUIS)

Penasihat

**Mohd Khafidz Bin Soroni**

Ketua Editor

**Syed Abdul Majid Ghouri**

Setiausaha

**Mohd Norzi bin Nasir**

Setiausaha Kerja

**Abdul Hadi bin Awang**

---

## LEMBAGA PENASIHAT ANTARABANGSA

---

**Dr. Rif'at Fauzi Abd. Mutalib**

(Mantan Pensyarah Hadis dipelbagai universiti di Mesir dan Arab Saudi).

**Prof. Dr. Muhammad 'Ajaj al-Khatib**

(Profesor Hadis dan Mantan Ketua, Bahagian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Syariah Universiti Dimasyq, dan dipelbagai universiti di Arab Saudi dan negara-negara Teluk).

**Dr. Badi' al-Sayyid al-Lahham**

(Pensyarah Hadis, Fakulti Syariah Universiti Dimasyq, Syria).

**Dr. Salman al-Husni al-Nadwi**

(Pensyarah Hadis di Fakulti Syariah dan Usuluddin, Universiti Nadwatul Ulama, dan Rektor Universiti Imam Ahmad bin Irfan al-Syahid, INDIA).

**Prof. Dr. Muhammad Abu Laith al-Khairabadi**

(Profesor Hadis, Fakulti Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia).

**Dr. Nizam Muhammad Solih Ya'qubi**

(Pakar Ekonomi Islam di Bahrain, dan Ahli Lembaga Penasihat Syariah di kebanyakan Bank dan Yayasan Kewangan).

**Dr. Shayuthy B. Abdul Manas**

Penolong Profesor, Jabatan Al-Quran Dan As-Sunnah, Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).(Malaysia).

**Prof. Madya dr. Najm abdulrahman khalaf**

Professor madya, Fakulti pengajian quran dan sunnah, Universiti sains islam malaysia (usim).

**Dr. Muhammad Akram al-Nadwi**

(Felo Penyelidik di Pusat Pengajian Islam Oxford, Oxford Britain).

## KANDUNGAN JURNAL

<b>KONSEP <i>AL-TASFIYAH</i> DALAM AKIDAH BERDASARKAN SUNNAH NABAWIYAH.</b>	
Sakinah Saptu, Dr Azwira Abd Aziz. ....	7
<b>WACANA HADIS DALAM TRADISI KEILMUAN ZAYDIYYAH.</b>	
Oleh Mohd. Khafidz Soroni.....	31
<b>Konsep dan Syarat Terjemahan Hadith.</b>	
Khairul Amin Mohd Zain, Mohd Norzi bin Nasir .....	55
<b>ILMU AL-JARH WA AL-TA'DIL: TUMPUAN TERHADAP KETOKOHAN IMAM BUKHARI.</b>	
Zulhilmi bin Mohamed Nor .....	71



# KONSEP *AL-TAŞFIYAH* DALAM AKIDAH BERDASARKAN SUNNAH NABAWIYAH

Sakinah Saptu<sup>1</sup>  
Dr Azwira Abd Aziz<sup>2</sup>

## Abstrak

Kajian dijalankan bagi memperkenalkan konsep *al-Taşfiyah* dan menunjukkan bahawa ia adalah manhaj para Nabi dalam berdakwah dan bukan ideologi yang dibawa oleh mana-mana pihak atau gerakan. Dari sudut yang lain pula, ia bertujuan untuk memurnikan kefahaman dan akidah masyarakat Islam. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian yang hanya memfokuskan kepada *al-Taşfiyah* akidah ini dilakukan menggunakan rekabentuk kajian kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen. Manakala metode pentakhrijan hadisnya pula dilakukan menerusi sistem hadis berkomputer dan tradisi. Kajian penulis terhadap hadis Nabi s.a.w telah mengumpulkan sebanyak 48 buah hadis yang menunjukkan wujudnya pemanifestasian konsep *al-Taşfiyah* dalam Sunnah Nabawiyah. Penting untuk dinyatakan bahawa jumlah itu bukan menggambarkan keseluruhan hadis berkaitan pemanifestasian *al-Taşfiyah* tetapi lebih kepada sekadar untuk membuktikan kewujudannya dalam hadis Nabi s.a.w. Melalui kajian dan pengumpulan tersebut secara tidak langsung menunjukkan bahawa konsep *al-Taşfiyah* layak dikategorikan sebagai epistemologi Islam lantaran ia terkandung dalam al-Qur'an dan hadis Nabi s.a.w. Kajian juga memperlihatkan bahawa ia bukan satu ideologi mahupun teori yang dibangunkan oleh mana-mana tokoh untuk menyokong perjuangan mereka dalam mengislahkan masyarakat Islam. Di samping itu, ia juga menunjukkan bahawa hadis Nabi s.a.w terlebih dahulu telah memanifestasikan konsep *al-Taşfiyah* dalam usaha mendidik manusia ke arah jati diri Muslim yang sebenar.

## PENGENALAN

*Al-Taşfiyah* merupakan istilah yang agak asing pada pengetahuan kebanyakan masyarakat Islam lantaran tiada ataupun kurangnya pendedahan mengenainya sehingga kebanyakan mereka mengabaikan konsep ini dalam banyak perkara dalam agama. Bila menyebut sahaja tentang *al-Taşfiyah*, ada yang terpinga-pinga dan bertanya apakah yang dimaksudkan dengan *al-Taşfiyah* kerana selama ini mereka tidak pernah diketengahkan dengan istilah tersebut. Jika ada yang mengetahui pun, mereka menganggap dan memahami *al-Taşfiyah* sebagai satu perkara

---

<sup>1</sup> Calon PhD, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum, UKM.

yang bersangkutan dengan pembersihan hati yang terdapat dalam disiplin ilmu tasawuf. Malah tidak kurang juga yang menganggapnya sebagai salah satu teori yang dibangun dan dipromosikan oleh golongan tajdid masa kini untuk melahirkan manusia-manusia berpemikiran radikal bagi tujuan menyekat amalan agama dan kehidupan yang diwarisi secara turun-temurun.

Maka atas dasar itu, kajian yang berbentuk kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen ini dijalankan bagi memperkenalkan konsep *al-Taṣfiyah* dalam akidah dan menunjukkan bahawa ia adalah konsep yang telah terlebih dahulu telah dimanifestasikan dalam Sunnah Nabawiyah.

### **DEFINISI AL-TAṢFIYAH**

Perbincangan berkenaan *al-Taṣfiyah* dimulakan dengan membahaskan perkataan *al-Taṣfiyah* dari sudut etimologi dan terminologi sebagaimana berikut:

#### **Etimologi (Bahasa)**

Dari sudut etimologi, *al-Taṣfiyah* berasal dari kata dasar *ṣaffā- yuṣaffī- taṣfiyatan- muṣaffa (al-muṣaffī) – muṣaffan* yang bermaksud menghapuskan sesuatu daripada perkara-perkara asing dan seterusnya memurnikannya<sup>1</sup> atau dengan kata lain menjadikannya suci dan bersih.<sup>2</sup> Firman Allah s.w.t.:

وَأَنْهَرُوا مِّنْ عَسَلٍ مُّصَفًّى<sup>٣</sup>

Maksudnya:

Dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih (15)<sup>4</sup>

Manakala kata jamaknya pula ialah *taṣfiyāt* bermaksud: menghilangkan kekotoran dan perkara-perkara asing dan yang seumpama dengannya.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> *al-Muḥjam al-ʿArabiyy al-Asāsiyy*, al-Munazzamah al-ʿArabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-ʿUlūm, t.pt, t.th, hlm. 740.

<sup>2</sup> al-Syātūtī, Saīd al-Khūrī, *Aqrān al-Mawārid fī Fuṣaḥi al-ʿArabiyyah wa al-Syawārid*, Maktabah al-Lubnān, Beirūt, 1992, Jil. 1, hlm. 652.

<sup>3</sup> al-Quran, Muhammad 47:15.

<sup>4</sup> Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam disertasi ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* kepada pengertian al-Qur'an, Cet. 15 (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1998). [Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam disertasi ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya].

<sup>5</sup> *al-Muḥjam al-ʿArabiyy al-Asāsiyy*, hlm. 741.



Perkataan ‘Murni’ dalam bahasa Melayu bermaksud tidak mengandungi unsur-unsur asing (biasanya unsur-unsur yang mencemarkan), bersih, benar, suci dan tulen.<sup>1</sup> Manakala kata pemurnian itu sendiri bermakna perihal atau perbuatan memurnikan.<sup>2</sup>

*Al-Taṣfiyah* dalam bahasa Inggerisnya pula disebut sebagai *purification* berasal dari kata *purify* bermaksud untuk menjadikan sesuatu itu suci dengan menghapuskan kotoran, perkara yang berbahaya dan dari sebarang perkara yang tidak diperlukan.<sup>3</sup>

### **Terminologi (Istilah)**

Dari sudut terminologi, *al-Taṣfiyah* diertikan dengan beberapa pengertian:

- a. Mensucikan agama Islam dari sudut akidah, syariat dan akhlak dari perkara-perkara yang asing atau yang jauh darinya (bukan dari agama Islam).<sup>4</sup>
- b. Penyucian Islam dari perkara-perkara yang bukan darinya dalam bab akidah, hukum-hakam dan akhlak supaya ia kembali bersinar dalam pakaian risalah Islam sebagaimana yang diturunkan ke atas junjungan Nabi Muḥammad s.a.w.<sup>5</sup>
- c. Pemurnian Islam dari apa yang asing atau jauh darinya dalam segala bidang.<sup>6</sup>
- d. Memurnikan ilmu-ilmu syariat daripada apa yang berkaitan dengannya dari ijthad-ijthad yang salah yang diperoleh dari dalil-dalil yang tidak sabit atau dalil-dalil yang tidak jelas.<sup>7</sup>

Maka menerusi definisi dari sudut etimologi dan terminologi tadi, dapat disimpulkan bahawa *al-Taṣfiyah* bermakna satu usaha memurnikan Islam dari perkara-perkara yang tidak terkandung padanya dan seterusnya mengembalikannya sebagaimana dikehendaki oleh Allah

---

<sup>1</sup> *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, hlm. 105

<sup>2</sup> *Kamus Dewan*, hlm. 105

<sup>3</sup> *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, Edisi Kelima, Oxford University Press, 1995, hlm. 94

<sup>4</sup> Muḥammad Aḥmad Lūh, *al-Taṣfiyyah Ḥaqīqatuhā wa musawwighātuhā wa majallātuhā*, 2006, [www.dr malo.com/IMG/pdf/mh\\_tasfiya.pdf](http://www.dr malo.com/IMG/pdf/mh_tasfiya.pdf) [20 Januari 2010].

<sup>5</sup> Lāfī Syatrāt, *Mafhūm al-Taṣfiyah wa al-Tarbiyah*, 2006, <http://www.almenhaj.net/makal.php?linkid=893> [20 Januari 2010].

<sup>6</sup> al-Ḥalabī, Alī ibn Ḥasan, *Tasfiyah dan Tarbiyah*, Terj. Ahamad Fais Asifuddin & Muslim al-Atsari, Pustaka Imam al-Bukhari, Solo, 2005, hlm. 33.

<sup>7</sup> ḤAmru ḤAbd al-Munḥim Salīm, *al-Manhaj al-Salafī ʿinda al-Syaiikh Nāsir al-Dīn al-Albānī*, Maktabah al-Ḍiyāʿ, t.pt, t.th, hlm. 207

s.w.t dan yang diajarkan oleh baginda Nabi s.a.w. Berdasarkan definisi ini, tuntutan *al-Tasfiyah* itu dilihat dari dua aspek iaitu: pemurnian dan pengembalian kepada asal.

## DALIL-DALIL AL-QUR'AN DAN HADIS

### Dalil-dalil dari al-Qur'an

Perlu untuk diketahui bahawa perkataan *al-Tasfiyah* hanya disebut dari sudut bahasa dalam al-Qur'an iaitu pada ayat 15 dalam surah Muhammad. Manakala dari sudut istilahnya ianya disebut dengan perkataan lain yang mempunyai maksud dan tujuan yang serupa dengan *al-Tasfiyah*.

Dalam al-Qur'an perkataan seperti *yuzakkihim*, *tazakkā*, *azkā* digunakan bagi menunjukkan erti menyucikan dan membersihkan diri dari sebarang perkara maksiat dan mensyirikkan Allah s.w.t. Perkataan-perkataan tersebut merupakan kata dasar dari *zakkā-yuzakkī-tazkiyatan* yang mana antara maksudnya ialah menyanjung diri dan menisbahkan diri pada kesucian.<sup>1</sup>

Terdapat banyak ayat-ayat yang menyebut tentang *zakā* dengan maksud memulihkan dan membersihkan (mensucikan) dalam al-Qur'an. Namun begitu, dalam kajian ini penulis hanya mengambil beberapa ayat sahaja untuk menjadikan ia sebagai bukti bahawa adanya ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh mengenainya. Antaranya ialah:

i. Firman Allah s.w.t:

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾

Maksudnya:

(Nikmat berkiblatkan kaabah yang kami berikan kepada kamu itu). Samalah seperti (nikmat kami) mengutuskan seorang rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat kami kepada kamu dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat) dan mengajarkan kamu kandungan kitab (al-Qur'an) serta hikmah kebijaksanaan<sup>3</sup> dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui (151)

<sup>1</sup> *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy*, hlm. 580

<sup>2</sup> al-Qur'an, al-Baqarah 2:151.

<sup>3</sup> Hikmah: maksudnya mengetahui hakikat sesuatu dengan sedalam-dalamnya dan mengajarkannya dengan cara dan peraturan yang sebaik-baiknya. [Semua nota kaki untuk maksud ayat al-Qur'an adalah dipetik dari nota kaki *Tafsir Pimpinan al-Rahman*

Adapun yang dimaksudkan dengan **وَيُزَكِّيهِمْ** pada ayat di atas ialah membersihkan kamu daripada kesyirikan.<sup>1</sup> Dalam *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, Ibn Kathīr<sup>2</sup> menjelaskan bahawa yang dimaksudkan ialah membersihkan mereka (orang mukmin) daripada akhlak yang buruk, kotoran hawa nafsu, perbuatan-perbuatan Jahiliyah dan mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya.<sup>3</sup>

ii. Firman Allah s.w.t:

جَنَّاتٌ عَدْنٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَاءُ مَنْ تَزَكَّى ﴿٧٦﴾<sup>٤</sup>

Maksudnya:

(iaitu) syurga-syurga yang kekal, yang mengalir padanya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itu ialah balasan orang-orang yang membersihkan dirinya dari perbuatan kufur dan maksiat (76)

Ayat di atas menerangkan bahawa (Syurga <sup>c</sup>Adn) adalah darjat (tempat) yang paling tinggi di syurga. Tempat yang mana mengalir di bawahnya sungai-sungai, dia (orang yang mendapat syurga <sup>c</sup>Adn) tetap di situ selamanya. Itulah kemenangan bagi mereka yang membersihkan dirinya dari kotoran, kekufuran dan kemaksiatan yang mewajibkannya neraka (bagi mereka yang melakukannya) dan bagi mereka yang

kepada pengertian al-Qur’an, Cet. 15, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1998 kecuali kalau dinyatakan sebaliknya

<sup>1</sup> al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn ibn Muḥammad Aḥmad ibn Muḥammad & al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr, *Tafsīr al-Jalālain*, Dār al-Tauzī<sup>c</sup> wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, al-Qāhirah, 1999, hlm. 23.

<sup>2</sup> Nama penuhnya ialah Abū al-Fidā’ ‘Imād al-Dīn Ismā‘īl ibn ‘Umar ibn Kathīr. Lahir pada tahun 701H (1302M) di sebuah tempat bernama Mijdal. Beliau meninggal dunia pada tahun 774H (1373M) di Damsyiq. Beliau merupakan seorang yang pakar dalam ilmu Fiqh, Tafsir dan Hadis. Antara karya beliau ialah: *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, *al-Takmil fī Ma‘rifah al-Thiqah wa al-Du‘afā‘ wa al-Majāhīl* dan *al-Hadyu wa al-Sunan fī Ahādīth al-Masānīd wa al-Sunan*. [Dipetik dengan pengubahsuaian oleh pengkaji dari: Ibn Kathīr, *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Tahdhīb Tafsīr ibn Kathīr*, Ṣafiyy al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (pnyt.), al-Riyād, Dār al-Salām, 2000, hlm. 8-9].

<sup>3</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl ibn ‘Umar ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, Dār al-Fikr, Beirūt, 1998, Jil.1, hlm. 228.

<sup>4</sup> al-Qur’an, Ṭahā 20:76.

mengikuti para utusan yang datang dari Allah s.w.t.<sup>1</sup> Ini bermakna bagi mereka yang berusaha membersihkan diri dengan meninggalkan setiap apa yang dilarang dalam agama dan melaksanakan sebagaimana yang diturunkan kepada junjungan Nabi s.a.w, maka layak bagi mereka itu ditempatkan di syurga <sup>ع</sup>Adn.

iii. Firman Allah s.w.t:

وَمَنْ تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِ ۗ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿٢١٨﴾

Maksudnya:

Dan sesiapa yang membersihkan dirinya (dari segala yang dilarang) maka sesungguhnya ia melakukan pembersihan untuk kebaikan dirinya sendiri dan kepada Allah jualah tempat kembali (18)

Dalam kitab *Tafsīr al-Munīr* menerangkan bahawa sesiapa yang bersih dari syirik, maksiat dan beramal soleh, dia telah membersihkan (mensucikan) dirinya. Ini kerana manfaat itu semua kembali kepada dirinya sendiri bukan orang lain. Kepada Allah s.w.t. lah tempat kembali dan Allah s.w.t. cepat membuat perhitungan dan akan membalas setiap amalan bersesuaian dengan apa yang dilakukan. Jika baik maka ianya dibalas baik dan jika jahat ianya dibalas jahat.<sup>3</sup>

Daripada dalil-dalil al-Qur'an yang dikemukakan di atas, jelas bahawa konsep *al-Taṣfiyah* ataupun pembersihan diri kepada kebaikan adalah sesuatu yang diberi keutamaan. Allah s.w.t mengutuskan rasul-Nya bagi memurnikan amalan, kepercayaan dan akhlak hamba-hamba-Nya agar tidak berterusan berada dalam kesesatan dan kerosakan. Mereka yang melakukan penyucian diri dari perkara-perkara kekufuran dan kemaksiatan dan sentiasa berpegang teguh dengan apa yang dibawa oleh junjungan Nabi s.a.w, maka mereka itu terlepas dari azab dan dijanjikan tempat di syurga <sup>ع</sup>Adn.

Dari sudut yang lain pula, al-Qur'an secara keseluruhannya berperanan sebagai pemurni kepada segenap aspek kehidupan manusia. Al-Qur'an merupakan petunjuk dan menjadi pemurni dalam perkara keimanan, ibadah, jual-beli, kekeluargaan, akhlak, kepimpinan dan sebagainya. Ini sekaligus menunjukkan bahawa konsep *al-Taṣfiyah* itu

---

<sup>1</sup> al-Zuhailī, Wahbah, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-ʿAqīdah wa al-Syarīʿah wa al-Manhaj*, Dār al-Fikr, Damsyiq, 1998, Jil. 16, hlm. 248

<sup>2</sup> al-Qur'an, Fāṭir 35:18.

<sup>3</sup> al-Zuhailī, *Tafsīr al-Munīr*, Jil. 22, hlm. 251

sendiri telah diangkat dalam al-Qur'an sebagai perkara yang seharusnya dititikberatkan dan tidak perlu dipandang dengan sebelah mata.

### **Dalil-Dalil dari Hadis**

Untuk membincangkan hadis-hadis berkaitan *al-Taṣfiyah*, penulis telah memilih enam buah hadis sebagaimana berikut:

#### **a. Hadis Pertama**

Nabi s.a.w. bersabda:

<sup>1</sup> من حسن إسلام المرء تركه ما لا يعنيه.

Maksudnya:

“Di antara kebaikan Islam seseorang itu ialah dia meninggalkan apa yang tidak diperlukannya.”

---

<sup>1</sup> Mālik, Mālik ibn Anas Abū <sup>C</sup>Abdullāh al-Aṣbaḥī, *Muwatta' Imām Mālik*, Kitāb Ḥusnu al-Khuluqī, Bāb Mā Jā a fī Husni al-Khuluqī, No. 1604, al-Tirmidhī, Muḥammad ibn <sup>C</sup>Isā Abū <sup>C</sup>Isā, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Zuhd, Bāb..., No. 2318, Ibn Mājah, Muḥammad ibn Yazīd Abū <sup>C</sup>Abdullāh al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Fitan, Bāb Kaff al-Lisān fī al-Fitnah, No. 3976, Ibn Ḥibbān, Muḥammad ibn Ḥibbān ibn Aḥmad Abū Ḥātim al-Tamīmī al-Basti, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Kitāb al-Īmān, Bāb Mā jāa fī ṣifāt al-Mu'minīn, No. 229, al-Ṭabrānī, Sulaimān ibn Aḥmad ibn Ayyūb Abū al-Qāsim, *Muḥjam al-Kabīr*, No. 2886, *Muḥjam al-Awsaṭ*, No. 359, 2881 & 8402, *Muḥjam al-Ṣaḥīḥ*, No. 884 & 1080, <sup>C</sup>Abd al-Razzāq, Abū Bakar <sup>C</sup>Abd al-Razzāq ibn Humām al-Ṣan'ānī, *Muṣannaḥ <sup>C</sup>Abd al-Razzāq*, Kitāb al-Jāmi' li al-Imām Mu'ammār ibn Rasyīd al-Azdī, Bāb Tark al-Mar'i Mā lāa yu'nihi, No. 20617 dan al-Baihaqī, Abū Bakar Aḥmad ibn al-Ḥusain, *Syū'ab al-Īmān*, Bāb Fī hifz al-Lisān, Faṣl fī Faḍl al-Sukūt Mā lā Yā'nihi, Jil. 4, No. 4986. [Semua hadis dalam kertas kerja ini ditakhrij menerusi program CD *Maktabah al-Ḥadīth al-Syarīf wa Ulūmuhu* dan program CD *Maktabah al-Ḥadīth al-Syarīf* (Ariss Computer Inc., Beirūt) melainkan jika dinyatakan sebaliknya].

**Hukum hadis:** Dihukum hasan oleh al-Nawawī dalam kitab *al-Arba'ūn al-Nawāwīyyah*, No. 12, *Taḥqīq Riyāḍ al-Ṣaliḥīn*, No. 67 dan *al-Adhkār*, No. 52. Manakala menurut Ibn al-Qayyim dalam kitab *al-Jawāb al-Kāfi*, No. 122 dan Aḥmad Shākir dalam kitab *Musnad Aḥmad*, No. 3/177 bahawa sanadnya sahih dan Albānī pula menghukumnya sebagai sahih dalam kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Mājah*, No. 3226, *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, No. 2317 dan *Ṣaḥīḥ al-Jāmi'*, No. 5911. [Semua hukum hadis dalam kertas kerja ini dipetik dari laman web: Al-Durar al-Saniyyah, al-Mausū'ah al-Ḥadīthiah Taisīr al-Wuṣūl Ilā Aḥādīth al-Rasūl s.a.w. t.th, <http://www.dorar.net/enc/hadis> [8 April 2010] melainkan jika dinyatakan sebaliknya].

Dalam kitab *Tuhfah al-Aḥwādī* menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan *من حسن إسلام المرء* ialah daripada sebahagian besar kebaikan Islam seseorang dan kesempurnaan imannya ialah meninggalkan apa yang tidak berkaitan dengannya.<sup>1</sup>

Manakala yang dimaksudkan dengan meninggalkan apa yang tidak berkaitan dengannya pula ialah menurut Ibn Rajab al-Ḥanbalī<sup>2</sup> dalam kitab *Jāmi' al-ʿUlūm wa al-Ḥikam* bahawa:

Antara kebaikan Islam seseorang itu bila mana dia meninggalkan apa yang bukan darinya (bukan dari agama Islam) dari sudut kata-kata dan perbuatan. Dia menghadkannya pada apa yang berkaitan dengannya dalam perkataan dan perbuatan. Apa yang dimaksudkan dengan yang berkaitan dengannya itu pula ialah bahawa ia berkaitan dengan keperluannya serta mengandungi maksud dan tujuannya.<sup>3</sup>

Manakala menurut al-Qārī<sup>4</sup> pula: “Meninggalkan apa yang tidak berkaitan dengannya ialah apa yang tidak ada keperluan dengannya dan

---

<sup>1</sup> al-Mubārakfūrī, Muḥammad ʿAbd al-Raḥmān Ibn ʿAbd al-Raḥīm, *Tuhfah al-Aḥwādī bi Syarḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirūt, t.th, Jil. 6, hlm. 500.

<sup>2</sup> Nama penuh beliau ialah al-Ḥāfiẓ Zain al-Dīn wa Jamāl al-Dīn Abū al-Farj ʿAbd al-Raḥmān ibn al-Syaikh al-Imām al-Muqri' al-Muḥaddith Syihāb al-Dīn Aḥmad ibn al-Syaikh al-Imām al-Muḥaddith Abū Aḥmad Rajab ʿAbd al-Raḥmān al-Baghdādī kemudian al-Dimasyqī al-Ḥanbalī. Beliau lebih dikenali dengan nama Ibn Rajab. Beliau lahir di kota Baghdad pada tahun 736H (1336M). Beliau merupakan orang yang mahir dalam ilmu hadis sehingga beliau menjadi orang yang paling dikenali pada zamannya dengan ilmu *ʿIlal* dan dikenali sebagai orang yang tekun meneliti sanad hadis. Beliau meninggal dunia pada tahun 795H (1393M). Antara karya beliau ialah: *Syarah Jāmi' Abū ʿIsā al-Tirmidhī* dan *Syarah Arbaʿīn al-Nawawī*. (al-Ḥanbalī, Ibn Rajab, *Jāmi' al-ʿUlūm wa al-Ḥikam fī Syarḥ Khamsīna Ḥadīthan min Jawāmi' al-Kalim*, Yūsuf al-Baqāʿī (pnyt.), Beirūt, al-Maktabah al-ʿAṣriyyah, 2000, hlm. 3).

<sup>3</sup> Ibn Rajab, Zain al-Dīn Abī al-Farj ʿAbd al-Raḥmān, *Jāmi' al-ʿUlūm wa al-Ḥikam fī Syarḥ Khamsīna Ḥadīthan min Jawāmi' al-Kalim*, Dār al-Dhakhāir, Beirūt, 2000, hlm. 147.

<sup>4</sup> Al-Qārī ialah: ʿAlī ibn Sulṭān Muḥammad al-Qārī al-Harawī lebih dikenali dengan nama ‘Mullā ʿAlī al-Qārī’. Gelaran al-Qārī ialah tashil bagi perkataan al-Qārī’ kerana beliau merupakan seorang yang mahir dan ‘alim dalam ilmu Qiraat. Tarikh lahir beliau tidak dinyatakan namun tiada khilaf yang menyatakan bahawa beliau lahir di Heart, Afghanistan. Antara kitab karangan beliau yang masyhur ialah: *Mirqāh al-Mafāiḥ Syarḥ Misykāh al-Maṣābiḥ*. Beliau meninggal dunia pada tahun 1014H di

tidak ada kaitan dengannya sama ada dari sudut kata-kata, perbuatan, teori dan juga pemikiran”.<sup>1</sup>

Maka dari hadis ini jelas kepada kita bahawa seseorang Muslim yang meninggalkan apa yang tiada kaitan dengan agama iaitu apa yang bukan dari agama dikira sebagai Muslim yang baik dari sudut keislamannya dan sempurna keimanannya. Justeru, memurnikan agama dari perkara-perkara yang bukan darinya adalah satu yang dituntut lantaran ia merupakan tanda kepada kualiti keislaman seseorang Muslim sama ada baik ataupun tidak.

### b. Hadis Kedua

Nabi s.a.w bersabda:

وإياكم ومحدثات الأمور فإنها ضلالة فمن أدرك ذلك منكم فعليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهديين عضوا عليها بالنواجذ.<sup>2</sup>

Maksudnya:

“Jauhilah perkara-perkara yang baru (dalam agama). Sesungguhnya ia adalah sesat. Maka siapa di kalangan kalian yang sampai (pada situasi) tersebut, hendaklah kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah *Khulafā' al-Rāsyidīn al-Mahdiyyīn*. Gigitlah ia dengan gigi gerahammu.”

Dalam kitab *ʿAriḍah al-Aḥwadhī* menjelaskan yang dimaksudkan dengan perkara-perkara yang baharu dalam agama terbahagi kepada dua: Perkara baru yang tiada asal padanya kecuali nafsu dan dilakukan berdasarkan kemahuan diri dan ini adalah batil secara mutlak. Manakala perkara baru yang mengandungi pandangan

---

Makkah al-Mukarramah. [al-Qārī, <sup>C</sup>Alī ibn Sulṭān, *Mirqāh al-Mafāṭīḥ Syarḥ Misykāh al-Maṣābīḥ*, Jamāl <sup>C</sup>Aitānī (pnyt.), Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2001, Jil. 1, hlm. 16-27].

<sup>1</sup> al-Mubārakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Syarḥ Jāmiʿ al-Tirmidhī*, Jil. 6, hlm. 500.

<sup>2</sup> al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-ʿIlm, Bāb al-Akhdhi bi al-Sunnah wa ijtināb al-Bidaʿ, No. 2676 & Abū Dāūd, Sulaimān ibn al-Asy<sup>C</sup>ath, *Sunan Abī Dāūd*, Kitāb al-Sunnah, Bāb fī Luzūm al-Sunnah, No. 4607. Abū Dāūd meriwayatkan hadis ini dengan lafaz matan yang berbeza sebagaimana berikut:

" وإياكم ومحدثات الأمور فإن كل محدثة بدعة وكل بدعة ضلالة "

**Hukum hadis:** Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn al-Mulaqqin dalam kitab *al-Badr al-Munīr*, No. 9/582, al-Syaukānī dalam kitab *al-Fatḥ al-Rabbānī*, No. 5/2229 & al-Albānī dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, No. 2676 & *Ṣaḥīḥ Abī Dāūd*, No. 4607.

demi pandangan (dari sudut agama), maka ini adalah sunnah Khulafa' dan para imam yang mulia.<sup>1</sup>

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāud: Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: “Jauhilah kamu dari perkara-perkara baharu dan sesungguhnya perkara baharu itu bidaah dan setiap yang bidaah itu adalah sesat.”<sup>2</sup> Menurut al-Ḥāfiẓ Ibn Rajab:

Pada hadis ini mengandungi peringatan kepada umat Islam agar tidak mengikuti perkara-perkara baharu yang bidaah. Peringatan tersebut diperkuatkan lagi dengan sabda baginda bahawa “semua bidaah itu adalah sesat”. Apa yang dimaksudkan dengan bidaah ialah perkara baharu yang tidak ada asalnya dalam syariat yang menunjukkan kepada perkara itu. Manakala apa yang ada padanya asal dalam syarak yang ditunjukkan olehnya, maka itu bukanlah bidaah dari sudut syarak tetapi bidaah dari sudut bahasa.<sup>3</sup>

Apabila Nabi s.a.w. memberi peringatan kepada umatnya agar menjauhi perkara-perkara yang baharu dan yang diada-adakan dalam agama, ia secara tidak langsung memperlihatkan usaha dalam memurnikan masyarakat Islam dari terjebak kepada perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan agama.

### c. Hadis Ketiga

Nabi s.a.w bersabda:

دعوني ما تركتكم إنما هلك من كان قبلكم بسؤالهم واحتلافهم على أنبيائهم فإذا نهيتكم عن شيء فاجتنبوه وإذا أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم.<sup>4</sup>

Maksudnya:

“Biarlah aku yang menentukan apa yang patut aku tinggalkan untuk kamu. Sesungguhnya apa yang membuatkan orang-orang sebelum kamu itu binasa ialah kerana mereka banyak pertanyaannya dan perselisihan

<sup>1</sup> Ibn al-<sup>c</sup>Arabiyy al-Mālikī, Muḥammad ibn <sup>c</sup>Abdullāh ibn Muḥammad, <sup>c</sup>*Arīḍah al-Aḥwadhī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, Dār al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, Beirut, Jil. 9, hlm. 106.

<sup>2</sup> Lihat *takhrij* hadis pada nota kaki No. 39.

<sup>3</sup> Ibn Rajab, *Jāmi<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>Ulūm wa al-Ḥikam fī Syarḥ Khamsīna Hadīthan min Jawāmi<sup>c</sup> al-Kalim*, hlm. 357.

<sup>4</sup> al-Bukhārī, Muḥammad ibn Isma<sup>c</sup>īl Abū <sup>c</sup>Abdullāh, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-<sup>c</sup>Iṭṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, Bāb al-Iqtidā' bi Sunani Rasūlillah, No. 6858 & Muslim, Muslim ibn al-Ḥajjāj Abū Ḥusain al-Qusyairī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Faḍāil, Bāb tauqīruhu s.a.w..., No. 1337.



mereka terhadap para nabi mereka. Lalu jika aku larang kalian dari melakukannya, maka jauhilah ia dan apa yang aku perintahkan kalian dengannya, maka lakukanlah ia mengikut kemampuan kamu”.

Ibn Rajab dalam kitab *Jāmi<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>Ulūm wa al-<sup>c</sup>Hikam* telah menjelaskan hadis di atas dengan panjang lebar. Antaranya ia menjelaskan bahawa:

Sesiapa yang tidak sibuk dengan permasalahan-permasalahan yang tidak terdapat dalam al-Qur’an dan al-Sunnah tetapi sibuk dengan memahami firman Allah s.w.t dan sabda Rasulullah s.a.w yang mana dia meniatkan kesibukan itu dengan tujuan untuk melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan, maka dialah orang yang mentaati perintah Rasulullah s.a.w dalam hadis ini dan beramal mengikut apa yang diperintahkan oleh baginda. Manakala orang yang tidak mementingkan kesibukan dalam memahami apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada rasul-Nya tetapi sibuk dengan mencetuskan pelbagai persoalan yang kadang-kadang berlaku dan kadang-kadang tidak berlaku dan menyusahkan jawapan-jawapannya setakat pada pandangan, ditakuti dia terkeluar dari apa yang dimaksudkan dalam hadis ini kerana dia melakukan apa yang dilarang dan meninggalkan apa yang diperintahkan oleh baginda. Maka ketahuilah bahawa terjadinya perkara-perkara baharu yang tidak ada asalnya dalam al-Qur’an dan al-Sunnah lantaran kerana meninggalkan kesibukan mentaati perintah Allah dan rasul-Nya dan menjauhi larangan Allah dan rasul-nya...Bila seseorang itu melakukan sesuatu berdasarkan pandangan dan hawa nafsunya, lantas berlakulah perkara-perkara baru yang umumnya bercanggah dengan apa yang disyariatkan oleh Allah s.w.t....<sup>1</sup>

Melalui penerangan tersebut dapat difahami bahawa seseorang Muslim perlu menyibukkan diri dalam melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t dan Nabi Muhammad s.a.w dan meninggalkan apa yang dilarang. Justeru, apabila seseorang Muslim itu mentaati segala perintah dan larangan tersebut, dia tidak akan beramal mengikut kefahaman akalinya dan kehendak nafsunya bahkan segala yang dilakukan adalah berpandukan kepada al-Qur’an dan al-Sunnah.

Penting untuk dinyatakan bahawa dengan melaksanakan tuntutan tersebut ianya mampu menghalang dari berlakunya percampuran antara yang bukan agama dan yang agama. Ini sekaligus menunjukkan bahawa menjunjung perintah Allah s.w.t dan rasul-Nya dan menjauhi

---

<sup>1</sup> Ibn Rajab, *Jāmi<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>Ulūm wa al-<sup>c</sup>Hikam fī Syarḥ Khamsīna Hadīthan min Jawāmi<sup>c</sup> al-Kalim*, hlm. 125.

larangannya merupakan satu usaha ke arah memurnikan agama Islam itu sendiri dari segala perkara yang tidak berkaitan dengannya.

#### f. Hadis Keempat

Nabi s.a.w bersabda:

إن الله يبعث لهذه الأمة على رأس كل مائة سنة من يجدد لها دينها.<sup>1</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah mengutus kepada umat ini setiap seratus tahun seseorang yang memperbaharui agamanya (dari penyimpangan).

Dalam hadis di atas Nabi s.a.w telah mengkhabarkan kepada umatnya bahawa akan ada orang yang memperbaharui agama Islam dalam setiap seratus tahun. Apa yang dimaksudkan dengan memperbaharui agama dalam hadis ini ialah bukan mencipta sesuatu yang baru dalam agama tetapi ia adalah menghidupkan apa yang telah hilang dari beramal dengan al-Qur'an dan al-Sunnah dan menyuruh kepada beramal dengan keduanya itu serta mematikan bidaah dan perkara-perkara baru yang muncul (dalam agama).<sup>2</sup> Manakala yang dimaksudkan dengan orang yang memperbaharui itu bukan pula hanya seorang sahaja tetapi sekumpulan manusia yang melaksanakan pembaharuan di setiap negara dalam satu bidang atau banyak bidang dalam ilmu-ilmu syariat. Melaksanakan pembaharuan ini merupakan sebab yang mengekalkan ilmu tersebut dan menghalang dari hilangnya ia serta melaksanakannya mengikut sebagaimana yang diperintahkan Allah s.w.t. Maka tidak diragukan lagi bahawa usaha pembaharuan ini merupakan satu perkara penting ini kerana (perkembangan dan prestasi) ilmu pada setiap tahun akan menurun sebagaimana meningkatnya kejahatan pada setiap tahun.<sup>3</sup> Maka usaha pembaharuan yang dilakukan oleh para mujaddid sebagaimana yang terkandung dalam hadis ini juga

---

<sup>1</sup> Abū Dāud, *Sunan Abī Dāud*, Kitāb al-Malāḥim, Bāb Mā Yadhkuru fī Qarni al-Mi'ah, No. 4291, al-Ḥākim, *al-Mustadrak al-Ḥākim*, Kitāb al-Fitan wa al-Malāḥim, No. 8593 & al-Ṭabrānī, *Muḥjam al-Awṣaṭ*, Bāb Man Ismuhu Aḥmad, No. 6527. [Hadis ini ditakhrij melalui program al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.13].

**Hukum hadis:** Menurut al-Sakhāwī dalam kitab *al-Maqāṣid al-Ḥasanah* sanadnya sahih dan semua periwayatnya adalah *thiqah*, No. 149. al-Zarqānī dalam *Mukhtaṣar al-Maqāṣid* menilainya sebagai sahih, No. 215. Manakala al-Albānī pula menilainya sebagai sahih dalam kitab *Ṣaḥīḥ Abī Dāud*, No. 4291 dan *al-Silsilah al-Ṣaḥīḥah*, No. 599.

<sup>2</sup> al-Ṣiddīqī, Abī <sup>c</sup>Abd al-Raḥmān Syarf al-Ḥaq Muḥammad Asyrāf, 2000, Jil. 11, hlm. 231.

<sup>3</sup> al-Sahāranfūrī, Khalīl Aḥmad, *Badhl al-Majhūd fī Ḥalli Abī Dāud*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirūt, 1973, Jil. 17, hlm. 202-203.

merupakan usaha permurnian terhadap agama itu sendiri. Usaha pembaharuan pada setiap seratus tahun adalah kerana lemahnya para ulama, hilangnya sunnah dan munculnya bidaah (dalam agama). Maka pada situasi seperti ini amat memerlukan kepada memperbaharui agama<sup>1</sup> dari penyimpangan serta memurnikannya.

**g. Hadis Kelima**

Nabi s.a.w bersabda:

يحمل هذا العلم من كل خلف عدوله ينفون عنه تحريف الغالين وانتحال المبطلين وتأويل الجاهلين.<sup>2</sup>

Maksudnya:

Ilmu ini dibawa oleh orang-orang adil dari setiap generasi, mereka akan menafikan *tahrīf* (perubahan) dari orang-orang yang melewati batas, akan (menafikan) *intiḥāl* (pendustaan) dari ahli kebatilan serta *ta'wīl* (erti yang keluar dari makna zahirnya) dari orang-orang yang jahil.

Ilmu yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah agama sebagaimana yang dikatakan oleh Muḥammad ibn Sīrīn<sup>3</sup>:

<sup>1</sup> al-Ṣiddīqī, 2000, Jil. 11, hlm. 231

<sup>2</sup> Ibn Addī, ḌAbdullāh ibn ḌAddī ibn ḌAbdullāh, *al-Kāmil fī al-DuḌafā' al-Rijāl*, Jil. 3, hlm. 31, Ibn ḌAsākīr, *Tārīkh al-Dimasyq*, Jil. 7, hlm. 38, al-Ṭabrānī, *Musnad al-Syāmiyyīn*, No. 599, al-Sayūthī, Jalāl al-Dīn, *JāmiḌ al-Ḍadīth*, Bāb al-Nidā' MaḌa al-Yā', No. 26643, al-Hindī, Alī ibn Ḍusam al-Muttaqā al-Hindī, *Kanz al-Ḍummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-AfḌāl*, Kitāb al-Ḍilm, Bāb al-Awwāl, No. 28918, al-Haithamī, Nūr al-Dīn ḌAlī ibn Abī Bakr, *MajmaḌ al-Zawāid wa ManbaḌ al-Fawāid*, No. 601 & Ibn ḌAbd al-Bār, Abū ḌUmar Yūsuf ibn ḌAbdullāh, *al-Tamhīd limā fī al-MuwatḌa' Min al-MaḌānī wa al-Masānīd*, Jil. 1. [Hadis ini ditakhrij melalui al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.13].

**Hukum hadis:** Dinilai sahih oleh al-Safārīnī al-Ḍanbali dalam kitabnya *al-Qaul al-ḌAliyy*, No. 227. Manakala menurut al-Albānī dalam kitabnya *Takhrīj Misykāt al-MaḌābīḌ*, No. 239 ia adalah *mursal* tetapi telah diriwayatkan secara *mauḌūl* dari jalan periwayatan para sahabat dan al-ḌāfiḌ al-ḌAlā'iy telah menilai sahih untuk sebahagian dari jalan periwayatan tersebut.

<sup>3</sup> Nama penuh beliau ialah Muḥammad Ibn Sīrīn al-BaḌri al-AnḌārī. Gelaran beliau ialah Abū Bakar. Ibn Sīrīn dilahirkan di BaḌrah pada tahun 33H bersamaan 653M iaitu pada akhir pemerintahan ḌUthmān Ibn ḌAffān r.a. Beliau merupakan imam dalam ilmu agama di BaḌrah, mempunyai kepakaran dalam mentafsir mimpi dan antara *Kibār al-ṬābiḌīn*. Ibn Sīrīn meninggal dunia ketika berumur 76 tahun pada 9 Syawāl tahun 110H (728M) di BaḌrah pada zaman pemerintahan Hisyām Ibn ḌAbd al-Mālik. [Al-Dhahabī,

“Sesungguhnya ilmu ini adalah agama oleh kerana itu perhatikanlah dari siapa kalian mengambil agama kalian”.<sup>1</sup> Dalam hadis ini Nabi s.a.w. telah mengkhabarkan bahawa ilmu yang datang bersama baginda akan dibawa oleh orang yang adil di kalangan umatnya dari setiap generasi sehingga ia tidak hilang dan lenyap.<sup>2</sup>

Şiddīq Ḥassan Khān<sup>3</sup> dalam kitabnya *al-Dīn al-Khālīṣ* menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dari hadis ini ialah ilmu al-Kitab (al-Qur’an) dan al-Sunnah yang dibawa dari setiap kumpulan yang terdiri dari mereka yang adil dan meriwayatkan dari (golongan) al-Salaf.<sup>4</sup> Mereka (orang-orang yang adil) menolak perubahan yang dilakukan oleh golongan yang melampaui batas dalam urusan agama, mereka menolak pendustaan yang dilakukan oleh golongan yang batil dan mereka menolak takwil terhadap ayat-ayat dan hadis-hadis yang dilakukan oleh golongan jahil yang mentakwil dengan tanpa ilmu dan kefahaman serta memalingkan dari makna zahirnya.<sup>5</sup>

Dari hadis ini juga dapat diketahui bahawa tanggungjawab seorang pembawa ilmu (penuntut ilmu) berdiri atas tiga asas: pertama, menolak *ghuluww* (sikap melampau dalam agama). Kedua, menghancurkan kebatilan dan ketiga menyingkapkan (memberitahu) kejahatan.<sup>6</sup> Justeru, tiga tindakan yang dilakukan oleh golongan yang

---

Syams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad, *Tārīkh al-Islām Wa Wafayāt al-Masyāhīr Wa al-Ālīyah*, Dār al-Kutub al-‘Arabī, Beirut, 1994, Ḥawādith Wa Wafayāt 101-120H, hlm 239-240].

<sup>1</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, al-Maktabah al-Islāmiyyah, Turki, 1955, Jil.1, hlm. 14.

<sup>2</sup> Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah*, Dār al-Ḥadīth, al-Qāhirah, 1997, Jil. 1, hlm. 194.

<sup>3</sup> Nama penuh beliau ialah: Muḥammad Şiddīq Ḥassan Khān ibn Ḥassan ibn ‘Alī ibn Luṭ Allāh al-Ḥusaini al-Bukhārī al-Qanūjī. Beliau lahir dan membesar di India pada tahun 1248H (1832M) dan meninggal dunia pada tahun 1307H (1889M) Al-Marhum al-Syaikh telah menghasilkan banyak karya ilmiah yang bernilai dalam bahasa Arab, Parsi dan Hindi. Penulisan bahasa Arabnya yang masyhur ialah kitabnya yang bertajuk: *Husnu al-Uswah fī mā Thabata ‘an Allāh wa Rasūlihi fī al-Niswah, Abjad al-‘Ulūm & Nail al-Marām min Tafsīr ayat al-Aḥkām*. [Şiddīq Ḥassan Khān, *‘Azāb al-Nār*, Dār al-Biḥār, Beirut, 1998, hlm. 5].

<sup>4</sup> Şiddīq Ḥassan Khān, *al-Dīn al-Khālīṣ*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1995, Jil. 3, hlm. 177.

<sup>5</sup> Şiddīq Ḥassan Khān, *al-Dīn al-Khālīṣ*, Jil. 3, hlm. 177.

<sup>6</sup> al-Ḥalabī, *al-Taṣfīyah wa al-Tarbiyah wa Atharuhumā fī isti’nāfi al-Ḥayah al-Islāmiyyah*, hlm. 25.

adil dalam hadis ini merupakan usaha untuk memurnikan agama Islam dari sebarang pencemaran yang berlaku padanya.

Maka dari hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Nabi s.a.w telah menyatakan dalam sabdanya berkenaan pencemaran yang berlaku dalam agama Islam sama ada dari sudut penyelewengan dan pendustaan akan dimurnikan oleh umat baginda di kalangan mereka yang adil. Ini sekaligus melihatkan bahawa konsep *al-Tasfiyah* terkandung dalam hadis Nabi s.a.w.

Perlu untuk ditegaskan bahawa setiap yang dilarang, diperingatkan, ditegur, disuruh agar ditinggalkan dan dijauhi merupakan bentuk *al-Tasfiyah*. Oleh itu, hadis-hadis di atas layak untuk dikategorikan sebagai hadis-hadis yang mengandungi konsep *al-Tasfiyah*.

### **HUBUNGAN AL-TAŞFIYAH DAN TAJDID**

*Al-Tasfiyah* dan tajdid seringkali dilihat sebagai satu usaha yang sama dan hanya memiliki perbezaannya dari sudut penamaan sahaja. Namun begitu, apabila diteliti makna tajdid dari sudut etimologi dan terminologinya ternyata keduanya adalah usaha yang berbeza tetapi mempunyai persamaannya yang tersendiri.

Dari sudut etimologi, tajdid merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal dari perkataan *jaddada* yang bermaksud memperbaharui sesuatu, iaitu menjadikannya baharu.<sup>1</sup> Sebagaimana ianya disebut dalam sebuah hadis yang sahih:

إن الله يبعث لهذه الأمة على رأس كل مائة سنة من يجدد لها دينها.<sup>2</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah mengutus kepada umat ini setiap seratus tahun seseorang yang **memperbaharui agamanya** (dari penyimpangan).

Dari sudut istilah syarak pula tajdid bermaksud mengembalikannya dan menyinarkannya serta menghidupkan apa yang hilang dari sudut kebiasaannya dan tanda-tandanya dan seterusnya menyebarkannya kepada orang ramai. Dari maksud ini jelas kepada kita bahawa tajdid bukanlah satu keadaan yang memisah perkara yang terdapat pada agama dan yang berkaitan dengannya. Jika sekiranya begitu, maka ia tidak dinamakan tajdid bahkan ia perbuatan yang

---

<sup>1</sup> *al-Muġam al-Wasīl*, hlm. 109.

<sup>2</sup> Hadis ini telah ditakhrij pada perbahasan sebelumnya.

dinamakan sebagai *miskhun* mengubah sesuatu kepada lain yang lebih buruk dan *tajrid* iaitu mengasingkan sifat atau hubungan secara pengasingan akal dan menghilangkan kebaikan yang ada padanya atau apa yang telah disusun dengan tujuan itu.<sup>1</sup>

### **Pandangan Ulama**

Berikut penulis menyenaraikan beberapa pandangan ulama yang telah disenaraikan oleh Fāiz <sup>ᶜ</sup>Azīz Muḥammad Ismā<sup>ᶜ</sup>īl dalam kitabnya berjudul *al-Islām wa Tajdīd Dīn al-Ummah fī ᶜAṣr al-ᶜAulamah* mengenai tajdid dan ada padanya unsur *al-Taṣfiyah*. Antara pandangan ulama tersebut ialah:

- a. al-Munāwī<sup>2</sup> berkata dalam menerangkan makna “*yujaddidu*”: “Ia adalah menerangkan apa yang sunnah dan apa yang bidaah, apa yang terdapat pada petunjuk-petunjuk sunnah, memperbanyakkan ilmu, berlaku adil kepada ahlinya dan membanteras ahli bidaah.” Di tempat yang lain pula beliau berkata: “...mengembalikan apa yang lenyap dari hukum-hukum syariat, apa yang terkandung pada petunjuk-petunjuk sunnah, apa yang tersembunyi pada ilmu-ilmu yang zahir dan batin yang mana ianya meliputi ilmu dan amal sekaligus.”
- b. Berkata Abū al-A<sup>ᶜ</sup>lā al-Maudūdī<sup>3</sup>: “Tajdid pada hakikatnya ialah membersihkan Islam daripada setiap bahagian dari bahagian

---

<sup>1</sup> Fāiz Muḥammad Ismāīl, *al-Islām wa Tajdīd Dīn al-Ummah fī ᶜAṣr al-ᶜAulamah*, Dār al-Īmān, Iskandariyah, 2008, hlm. 28. [Dipetik dengan sedikit pengubahsuaian oleh pengkaji].

<sup>2</sup> Nama penuh beliau ialah <sup>ᶜ</sup>Abd al-Raūf ibn Tāj al-ᶜĀrifīn ibn <sup>ᶜ</sup>Alī ibn Zain al-ᶜĀbidīn. Beliau lahir pada tahun 952H dan meninggal dunia pada tahun 1031H. Antara karya beliau yang masyhur ialah: *al-Ittiḥāf al-Saniyyah bi al-Aḥādīth al-Qudsiyyah*, *Faiḍ al-Qadīr bi syarḥ al-Jāmi<sup>ᶜ</sup> al-Ṣaghīr & Syarḥ Matan al-Nukhbah li ibn Ḥajar*. [al-Munāwī, Muḥammad al-Mad<sup>ᶜ</sup>ū Abd al-Raūf, al-Yuwāqīt wa al-Durar fī Syarḥ Nukhbah ibn Ḥajar, al-Murtaḍā Zain Aḥmad (pnyt.), Maktabah al-Rusyd, Riyāḍ, 2007, Jil. 1, hlm. 58-66].

<sup>3</sup> Abū al-A<sup>ᶜ</sup>lā al-Maudūdī merupakan seorang tokoh ilmuan dan pemikir Islam dari Pakistan yang lahir pada tahun 25 September 1903 di Aurangabad. Beliau banyak menghasilkan karya ilmiah antaranya ialah: *al-Makānah al-Qanūniyyah li al-Sunnah*, *al-Uṣūl al-Asāsiyyah liḥmi al-Qurān*, *al-Nazariyyāt al-Iqtiṣādiyyah fī al-Qurān*. Beliau meninggal dunia pada tahun 22 September 1979M. [Untuk maklumat lanjut sila rujuk: Muḥammad <sup>ᶜ</sup>Amārah, *Abū al-A<sup>ᶜ</sup>lā al-Maudūdī wa al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah*, Dār al-Weḥdah, Beirūt, 1987].

Jahiliyah seterusnya berusaha dalam menghidupkannya secara khusus dan menggerakannya secara aktif dengan kadar yang semampunya.”

- c. Manakala Yūsuf al-Qaraḍawī<sup>1</sup> pula berkata: “Tajdid pada agama itu bukanlah bermakna menzahirkan produk yang baharu darinya bahkan ia lebih kepada mengembalikannya sebagaimana pada zaman Rasulullah s.a.w para Sahabat dan mereka yang mengikuti mereka.”

Ketiga-tiga pandangan dari ulama di atas jelas menunjukkan bahawa *al-Taṣfīyah* berjalan seiring dengan gerakan tajdid yang mana keduanya berusaha untuk mengembalikan Islam itu sebagaimana asalnya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w atau dengan kata lain membersihkan Islam dari sebarang perkara yang bukan darinya. Apa yang membezakan antara keduanya ialah tajdid dilihat sebagai penggerak untuk menghidupkan sesuatu yang telah hilang dari agama Islam dan seterusnya memurnikannya sebagaimana asalnya.

Maka berdasarkan maksud tajdid dan pandangan ulama tersebut dapat dinyatakan di sini bahawa ianya mengandungi unsur *al-Taṣfīyah* yang mana boleh dilihat dari sudut persamaan dan perbezaannya sebagaimana berikut:

### **Persamaan**

Apabila diamati *al-Taṣfīyah* dan tajdid mempunyai persamaannya kerana keduanya merupakan satu usaha untuk:

- a. Mengembalikan ajaran Islam kepada asalnya sebagaimana yang dibawa oleh baginda Nabi s.a.w.
- b. Memisahkan perkara yang bukan dari agama.
- c. Keduanya bukan sahaja berusaha untuk mengembalikannya kepada asal bahkan untuk menyinarkannya.
- d. Menyebarkannya kepada masyarakat Islam.

---

<sup>1</sup> Dr Yūsuf al-Qaraḍhāwī lahir pada tahun 1926 di Mesir. Beliau bergiat aktif dalam pelbagai bidang dalam bidang ilmu Islam seperti bidang penulisan ilmiah, bidang dakwah dan pendekatan, bidang fiqh dan fatwa, bidang ekonomi Islam, bidang khidmat kemasyarakatan dan sebagainya. Beliau memiliki lebih daripada tujuh puluh buah karya. Antara karyanya yang masyhur ialah: *al-Ḥalāl wa la-Ḥarām fī al-Islām*, *al-ʿIbādah fī al-Islām*, *al-Muntaqā min al-Targhīb wa al-Tarhīb* dan *Fatāwā al-Muḥāsirah*. [Muḥammad al-Ghazzālī & rakan-rakan, *Yūsuf al-Qaraḍāwī Kalimāt fī takrīmihī wa Buhūth fī fikrihī wa fiqhīhī Muḥādah ilaihi bimunāsabah bulūghihī al-Sabʿīn*, Dār al-Salām, al-Qāhīrah, 2004, Jil. 1, hlm. 19-28].

### Perbezaan

Dari sudut perbezaannya pula tajdid dilihat sebagai usaha untuk menghidupkan apa yang hilang dan seterusnya mengembalikannya sebagaimana yang diturunkan ke atas junjungan Nabi s.a.w tetapi *al-Tasfiyah* lebih kepada memurnikan apa yang sedia ada dalam masyarakat Islam.

Dengan itu, boleh disimpulkan bahawa tajdid lebih umum dari *al-Tasfiyah* dan *al-Tasfiyah* itu pula lebih berbentuk khusus lantaran ia adalah sebahagian daripada tajdid.

### AL-TAŞFIYAH DALAM AKIDAH BERDASARKAN SUNNAH NABAWIYAH

Dalam bahagian ini, perbincangan menyentuh tentang usaha *al-Tasfiyah* yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w dengan memfokuskan pada usaha baginda dalam mensucikan akidah kaum Muslimin dari dijangkiti oleh virus syirik. Perbincangan ini sekaligus memperlihatkan bahawa konsep *al-Tasfiyah* telah dimanifestasikan dalam hadis Nabi s.a.w

Penulis membahagikan hadis Nabi s.a.w yang mengandungi pemanifestasian *al-Tasfiyah* kepada tiga bahagian iaitu: *al-Tasfiyah* terhadap kepercayaan, ibadah dan ucapan.

Dari sudut **kepercayaan**, Nabi s.a.w memurnikan akidah umat baginda dari kepercayaan *al-Tiyarah*. Ini adalah sebagaimana yang terkandung dalam hadis berikut:

عن عبد الله بن مسعود : عن رسول الله صلى الله عليه و سلم قال : الطيرة شرك الطيرة شرك (ثلاثا) وما منا إلا ولكن الله يذهبه بالتوكل .<sup>1</sup>

Maksudnya:

Daripada <sup>C</sup>Abdullāh bin Mas<sup>C</sup>ūd: Daripada Rasulullah s.a.w baginda telah bersabda: ***al-Ṭiyarah* adalah syirik, *al-Ṭiyarah* adalah syirik** (baginda menyebutnya tiga kali) dan setiap orang pasti (pernah terlintas

<sup>1</sup> Abū Dāud, *Sunan Abī Dāud*, Kitāb al-Ṭibb, Bāb fī al-Ṭiyarah, No. 3910, Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṭibb, Bāb Man Kāna Yu<sup>C</sup>jibuhu al-Fa'l., No. 3538 & al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Sayr, Bab al-Ṭiyarah, No. 1614.

**Hukum hadis:** Dinilai sahih oleh Ibn Daqīq al-<sup>C</sup>īd dalam kitab *al-Iqtirāḥ*, No. 125, Aḥmad Syākir dalam kitab *Musnad Aḥmad*, No. 5/254 & al-Albānī dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ Abī Dāud*, No. 3910 & *Ṣaḥīḥ Ibn Mājah*, No. 2866.



dalam hatinya sesuatu dari hal ini). Hanya sahaja Allah s.w.t menghilangkannya dengan tawakkal.

Manakala dari sudut **ibadah** pula, Nabi s.a.w memurnikan akidah umat Islam dari ibadah nazar yang dilakukan untuk selain Allah s.w.t

عن محمد بن الزبير عن أبيه عن رجل من أهل البصرة قال صحبت عمران بن حصين قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : النذر نذران فما كان من نذر في طاعة الله فذلك لله وفيه الوفاء وما كان من نذر في معصية الله فذلك للشيطان ولا وفاء فيه ويكفره ما يكفر اليمين

Maksudnya:

Daripada Muḥammad ibn al-Zubair daripada ayahnya daripada seorang lelaki di kalangan ahli Basrah telah berkata: Aku berjumpa dengan <sup>C</sup>Imrān ibn Huṣain, beliau telah berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: “Nazar ada dua jenis: Siapa yang bernazar untuk ketaatan kepada Allah, maka itu adalah untuk Allah dan padanya perlu menunaikannya. Manakala **siapa yang bernazar untuk bermaksiat kepada Allah, maka nazar itu adalah untuk syaitan**. Tidak perlu menunaikannya dan kaffarahnya ialah kaffarah sumpah<sup>1</sup>.”<sup>2</sup>

Kemudian apabila ditinjau dari sudut ucapan pula, Nabi s.a.w memurnikan akidah umat Islam dari ucapan “*Atas kehendak Allah dan kehendakmu*”

---

<sup>1</sup> Kaffarah sumpah ialah sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-M<sup>□</sup>idah, ayat 89:

فَكَفَّرْتُمُوهُ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفْرَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ

Maksudnya: .....Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin, dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), Maka hendaklah ia berpuasa selama tiga hari. yang demikian itu adalah denda penebus sumpah-sumpahmu apabila kamu bersumpah....(89)

<sup>2</sup> al-Nasā'iī, *Sunan al-Nasā'iī*, Kitāb al-Aimān wa al-Nudhūr, Bāb Kaffārah al-Nadhr, No. 3845.

**Hukum hadis:** Dinilai sahih oleh al-Albānī dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Nasā'iī*, No. 3854 & kitab *Ṣaḥīḥ al-Jāmi<sup>C</sup>*, No. 6804. Dalam kitab *Takhrīj Misykāt al-Maṣābīḥ*, beliau berkata: Hadis ini mempunyai *Syāhid* dengan sanad yang sahih, No. 3377.

عن ابن عباس : أن رجلا قال للنبي صلى الله عليه و سلم ما شاء الله وشئت فقال له النبي صلى الله عليه و سلم: أ جعلتني والله عدلا بل ما شاء الله وحده.<sup>1</sup>

Maksudnya:

Daripada Ibn <sup>c</sup>Abbās: Bahawa seorang lelaki telah berkata kepada Nabi s.a.w: “Atas kehendak Allah dan kehendakmu” Lalu baginda s.a.w bersabda: “**Adakah kamu menjadikan aku dan Allah sebagai sekutu?**” Tetapi (katakanlah): “**Atas kehendak Allah sahaja**”

Hadis-hadis di atas dinyatakan oleh penulis adalah sebagai contoh sahaja untuk setiap bahagian yang dikemukakan. Kajian penulis terhadap hadis Nabi s.a.w telah berjaya mengumpulkan sebanyak 48 buah hadis yang menunjukkan kepada pemanifestasian konsep *al-Tasfiyah* dari sudut akidah yang terkandung dalam Sunnah Nabawiyah

Dalam jadual berikut menunjukkan bahawa sebanyak 19 buah hadis ditemui untuk tasfiyah akidah dari sudut kepercayaan. Manakala tasfiyah akidah dari sudut ibadah pula dijumpai sebanyak 18 buah hadis. Untuk tasfiyah dari sudut ucapan pula, penulis menemui 11 buah hadis. Keseluruhannya menunjukkan bahawa terdapat 48 hadis Nabi s.a.w yang membincangkan berkaitan tasfiyah akidah.

Jadual 1 Manifestasi *al-Tasfiyah* dalam Akidah Berdasarkan Hadis Nabi s.a.w.

Pentasfiyahan Akidah	Jumlah Hadis
Kepercayaan	19
Ibadah	18
Ucapan	11
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>48</b>

Penting untuk dinyatakan bahawa jumlah di atas, bukanlah menggambarkan keseluruhan hadis berkaitan tasfiyah akidah tetapi lebih

<sup>1</sup> Aḥmad ibn Ḥanbal, *Musnad Aḥmad ibn Ḥanbal*, Musnad Banī Hāshim, Musnad <sup>c</sup>Abdullāh ibn <sup>c</sup>Abbās ibn <sup>c</sup>Abd al-Muṭallib, No. 1839, 1964, 2561 & 3247.

**Hukum hadis:** Dinilai sahih oleh Aḥmad Syākir dalam *Musnad Aḥmad* No. 3/253. Manakala al-Albānī menilainya sebagai hasan dalam kitab *al-Silsilah al-Ṣaḥīḥah*, No. 1/266.

kepada sekadar untuk membuktikan kewujudannya dalam hadis Nabi s.a.w.

Maka menerusi dapatan kajian tersebut, ia menunjukkan bahawa pertama, konsep *al-Tasfiyah* layak dikategorikan sebagai epistemologi Islam lantaran terbinanya ia adalah di atas landasan al-Qur'an dan hadis yang sahih. Justeru, bila mana ada pihak-pihak yang menafikan kepentingan peranan *al-Tasfiyah* ketika berinteraksi dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama Islam, maka jelas penafian dan tindakan itu adalah sesuatu yang salah dan berdasarkan kepada kejahilan mereka terhadap konsep ini. Penting untuk dinyatakan bahawa *al-Tasfiyah* bukanlah tertumpu pada *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa) semata-mata tetapi ia lebih dari itu sebenarnya.

Kedua, *al-Tasfiyah* merupakan salah satu manhaj dakwah terunggul yang terkandung di dalam al-Qur'an al-Karim lantaran ia merupakan manhaj yang diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada para Nabi. Justeru adalah sesuatu yang tidak wajar jika ada pihak yang mengecam dan mengkritik tokoh atau gerakan tertentu seperti gerakan Salafi, Tajdid dan sebagainya ketika mereka mengaplikasikan manhaj *al-Tasfiyah* dalam mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Ketiga, *al-Tasfiyah* bukan satu ideologi mahupun teori yang dicipta oleh mana-mana tokoh untuk menyokong perjuangan mereka dalam mengislahkan masyarakat Islam. Sebaliknya, mereka merupakan golongan yang mencontohi dakwah para Nabi lalu mengaplikasikan konsep *al-Tasfiyah* pada usaha mereka dalam mengembalikan masyarakat Islam kepada syariat Islam yang sebenarnya.

Seterusnya keempat, kajian menunjukkan bahawa hadis Nabi s.a.w terlebih dahulu telah memanifestasikan konsep *al-Tasfiyah* dalam usaha mendidik manusia ke arah jati diri Muslim yang sebenar. Ia juga memperlihatkan bagaimana hadis berperanan selaku pemurni utama kepada pencemaran yang berlaku pada akidah kebanyakan masyarakat Muslim

## **PENUTUP**

*Al-Tasfiyah* merupakan satu konsep penting yang tidak boleh dipandang enteng oleh mereka yang bergelar Muslim. Peranan utamanya yang berfungsi sebagai 'anti-virus' untuk ajaran Islam dapat mengembalikan ia sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan apa yang disabdakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Perlu untuk ditegaskan bahawa tanpa usaha *al-Tasfiyah* tentu sahaja masyarakat Islam akan berterusan berada pada kesalahan dan kesalahfahaman dalam mengamalkan ajaran Islam. Justeru, ianya perlu dititikberatkan oleh setiap individu Muslim

dalam dirinya bagi memelihara kesucian agama itu dalam apa jua tindakan, waktu dan suasana.

Harapan penulis, semoga kajian ini mampu memberi pendedahan awal kepada mereka yang tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, menjadi pembuka mata kepada mereka yang keliru dan dibelenggu kesalahfahaman mengenainya dan dalam masa yang sama mampu menjadi langkah awal kepada mereka untuk berusaha melaksanakan *al-Tasfiyah* dalam kehidupan.

#### RUJUKAN

- 1) *Al-Quran*.
- 2) <sup>C</sup>Amru <sup>C</sup>Abd al-Mun<sup>C</sup>im Salīm. t.th. *al-Manhaj al-Salaḥī <sup>C</sup>inda al-Syaikh Nāsir al-Dīn al-Albānī* t.pt: Maktabah al-Diyā'.
- 3) al-Adnarawiyy, Aḥmad ibn Muḥammad. 1997. *Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*. Jil. 1. al Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-<sup>C</sup>Ulūm wa al-Ḥikam.
- 4) Abdul Rahman Hj. Abdullah. 2004. *Pemikiran Islam Klasik Pengaruh Falsafah Yunani dan Kebangkitan Gerakan Tajdid*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- 5) Azwira Abd Aziz. 2007. *15 Asas Jati Diri Muslim Cemerlang*, Johor: Perniagaan Jahabersa.
- 6) al-Dhahabī, Syams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad. 1994. *Tārīkh al-Islām Wa Wafayāt al-Masyāhīr Wa al-A<sup>C</sup>lām*. Ḥawādith Wa Wafayāt 101-120H. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>C</sup>Arabī.
- 7) al-Diqr, Abd al-Ghānī. 2005. *Aḥmad ibn Ḥanbal Imām ahl al-Sunnah*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- 8) *al-Durar al-Saniyyah*, Al-Mausū<sup>C</sup>ah al-Ḥadīthiah Taisīr al-Wuṣūl Ilā Aḥādīth al-Rasūl s.a.w. t.th. <http://www.dorar.net/enc/hadith.html> [8 April 2010].
- 9) al-Ḥalabī, <sup>C</sup>Alī ibn Ḥasan ibn <sup>C</sup>Alī Abd al-Ḥamīd. 1994. *al-Taṣfiyah wa al-Tarbiyah wa Atharuhumā fī isti'nāfi al-Ḥayah al-Islāmiyyah*, Riyāḍ: Dār al-Tauhīd.
- 10) al-Ḥalabī, Alī Bin <sup>C</sup>Ḥasan. 2005. *Tasfiyah dan Tarbiyah*. Terj. Ahamad Fais Asifuddin & Muslim al-Atsari. Solo: Pustaka Imam al-Bukhari.
- 11) al-Ḥanbalī, Ibn Rajab. 2000. *Jāmi<sup>C</sup> al-<sup>C</sup>Ulūm wa al-Ḥikam fī Syarḥ Khamsīna Ḥadīthan min Jawāmi<sup>C</sup> al-Kalim*. Yūsuf al-Baqā<sup>C</sup>ī (pnyt.). Beirut: al-Maktabah al-<sup>C</sup>Asriyyah.
- 12) Ibn al-<sup>C</sup>Arabiyy al-Mālikī, Muḥammad ibn <sup>C</sup>Abdullāh ibn Muḥammad. t.th. *Ḍarīḍah al-Aḥwadhī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Jil. 9. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>C</sup>Ilmiyyah.
- 13) Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qurān al-<sup>C</sup>Azīm*. 1999. Jil. 3. t.pt: Dār al-Ṭaibah li al-Nasyr wa al-Tauzī<sup>C</sup>.
- 14) Ibn Kathīr. 2000. *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Tahdhīb Tafsīr ibn Kathīr*, Ṣafiyy al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (pnyt.). al-Riyāḍ: Dār al-Salām.
- 15) Ibn Rajab, Zain al-Dīn Abī al-Farj <sup>C</sup>Abd al-Raḥmān. 2000. *Jāmi<sup>C</sup> al-<sup>C</sup>Ulūm wa al-Ḥikam fī Syarḥ Khamsīna Ḥadīthan min Jawāmi<sup>C</sup> al-Kalim*. Beirut: Dār al-Dhakhāir.
- 16) *Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 17) Lāfī Syatrāt. 2006. Mafhūm al-Taṣfiyah wa al-Tarbiyah. <http://www.almenhaj.net/makal.php?linkid=893.html> [20 Januari 2010].

- 18) al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn ibn Muḥammad Aḥmad ibn Muḥammad & al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn <sup>C</sup>Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr. 1999. *Tafsīr al-Jalālain*. al-Qāhirah: Dār al-Tauzī<sup>C</sup> wa al-Nasyr al-Islāmiyyah.
- 19) *al-Maktabah al-Syāmilah*. t.th. Versi 3.13. (CD-ROM) [11 Ogos 2010].
- 20) al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj Yūsuf. 1985. *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*. Jil. 31. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- 21) al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj Yūsuf. 1998. *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*. Jil. 4. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- 22) al-Mubārakfūrī, Muḥammad <sup>C</sup>Abd al-Raḥmān Ibn <sup>C</sup>Abd al-Raḥīm. t.th. *Tuḥfah al-Aḥwadhībi Syarḥ Jāmi' <sup>C</sup>al-Tirmidhī*. Jil. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>C</sup>Ilmiyyah.
- 23) *al-Mu'jam al-<sup>C</sup>Arabiyy al-Asāsiyy*. t.th. t.pt: al-Munazzamah al-<sup>C</sup>Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-<sup>C</sup>Ulūm.
- 24) al-Qārī, <sup>C</sup>Alī ibn Sulṭān. 2001. *Mirqāh al-Mafāiḥ Syarḥ Misykāh al-Maṣābiḥ*, Jamāl <sup>C</sup>Aitānī (pnyt.). Jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>C</sup>Ilmiyyah.
- 25) al-Zuḥailī, Wahbah. 1996. *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu*. Jil. 4. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- 26) al-Ṣiddīqī, Abī <sup>C</sup>Abd al-Raḥmān Syarf al-Ḥaq Muḥammad Asyrāf. 2000. *ʿAun al-Ma'bud Syarḥ Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: Dār al-Turāth al-Iḥyā' al-<sup>C</sup>Arabiyy.
- 27) al-Syātūtī, Saīd al-Khūrī. 1992. *Aqrān al-Mawārid fī Fuṣaḥi al-<sup>C</sup>Arabiyyah wa al-Syawārid*. Jil. 1. Beirut: Maktabah al-Lubnān.
- 28) al-Sibā<sup>C</sup>ī, Muṣṭafā. 1998. *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī<sup>C</sup>*. Dār al-Salām, al-Qāhirah.
- 29) Ṣiddīq Ḥassān Khān. 1995. *al-Dīn al-Khāliṣ*. Jil. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>C</sup>Ilmiyyah
- 30) Ṣiddīq Ḥassān Khān. 1998. *ʿAzāb al-Nār*. Beirut: Dār al-Biḥār.
- 31) *Tafsīr Pimpinan al-Rahman*. 1998. Cetakan 15. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- 32) al-Zuḥailī, Wahbah. 1998. *al-Tafsīr al-Munīr fī al-ʿAqā'id wa al-Syarīʿah wa al-Manhaj*. Jil. 1, 4, 9, 12, 14, 16. Damsyiq: Dār al-Fikr.



# WACANA HADIS DALAM TRADISI KEILMUAN ZAYDIYYAH

Oleh Mohd. Khafidz Soroni<sup>1</sup>

## Abstrak

*Pendedahan yang amat minima berkaitan golongan Zaydiyyah menyebabkan ramai kalangan Ahlus Sunnah menyangka bahawa tradisi keilmuan Zaydiyyah adalah sama serupa sepertimana mazhab-mazhab Syiah yang lainnya dan hampir tidak ada beza. Tulisan ini akan cuba mengupas sejauhmana kebenaran andaian tersebut, dengan fokus khusus terhadap disiplin hadis dan perkembangannya dalam mazhab Zaydiyyah. Penulis juga membincangkan apakah sumber-sumber hadis yang diguna pakai oleh mereka, dan apakah sumber-sumber mereka dapat dimanfaatkan oleh golongan Ahlus Sunnah, ataupun tidak dapat diterima sepenuhnya?*

## Mukadimah

Percambahan mazhab-mazhab dalam Islam didokong oleh kepelbagaian pandangan dan pemikiran di kalangan alim ulamanya. Pasang surut sesuatu mazhab pula dipengaruhi oleh kemampuan para pengikut serta kekuatan dalil dan keupayaan hujah di kalangan mereka. Wujudnya khazanah ilmu yang diwariskan dan pengikut yang setia menjamin kekekalan sesuatu mazhab itu sehingga ke masa sekarang. Mazhab Zaydiyyah adalah antara mazhab-mazhab dalam Islam yang masih diamalkan dan terus utuh sehingga ke hari ini. Secara statistik, mazhab ini telah bertapak dengan kukuh di Yaman dan secara minoriti di beberapa negara lain seperti Mesir, Arab Saudi, Iraq, Oman dan lain-lain. Ia merupakan mazhab utama bagi Negara Yaman kecuali daerah Hadramaut yang dikuasai oleh kaum 'Alawiyyun atau Ba 'Alawi yang bermazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah dan berfiqh Syafi'i. Elemen-elemen yang toleran dalam mazhab Zaydiyyah menjadikan ia terus berkembang dan kukuh hingga sekarang (Muhammad Abu Zahrah, 488-491).

## Mazhab Zaydiyyah & Dasar-dasar Utama Fahamannya

Menurut Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari (m. 330H), mazhab Zaydiyyah adalah salah satu daripada tiga buah mazhab terbesar Syiah, iaitu (i) *Ghaliyah al-Syi'ah* (golongan Syiah pelampau), (ii) *al-Rafidhah al-Imamiyyah* (golongan majoriti Syiah) dan juga (iii) *al-Zaydiyyah*.

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Mereka dipanggil sebagai Syiah kerana mereka menyokong dan mengikut Sayyidina ‘Ali RA serta mendahulukan beliau ke atas semua sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang lain (al-Asy’ari 1990, 1:66, 88, 136).

Syiah pada zaman awalnya berbeza dengan Syiah pada masa-masa kemudiannya. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani, fahaman Syiah menurut takrif ulama terdahulu ialah iktikad terhadap keutamaan ‘Ali RA ke atas ‘Uthman RA, dan ‘Ali RA adalah benar dalam peperangan-peperangannya, dan orang yang menentangnya pula adalah salah, di samping mendahulukan dan mengutamakan *al-Syaykhan* Abu Bakr RA dan ‘Umar RA. Boleh jadi ada sesetengah mereka beriktikad bahawa ‘Ali RA adalah individu yang paling afdal selepas Rasulullah SAW. Jika orang yang beriktikad demikian seorang yang warak, beragama, benar dan berijtihad, maka riwayatnya tidak ditolak dengan sebab itu, terutama jika ia seorang yang tidak menyeru kepada mazhabnya. Adapun fahaman Syiah menurut takrif ulama terkemudian, maka ia adalah fahaman *Rafidh* (menolak *al-Syaykhan* Abu Bakr dan ‘Umar) semata-mata. Maka tidak boleh diterima riwayat penganut fahaman *al-Rafidhah* yang melampau dan tiada sebarang kemuliaan (*karamah*) baginya (Ibn Hajar, 1:81).

Bagaimanapun, pendapat al-Hafiz Ibn Hajar mengenai fahaman Syiah menurut takrifan ulama terkemudian mungkin kurang tepat kerana ia hanya merujuk kepada Syiah *Ghaliyah* dan Syiah *Imamiyyah* sahaja. Adapun Syiah *Zaydiyyah*, mereka lebih sesuai dengan takrifan ulama terdahulu seperti yang dinyatakan di atas, yang hakikat sebenarnya mereka terus berkekalan sehingga ke hari ini. Artikel ini antara lain akan cuba mengupas dan menjelaskannya.

Al-Zaydiyyah dinisbahkan kepada Imam Zayd bin ‘Ali bin al-Husayn bin ‘Ali bin Abi Talib AS disebabkan mereka berpegang dengan pandangan-pandangannya. Antara pandangan beliau ialah mengutamakan ‘Ali bin Abi Talib RA ke atas semua sahabat-sahabat Rasulullah SAW, serta tetap mengakui khilafah Abu Bakr RA dan ‘Umar RA. Beliau berpendapat wajib keluar menentang pemimpin-pemimpin yang zalim. Beliau telah terbunuh syahid pada tahun 122H ketika keluar menentang Yusuf bin ‘Umar al-Thaqafi, pemerintah Kufah pada zaman khalifah Hisyam bin ‘Abd al-Malik. Jenazah beliau telah dikebumikan pada waktu malam. Namun, kuburnya kemudian telah dapat diketahui, lalu dibongkar semula dan mayatnya telah disalib dalam keadaan telanjang. Setelah 4 tahun, mayatnya diturunkan, lalu dibakar (Lihat: al-Asy’ari 1990, 1:136; Badr al-Din al-‘Ayni, 1:376-377; Muhammad Abu Zahrah, 22-62).



Mazhab Zaydiyyah adalah mazhab Syiah yang paling hampir kepada Ahlus Sunnah wal Jamaah (Muhammad Abu Zahrah t.t., 40; Ahmad Amin, 272; Mustafa al-Syak'ah, 230). Menurut Syeikh al-Kawthari, banyak hukum-hakam dalam mazhab Zaydiyyah hampir serupa dengan hukum-hakam dalam mazhab Hanafi kerana sumber mereka adalah sama iaitu dari para fuqaha' sahabat RA dan tabiin di Kufah (al-Kawthari 1997, 412-413). Ia adalah mazhab yang berdiri sendiri dan amat berbeza dengan mazhab Syiah Imamiyyah atau Rafidhah. Perbezaan mereka dapat dilihat sejak awal lagi ketika Imam Zayd bin 'Ali dibai'ah sebagai khalifah oleh para pengikutnya di Kufah, di mana beliau telah mendengar sebahagian mereka mencela Abu Bakr RA dan 'Umar RA. Lantas beliau pun mengingkari perbuatan mereka itu. Maka berpecahlah daripada beliau orang-orang yang membai'ahnya. Lalu beliau berkata kepada mereka: "Kamu sekalian telah menolakku?" Maka mereka pun dipanggil *Rafidhah* (para penolak) kerana kata-kata Imam Zayd tersebut. Hanya segolongan kecil sahaja yang masih terus bersama beliau (al-Asy'ari 1990, 1:136).

Kemudian golongan *Rafidhah* mendakwa bahawa *imamah* (kepimpinan) sebenarnya adalah secara wasiat dari 'Ali bin al-Husayn kepada anaknya Muhammad al-Baqir, bukannya kepada Zayd. Dari Muhammad al-Baqir pula kepada anaknya Ja'far al-Sadiq, dan seterusnya sehingga genap 12 orang imam ('Abdullah Hamud al-'Izzi 2009, 84).

Di sinilah titik pemisah antara mereka. Oleh kerana itu, Imam Zayd atau imam-imam Zaydiyyah yang lain tidak dianggap sebagai imam-imam Ahlul Bait dan tidak menjadi sumber rujukan Syiah Imamiyyah sehingga kini, serta tidak termasuk dalam senarai Imam 12 mereka. Maka jelas bahawa golongan Zaydiyyah tidak menolak pemerintahan Sayyiduna Abu Bakr al-Siddiq RA dan Sayyiduna 'Umar RA dan mereka masih menghormati majoriti sahabat-sahabat Nabi SAW (Minhaj al-Muttaqin oleh Yahya bin al-Hasan al-Qurasyi, 669- 672). Inilah titik perbezaan penting antara Syiah Zaydiyyah dan Syiah Imamiyyah. Meskipun kedua-dua bersepakat bahawa Sayyiduna 'Ali RA adalah *wasi* (pemegang wasiat) Rasulullah SAW yang paling layak menjadi khalifah selepas baginda SAW dan beliau merupakan sahabat Nabi SAW yang paling afdal. Ini bertentangan dengan akidah Ahlus Sunnah yang menyatakan bahawa tidak ada sebarang *wasi* dan Sayyiduna Abu Bakr-lah sahabat Nabi SAW yang paling afdal, diikuti oleh 'Umar, 'Uthman dan 'Ali RA.

Mazhab Imam Zayd ini banyak dipegang oleh keturunan beliau, keturunan Imam 'Abdullah al-Kamil bin al-Hasan al-Muthanna bin al-Hasan bin 'Ali bin Abi Talib AS seperti Muhammad *al-Nafs al-*

*Zakiyyah*, Ibrahim, Yahya dan Idris al-Akbar pembuka Maghribi, dan keturunan Ibrahim bin al-Hasan al-Muthanna bin al-Hasan AS. Ia juga dipegang oleh sebilangan alim ulama Ahlul Bait yang lain seperti dua beradik, al-Hasan dan Muhammad bin Zayd bin al-Hasan bin 'Ali bin Abi Talib AS. Mazhab Zaydiyyah juga telah diikuti oleh sebahagian daripada para alim ulama dan juga para solihin. Mazhab mereka juga disebut sebagai mazhab Ahli Bait, atau mazhab *al-Al*, atau mazhab *al-'Itrah*.

### **Tradisi Keilmuan Zaydiyyah**

Dalam bab akidah, Syiah Zaydiyyah lebih mirip kepada faham Muktabilah. Antara usul-usul penting mazhab Zaydiyyah ialah:

1. '*Adl* dan *tawhid*'; keadilan dan keesaan Allah SWT.
2. Menetapkan kekal dalam neraka bagi orang-orang yang fasiq atau pelaku dosa besar.
3. Menafikan manusia dapat melihat Allah SWT di alam akhirat.
4. Menafikan 'paksaan' takdir, dan manusia mempunyai kemampuan dan ikhtiar sendiri yang diberikan oleh Allah SWT.
5. Menyabitkan keutamaan dan kepemimpinan 'Ali RA selepas Rasulullah SAW tanpa sebarang pemisah, kemudian al-Hasan RA, kemudian al-Husayn RA, kemudian sesiapa yang bangkit dan menyeru haknya dari kalangan zuriat mereka serta memiliki syarat-syarat kepemimpinan yang muktabar di sisi mereka.
6. Melaksanakan amar makruf nahi mungkar.
7. Berjihad memerangi orang-orang yang zalim.
8. al-Quran itu adalah makhluk.

(al-Asy'ari 1990, 1:146-150; Badr al-Din Amir al-Din 2002, 33; Yahya bin al-Husayn, 2003)

Kesemua kumpulan Zaydiyyah; Qasimiyyah, Hadiwiyyah, Nasiriyyah dan Mu'ayyadiyyah bersepakat ke atas usul-usul ini. Mazhab mereka mengharamkan taklid ke atas setiap mujtahid yang mampu menguasai dalil-dalil dan mengeluarkan hukum hakam syar'i daripada al-Quran dan hadis. Taklid hanyalah untuk orang awam dan mereka yang tidak mampu berbuat demikian. Oleh kerana itu, muncullah ramai yang mendakwa sebagai mujtahid dari kalangan ulama mazhab Zaidiyyah. Namun mereka masih menisbahkan diri kepada Imam Zayd bin 'Ali sebagai suatu nisbah kemuafakatan, kebanggaan dan kemuliaan ('Abdullah Hamud al-'Izzi 2009, 82-83; Muhammad Abu Zahrah, 492-506).

Ulama Zaydiyyah telah menghasilkan khazanah warisan akidah, adab, usul dan fiqh yang tidak sedikit jumlahnya. Dalam kitab *Mu'allafat al-Zaydiyyah* oleh al-Sayyid Ahmad al-Husayni, beliau telah merekodkan kira-kira hampir 3,000 buah kitab, termasuk judul-judul

yang berulang ('Abd al-Salam 'Abbas, 1:35). Antara rujukan-rujukan mazhab Zaydiyyah ialah:

1. *Majmu' Rasa'il*, iaitu kumpulan risalah Imam Zayd bin 'Ali (m. 122H).
2. *Majmu' Rasa'il*, iaitu kumpulan risalah al-Qasim al-Rasi (m. 246H).
3. *Majmu' Rasa'il*, iaitu kumpulan risalah al-Hadi ila al-Haq Yahya bin al-Husayn bin al-Qasim (m. 298H).
4. *Majmu' Rasa'il*, iaitu kumpulan risalah al-Husayn bin al-Qasim al-'Iyani (m. 404H).
5. *Syarh al-Tajrid* oleh al-Mu'ayyad bi-Allah Ahmad bin al-Husayn al-Haruni (m. 410H),
6. *Usul al-Ahkam al-Jami' li-Adillah al-Halal wa al-Haram* dan *Haqa'iq al-Ma'rifah* oleh al-Mutawakkil 'ala Allah Ahmad bin Sulayman (m. 566H).
7. *al-Syafi* dan *al-Majmu' al-Mansuri* oleh al-Mansur bi-Allah 'Abdullah bin Hamzah (m. 611H).
8. *Majmu' Rasa'il*, iaitu kumpulan risalah al-Mahdi Ahmad bin al-Husayn (m. 656H).
9. *Anwar al-Yaqin* (أنوار اليقين في إمامة أمير المؤمنين) oleh al-Hasan bin Badr al-Din (m. 670H).
10. *Majmu'* Hamidan bin Yahya al-Qasimi (m. dalam kurun ke-7 H).
11. *al-Intisar 'ala 'Ulama' al-Amsar* oleh al-Mu'ayyad bi-Allah Yahya bin Hamzah al-Husaini (m. 749H)
12. *al-Bahr al-Zakhkhar al-Jami' li-Mazahib 'Ulama' al-Amsar* oleh al-Muhdi li-Din Allah Ahmad bin Yahya al-Murtadha (m. 840H).
13. *al-I'tisam bi Habl Allah al-Matin, al-Asas li-'Aqa'id al-Akyas* dan lain-lain oleh al-Mansur bi-Allah al-Qasim bin Muhammad bin 'Ali (m. 1029H).

Dalam soal pengambilan sumber ilmu syariah, mazhab Zaydiyyah adalah mazhab yang terbuka, tidak seperti Syiah Imamiyyah yang bersifat eksklusif dan sering kontra dengan golongan Ahlus Sunnah. Syiah Imamiyyah dengan *fiqh Ja'farinya* tidak mengambil sumber ilmu syariah dari mana-mana mazhab lain kecuali sekadar yang dapat menyokong mazhab mereka. Namun bagi Zaydiyyah, selain sumber mereka sendiri, mereka juga mengambil hukum dan pedoman dari sumber Ahlus Sunnah wal Jamaah serta Syiah Imamiyyah. Namun boleh dikatakan, mereka lebih banyak mengambil dari Ahlus Sunnah berbanding Imamiyyah kerana mereka tidak melihat sumber Imamiyyah dapat dipegangi secara yakin (Lihat: Ahmad al-Husayn al-Haruni, 5:203; Ahmad bin Sulayman, 2:186; Muhammad Abu Zahrah, 234).

Kitab-kitab Zaydiyyah seperti *Syarh al-Tajrid*, *Usul al-Ahkam al-Jami' li-Adillah al-Halal wa al-Haram* dan *al-I'tisam bi Habl Allah al-Matin* banyak memetik daripada sumber-sumber Ahlus Sunnah ('Abdullah Hamud al-'Izzi 2009, 14).

Sebagai contoh, dalam kitab *al-Bahr al-Zakhkhar al-Jami' li-Mazahib 'Ulama' al-Amsar* oleh Ahmad bin Yahya al-Murtadha, beliau telah mengisyaratkan sumber-sumber rujukannya dengan menggunakan simbol-simbol. Antaranya, simbol-simbol bagi fuqaha' Ahlul Bait dan fuqaha' Ahlus Sunnah sepertimana berikut:

وَأَمَّا أَهْلُ الْبَيْتِ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ، فَمِنْهُمْ: الْعُتْرَةُ (هـ)، الْقَاسِمِيُّ (يـ)، زَيْدُ بْنُ عَلِيٍّ (ز)،  
 وَالْبَاقِرُ (بـ)، الصَّادِقُ (صـ)، أَحْمَدُ بْنُ عَيْسَى (سـ)، النَّفْسُ الزَّكِيَّةُ (كـ)،  
 الْقَاسِمُ (قـ)، الْهَادِي (هـ)، النَّاصِرُ (نـ)، الْمُؤَيَّدُ (مـ)، أَبُو طَالِبٍ (طـ)، أَبُو  
 الْعَبَّاسِ (عـ)، الْمُرْتَضَى (نـ)، أَحْمَدُ بْنُ يَحْيَى (أحمد)، الْمُتَنَصِّرُ (صـ)، الْإِمَامُ  
 يَحْيَى (يـ)، فَإِنْ كَانَ تَخْرِيْجًا لِأَيِّ السَّادَةِ أَصَفْنَا إِلَى رَمَزِهِ جِيمًا مِثْلَهُ تَخْرِيْجُ أَبِي طَالِبٍ  
 (حـ)، تَخْرِيْجُ الْمُؤَيَّدِ (حـ)، تَخْرِيْجُ أَبِي الْعَبَّاسِ (جـ). وَأَمَّا الْفُقَهَاءُ، فَهَذِهِ  
 رُمُوزُهُمْ: الْفُقَهَاءُ (هـ)، الشَّافِعِيُّ (شـ)، أَبُو حَنِيفَةَ (حـ)، مَالِكُ (كـ)، أَحْمَدُ بْنُ  
 حَنْبَلٍ (مـ)، إِسْحَاقُ بْنُ رَاهُوَيْهٍ (حـ)، دَاوُدُ الظَّاهِرِيُّ (دـ)، سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ (ثـ)  
 (بـ)، الْأَوْزَاعِيُّ (عـ)، اللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ (لـ)، الزُّهْرِيُّ (هـ)، رَبِيعَةُ (عـ)، الْمُزَنِّيَّ (ز)  
 (بـ)، الْحَسَنُ بْنُ صَالِحٍ (حـ)، أَبُو تَوْرٍ (تـ)، أَبُو يُوسُفَ (فـ)، مُحَمَّدُ (مـ)،  
 أَبُو يُوسُفَ وَمُحَمَّدُ (فـ).

Tokoh-tokoh Zaydiyyah mutaakhirin seperti 'Abd al-Wasi' bin Yahya al-Wasi'i, Majd al-Din bin Muhammad al-Mu'ayyadi, Badr al-Din al-Hawthi dan lain-lain juga berpengetahuan luas dengan sumber-sumber ilmu Ahlus Sunnah.

Mazhab Zaydiyyah menggalakkan ijtihad di kalangan alim ulamanya hinggakan ada dari kalangan mereka yang sudah tidak lagi berpegang dengan mazhab tersebut dengan alasan ijtihad dan menolak taklid, seperti Muhammad bin Ibrahim al-Wazir (m. 840H), Salih bin Mahdi al-Maqbili (m. 1108H), Muhammad bin Isma'il al-Amir al-San'ani (m. 1182H), al-Syawkani (m. 1250H) dan lain-lain.

Menurut Badr al-Din bin Amir al-Din al-Hawthi dalam *Miftah Asanid al-Zaydiyyah*: "Adapun kitab-kitab al-Syawkani, maka ia tidak dianggap sebahagian daripada kitab-kitab Zaydiyyah, maka tidak boleh berdalil dengannya sebagai mazhab mereka bagi sesiapa yang ingin mengetahuinya. Bukan dengan kitab-kitab beliau, kitab-kitab al-Maqbili, kitab-kitab Ibn al-Amir, mahupun kitab-kitab Muhammad bin Ibrahim al-Wazir" (Badr al-Din 2002, 32).

Fiqh Zaydiyyah banyak disebut oleh Syeikh al-Amir al-San‘ani (m. 1182H) dalam kitab *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Beliau tidak sekadar cukup membawakan pandangan empat mazhab fiqh yang masyhur, Hanafi, Maliki, Syafi‘i dan Hanbali, bahkan banyak menyertakan pandangan-pandangan dalam mazhab Zaydiyyah seperti dari Imam Zayd bin ‘Ali, al-Imam al-Hadi (al-Hadi ila al-Haq Yahya bin Husayn), kelompok Hadiwiyyah (nisbah kepada al-Hadi ila al-Haq), al-Qasim, Yahya bin Hamzah (m. 749H), al-Imam al-Muhdi (Ahmad bin Yahya al-Murtadha) dalam kitab *al-Bahr*, al-Qasim bin Ibrahim (al-Rasi, m. 246 H), Imam Syaraf al-Din, al-Nasir (Ahmad bin al-Hadi, m. 325H) dan lain-lain yang hanya dinyatakan sebagai *A‘immah al-Al* (imam-imam Ahlul Bait). Mereka yang menelaah kitab *Subul Salam* perlu memahami istilah dan nama-nama ini. Maka kitab *Subul al-Salam* boleh dikatakan sebagai antara kitab yang dapat ditelaah untuk mengetahui serba sedikit tentang fiqh Zaydiyyah.

#### **WACANA HADIS ZAYDIYYAH**

Fokus tulisan ini adalah bagi melihat sejauhmana perkembangan pengajian hadis dalam tradisi keilmuan Zaydiyyah. Perbincangannya akan dibahagiakan menurut beberapa kategori dalam disiplin pengajian hadis berikut.

#### **Sumber Hadis**

Sumber hadis dalam mazhab Zaydiyyah tidaklah sehebat sebagaimana sumber hadis di sisi Ahlus Sunnah yang terdiri dari pelbagai jenis kategori kitab hadis seperti *Sihah, Sunan, Mustadrakat, Mustakhrajat, Muwatta‘at, Ma‘ajim, Masanid, Atraf, Amali, Ajza‘* dan lain-lain. Merujuk kepada Mu‘assasah al-Imam Zayd bin ‘Ali al-Thaqafiyah (Institut Keilmuan Imam Zayd bin ‘Ali) di Yaman, sumber-sumber hadis penting Zaydiyyah yang diterbitkan – menurut kronologi kewafatan – ialah:

#### **i. Dari kurun ke-2 H:**

1. *al-Majmu‘ al-Hadithi wa al-Fiqhi* oleh Imam Zayd bin ‘Ali (m. 122H) yang juga disebut sebagai *Musnad Imam Zayd*. Ia adalah sumber hadis terpenting di sisi mazhab Zaydiyyah, mengandungi sebanyak 689 buah hadis dan athar. Namun hadis-hadisnya hanya mempunyai satu sanad sahaja, iaitu Zayd bin ‘Ali dari bapanya (‘Ali Zayn al-‘Abidin bin al-Husayn) dari datuknya (al-Husayn bin ‘Ali) dari Amir al-Mu‘minin ‘Ali bin Abi Talib RA dari Rasulullah SAW. Kitab ini telah diriwayatkan oleh muridnya, ‘Amru bin Khalid al-Wasiti yang menjadi titik perselisihan di kalangan ulama tentang kebenaran riwayatnya. Masalah ini telah dikupas dengan baik secara panjang lebar oleh Syeikh Muhammad Abu Zahrah dalam kitabnya

*al-Imam Zayd*, dan beliau menyabitkan kebenaran riwayatnya. Beliau turut menyabitkan, ia bukan ditulis oleh Imam Zayd, tetapi dihimpunkan riwayat-riwayatnya oleh ‘Amru bin Khalid al-Wasiti yang diterima secara lisan atau disalin secara *imla*’ (catatan lisan) daripada beliau (Muhammad Abu Zahrah, 233-272).

Kitab ini disusun semula menurut bab-bab fiqh oleh al-Hasan bin Yahya al-Dili tahun 1201H (‘Abd al-Wahhab ‘Abd al-Latif 1960, 23). Bagi kebanyakan mereka, ia adalah kitab yang paling sahih selepas al-Quran (Majd al-Din Muhammad al-Mu’ayyad, 1:426). Kira-kira tiga perempat kitab ini bertepatan dengan fatwa ulama-ulama Hanafi, manakala bakinya satu perempat terbahagi kepada tiga kategori sama ada bertepatan dengan fatwa Malik, atau Syafi’i atau fatwa Zayd sendiri secara berasingan (al-Kawthari 1997, 412).

ii. Dari kurun ke-3 H:

2. *al-Amali* oleh Imam Ahmad bin ‘Isa bin Zayd (m. 247H) yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Mansur al-Muradi (m. 290H). Menurut pengarang kitab *Tabaqat al-Zaydiyyah*, para perawi hadis-hadisnya adalah para perawi *al-Sahih*.
3. *Kitab al-Ahkam* oleh al-Hadi ila al-Haq Yahya bin al-Husayn al-Rasi (m. 298H). Kitab ini dan kitab *Majmu’* Imam Zayd adalah kitab yang paling sahih dan mutawatir berbanding yang lain di sisi ulama Zaydiyyah (Majd al-Din bin Muhammad al-Mu’ayyad, 1:425).

iii. Dari kurun ke-5 H:

4. *Syarh al-Tajrid* oleh al-Mu’ayyad bi-Allah Ahmad bin al-Husayn al-Haruni (m. 410H).
5. *al-Amali* oleh Abu Talib Yahya bin al-Husayn al-Haruni (m. 424H).
6. *al-I’tibar wa Salwah al-‘Arifin* oleh al-Muwaffaq bi-Allah al-Husayn bin Isma’il al-Jurjani (m. kira-kira 430H). Para perawi yang terkandung dalam kitab ini telah dihimpunkan secara berasingan oleh Syeikh ‘Abd al-Salam bin ‘Abbas al-Wajih dalam kitabnya *Mu’jam Rijal al-I’tibar wa Salwah al-‘Arifin*.
7. *al-Jami’ al-Kafi* oleh al-Syarif Abu ‘Abdillah Muhammad bin ‘Ali bin ‘Abd al-Rahman al-‘Alawi (m. 445H).
8. *I’lam al-A’lam* oleh Muhammad bin al-Hasan al-‘Ajri, yang mengandungi riwayat-riwayat ‘Ali bin Bilal (m. dalam kurun ke-5 H) dalam syarahnya bagi kitab *Ahkam al-Imam al-Hadi*.
9. *al-Amali al-Khamisiyyah* dan *al-Amali al-Ithnayniyyah* oleh al-Mursyid bi-Allah Yahya bin al-Husayn bin Isma’il (m. 479H). *al-Amali al-Khamisiyyah* mengandungi hampir 4,000 buah hadis yang dianggap dengan sanad yang sahih.

10. *al-Amali* oleh al-Sayyid Zafar bin Da'i (hidup dalam kurun ke-5 H). Ia mengandungi 5 hadis sahaja.

iv. Dari kurun ke-7 H:

11. *Syams al-Akhbar al-Muntaqa min Kalam al-Nabi al-Mukhtar SAW* oleh 'Ali bin Muhammad Hamid bin Ahmad bin al-Walid al-Qurasyi (m. 635H). Ia selesai disusun pada tahun 608H. Hadis-hadisnya telah ditakhrijkan oleh Muhammad bin Husayn al-Jalal dalam: (كشف الأستار (عن أحاديث شمس الأخبار)).
12. *Durar al-Ahadith al-Nabawiyah* oleh 'Abdullah bin Muhammad Abi al-Najm (m. 647H), yang mengandungi riwayat-riwayat al-Hadi ila al-Haq Yahya bin al-Husayn.
13. *Syifa' al-Uwam fi Ahadith al-Ahkam* oleh al-Amir al-Nasir lil-Haq al-Husayn bin Badr al-Din Muhammad (m. 662H). Hadis-hadisnya telah ditakhrij oleh 'Abd al-'Aziz bin Muhammad al-Dhamadi (m. 1059H) (al-Zirikli 1998, 4:27). Juga telah dihimpunkan secara berasingan dalam sebuah kitab oleh Hamud bin 'Abbas al-Mu'ayyad yang diberi judul: (النور الأسنى الجامع لأحاديث الشفاء).

Ada beberapa lagi kitab hadis yang menjadi rujukan Zaidiyyah, namun setengahnya belum dapat dipastikan sama ada ia masih wujud ataupun telah hilang, seperti (الأحاديث المنتقا) oleh al-Qadi Ibn So'id, (العمدة في) oleh Yahya bin al-Hasan al-Hulli (m. 600H), *al-Amali* oleh Imam Isma'il bin 'Ali bin al-Husayn al-Samman (m. 445H) yang dikenali sebagai *Amali al-Samman*, dan lain-lain lagi. Kitab *Amali al-Samman* ini dikatakan antara kitab-kitab hadis Zaydiyyah yang terpenting, namun belum ditemukan lagi (*Matla' al-Budur* oleh al-Qadi Ahmad bin Salih bin Abi al-Rijal, 1/469).

Ulama Zaydiyyah mutaakhirin amat mengambil berat dan memberi tumpuan terhadap hadis-hadis yang diriwayatkan oleh imam-imam mereka. Antara faktor utamanya ialah bagi menangkis serangan dan dakwaan pihak lawan tentang sedikitnya perhatian ulama Zaydiyyah terhadap disiplin hadis. Misalnya, Ibrahim bin al-Qasim bin al-Mu'ayyad bi-Allah Muhammad (m. 1152H) telah menyusun sebuah kitab yang diberi judul: (الدرر المضيئة المستخرجة من أحاديث أئمة الزيدية المروية عن سيد البرية).

Keyakinan Zaydiyyah terhadap ketulenan kitab-kitab mereka dapat dilihat dalam jawapan Yahya bin Hamzah al-Husaini (m. 749H) kepada seorang ulama Syafi'i yang bertanya kepadanya tentang jalan riwayat hadis para perawi kitab *Syams al-Akhbar*. Maka jawab beliau dalam kitab *Misykah al-Anwar*:

“Ketahuilah hai faqih, bahawa mazhab Zaydiyyah itu adalah antara kumpulan Islam yang teragung dan imam-imam mereka adalah para penda'i kepada agama. Mereka telah menukilkan hadis ini di dalam kitab-kitab mereka, dan ia adalah daripada hadis-hadis peringatan, tazkirah dan motivasi, serta zahirnya sahih. Tidak sewajarnya ditolak dengan sebab waham dan pelik. Saya ingin tahu, dari sudut manakah kedaifannya. Apakah dari sudut ianya tidak dibukukan dalam kitab-kitab *sihah* yang tujuh, yang hanya mesti terbatas padanya? Sedangkan yang dinukilkan dari Nabi SAW itu ada sejuta hadis. Maka boleh jadi hadis tersebut antara yang tidak termasuk dalam kategori sahih, namun ia termasuk antara jumlah bilangan berkenaan. Ataukah kerana ianya daif dalam periwayatan? Maka hadis ini mempunyai banyak jalan riwayat seperti *sama'*, *ijazah* dan *munawalah*. Kemungkinan hadis tersebut dibina atas salah satu daripada jalan-jalan riwayat berkenaan, walaupun berbeza kekuatan dan kelemahannya. Ataukah ia didustakan dan ditolak kerana ianya tercatat dalam kitab-kitab Zaydiyyah? Maka ini adalah silap, hadis tidak ditolak dengan sebab waham. Kemudian apa yang terjadi terhadap hadis-hadis mereka, juga terjadi terhadap hadis-hadis kamu. Justeru, apa yang harus berlaku pada yang itu, harus juga berlaku pada yang ini. Mereka turut mempunyai banyak riwayat yang telah disusupkan, yang terkandung dalam kitab-kitab mereka. Makanya, tiada satu sebabpun untuk mengkhususkan hadis ini diingkari (Ibrahim bin al-Qasim, 2:162- 163).

Kata-kata Yahya bin Hamzah: “Kemudian apa yang terjadi terhadap hadis-hadis mereka, juga terjadi terhadap hadis-hadis kamu”, bermaksud sebagaimana wujudnya hadis yang sahih dan tidak sahih dalam kitab-kitab Ahlus Sunnah, maka begitu juga wujud hadis yang sahih dan tidak sahih dalam kitab-kitab Zaydiyyah. Sebagai contoh, dibawakan dua hadis daripada kitab *al-Majmu' al-Hadithi wa al-Fiqhi* oleh Imam Zayd bin 'Ali untuk melihat perbandingan antara hadis yang mempunyai takhrijnya daripada kitab-kitab hadis Ahlus Sunnah dan hadis yang hanya diriwayatkan oleh Imam Zayd secara sendirian di dalam kitabnya itu.

i. Teks hadis 1:



٥٥ - حدثني زيد بن علي، عن أبيه، عن جده، عن علي بن أبي طالب عليهم السلام، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم: ((مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ)).

- Takhrijnya:  
Hadis 'Ali bin Abi Talib RA ini telah diriwayatkan oleh imam-imam Ahlus Sunnah berikut: al-Syafi'i dalam *al-Umm* (1/34), Ibn Abi Syaybah dalam *al-Musannaf* (no. 2378), Ahmad dalam *al-Musnad* (no. 1006), Abu Dawud dalam *al-Sunan* (no. 618), al-Tirmidhi dalam *al-Jami'* (no. 3), Ibn Majah dalam *al-Sunan* (no. 275), Abu Ya'la dan *al-Musnad* (no. 616), al-Daraqutni dalam *al-Sunan* (1/360), al-Diya' dalam *al-Mukhtarah* (no. 718), al-Bazzar dalam *al-Bahr al-Zakhkhar* (no. 575), al-Darimi dalam *al-Sunan* (no. 687), 'Abd al-Razzaq dalam *al-Musannaf*, Ibn Jarir al-Tabari dan al-Bayhaqi dalam *al-Sunan al-Kubra*.
- Selain 'Ali, hadis ini juga diriwayatkan dari Abu Sa'id al-Khudri RA, 'Abdullah bin Zayd RA, dan Ibn 'Abbas RA.
- Statusnya: Sahih.

## ii. Teks hadis 2:

٦٤٣ - حدثني زيد بن علي، عن أبيه، عن جده، عن علي عليهم السلام قال: قال رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم: ((يا علي، لعنتك من لعنتي، ولعنتي من لعنة الله، ومن يلعن الله فلن تجده له نصيراً)).

- Takhrij dan statusnya: Tiada ditemukan dalam kitab-kitab Ahlus Sunnah.

## **Kumpulan 40 Hadis**

Pengumpulan 40 buah hadis dianggap sebagai suatu seni hadis dalam tradisi keilmuan Ahlus Sunnah, dan hal yang serupa juga wujud dalam tradisi keilmuan Zaydiyyah. Antara kitab-kitab yang dikarang oleh mereka ialah:

1. *Kitab al-Arba'in al-Silaqiyyah* oleh Zayd bin 'Abdullah bin Mas'ud bin Rifa'ah al-Hasyimi (m. selepas 458H).
2. *al-Arba'un fi Fada'il Amir al-Mu'minin*, yang dikenali sebagai *Amali al-Saffar* oleh al-Hasan bin 'Ali al-Saffar (hidup dalam kurun ke-4 H).
3. *Kitab al-Arba'in al-Fiqhiyyah* oleh Abu al-Ghana'im Muhammad bin 'Ali al-Narsi (m. 510H).
4. *Silsilah al-Ibriz* oleh Abu Muhammad al-Hasan bin 'Ali bin Abi Talib al-Balkhi (m. 532H). Hadis-hadisnya telah ditakhrij oleh

Ahmad bin Yahya Hamid al-Din (m. 1382H) dalam kitab (تخريج أحاديث (سلسلة الإبريز بالسند العزيز).

5. *Kitab al-Arba'in al-'Alawiyah* oleh al-Qadi Ja'far bin Ahmad bin 'Abd al-Salam (m. 567H).
6. *Kitab al-Arba'in Hadithan fi al-'Ilm wa al-'Ulama'* oleh al-Qasim bin Muhammad (m. 1029 H).
7. *Kitab al-Arba'in Hadithan fi Mahasin al-Akhlaq* oleh Isma'il bin al-Qasim bin Muhammad (m. 1087H).
8. *al-Arba'un al-Hadith fi Fada'il Amir al-Mu'minin 'Ali bin Abi Talib RA* oleh 'Ali bin Ahmad al-Akwa'.

### Syarah Hadis

Berdasarkan pengamatan penulis, ulama Zaydiyyah terdahulu kurang memberi penekanan kepada syarahan kitab-kitab hadis mereka. Oleh sebab itu, tidak banyak didapati syarahan dan huraian ke atas kitab-kitab hadis Zaydiyyah kecuali dari kalangan ulama mutaakhirin mereka.

Kitab *Majmu'* Imam Zayd bin 'Ali (m. 122H) yang juga disebut sebagai *Musnad Imam Zayd* dapat dikatakan sebagai kitab hadis terawal yang disusun dalam Islam. Ia telah disyarahkan oleh beberapa ulama Zaydiyyah. Antara mereka:

- i. Muhammad bin al-Mutahhir bin Yahya (m. 728H) dalam *al-Minhaj al-Jaliy Syarh Majmu' al-Imam Zayd bin 'Ali*, terdiri dari 4 jilid.
- ii. Yahya bin al-Husayn bin al-Qasim bin Muhammad (m. 1100H) dalam *al-Misbah al-Munir Syarh al-Majmu' al-Kabir*.
- iii. Ahmad bin Yusuf bin al-Husayn bin al-Hasan bin Imam al-Qasim bin Muhammad (m. 1191H) dalam *Fath al-'Aliy Syarh Majmu' al-Imam Zayd bin 'Ali*. Ia merupakan takhrij terhadap kitab *Majmu' al-Imam Zayd* bagi menyabitkan kesahihannya.
- iv. al-Qadi Syaraf al-Din Husayn bin Ahmad al-Sayyaghi (m. 1221H) dalam *al-Rawd al-Nadhir Syarh Majmu' al-Fiqh al-Kabir*. Kitab ini terdiri daripada 4 jilid. Ia telah diberi kata pengantar oleh beberapa ulama Ahlus Sunnah, antara mereka ialah Syeikh Muhammad Zahid al-Kawthari (m. 1378H) serta beliau menyanjung kupasan pengarangnya (al-Kawthari 1997, 407-416).
- v. Ahmad bin Ahmad bin Muhammad al-Sayyaghi (m. 1402H) dalam *al-Manhaj al-Munir fi Tamam al-Rawd al-Nadhir*. Ia menyambung huraian *al-Rawd al-Nadhir*.

Antara kitab hadis Zaydiyyah yang mendapat perhatian ialah *Kitab al-Arba'in al-Silaqiyyah* oleh Zayd bin 'Abdullah bin Mas'ud bin Rifa'ah al-Hasyimi (m. selepas kurun ke-4 H). Ia telah disyarahkan oleh beberapa ulama Zaydiyyah antara mereka:

- i. al-Mansur bi-Allah ‘Abdullah bin Hamzah (m. 611H) dalam ( حديقة (الحكمة النبوية في تفسير الأربعين السيلقية),
- ii. al-Mu’ayyad bi-Allah Yahya bin Hamzah al-Husaini (m. 749H) dalam (الأنوار المضيفة في شرح الأربعين السيلقية) dan
- iii. al-Qadi Ahmad bin ‘Ali bin Ahmad Murghim al-San‘ani dalam (التحفة السنوية لمعاني الأربعين السيلقية).
- iv. Syeikh ‘Abd al-Wasi‘ bin Yahya al-Wasi‘i (m. 1379H) dalam *al-Lata’if al-Bahiyyah*.

Kitab *Silsilah al-Ibriz* oleh al-Hasan bin ‘Ali bin Abi Talib al-Balkhi (m. 532H) juga dikatakan mempunyai beberapa kitab syarah. Al-Mutawakkil ‘ala Allah Isma‘il bin al-Qasim bin Muhammad (m. 1087H) telah menyusun 40 buah hadis berkaitan mazhab Zaydiyyah, lalu mensyarahkannya sendiri. Beliau juga turut mensyarahkan kitab *Jami‘ al-Usul* susunan al-Hafiz Ibn al-Athir (al-Zirikli 1998, 1:322). Manakala al-Hasan bin Ishaq bin al-Mahdi Ahmad (m. 1160H) telah mensyarahkan kitab *al-Syama’il al-Muhammadiyah* oleh Imam al-Tirmizi.

#### **Kaedah-kaedah Ilmu Hadis**

Menurut Syeikh ‘Abd al-Wahhab ‘Abd al-Latif, kebanyakan pegangan mazhab Zaydiyyah dalam ilmu *mustalah al-hadith* adalah pada kitab-kitab ulama Ahlus Sunnah kecuali pada sebahagian kecil masalah sahaja yang mereka berbeza pendapat dengannya (‘Abd al-Wahhab ‘Abd al-Latif 1960, 6). Ulama Zaydiyyah mempunyai beberapa kaedah ilmu hadis tersendiri yang penting dalam menentukan fatwa dan pandangan mereka terhadap sesuatu masalah. Menurut ‘Abdullah bin Hamud al-‘Izzi, antara kaedah-kaedah ilmu hadis penting dalam tradisi keilmuan Zaydiyyah ialah:

1. Membandingkan hadis dengan al-Quran. Mereka menolak sebarang hadis yang bercanggah dengan al-Quran meskipun ianya sahih. Mazhab ini juga digunapakai oleh Muktazilah.
2. Menerima hadis semua perawi dari mana-mana kumpulan Islam sekalipun jika diketahui ia bersifat cermat, benar, jujur dan amanah dalam periwayatan hadis serta jauh dari sifat dusta dan bohong, walaupun ia seorang ahli bidaah. Dan menolak hadis semua perawi yang tidak bersifat demikian.
3. Khusus berkaitan sahabat Nabi SAW, sesiapa yang menjaga kehormatan dan kemuliaan persahabatan dengan Nabi SAW dianggap sebagai sahabat, manakala sebaliknya sesiapa yang tidak menjaga kehormatan dan kemuliaan tersebut dianggap sebagai bukan sahabat Nabi SAW lagi.

4. Menerima hadis *mursal* dari perawi yang thiqah. Pendapat ini disepakati oleh mazhab Hanafi dan Maliki.  
(‘Abdullah Hamud al-‘Izzi 2009, 15-26).

Namun al-Mu’ayyad bi-Allah Ahmad bin al-Husayn al-Haruni (m. 410H) menyebut dalam *Syarh al-Tajrid*:

“Di sisi kami, tidak halal bagi seseorang meriwayatkan hadis dari Rasulullah SAW melainkan jika ia mendengarnya dari mulut seorang muhaddith yang adil, lantas menjaganya, kemudian ia menyampaikannya sebagaimana yang ia dengar. Sekiranya ia seorang imam, maka ia boleh diterima dan sekiranya ia bukan imam, juga demikian jika ia meriwayatkannya tanpa sifat *mursal* dan sah sanadnya. Sesungguhnya riwayat-riwayat *mursal* di sisi kami dan juga kebanyakan fuqaha’ adalah tidak diterima. Saya pernah menemukan beberapa orang yang tidak ada sebarang tohmah pada mereka telah meriwayatkan dari Rasulullah SAW, namun mereka tidak menghafaz sanad dan *memursalkan* hadis, maka saya tidak menerima riwayat-riwayat mereka itu, dan juga tidak menukilkannya daripada mereka kerana kurangnya hafalan mereka terhadap sanad-sanad. Sedangkan yang menjadi hujah ialah pada *sama’* (mendengar riwayat)”  
(Ahmad bin al-Husayn, 1:3).

Ini menunjukkan bahawa setengah ulama Zaydiyyah begitu ketat dalam soal menerima sesuatu riwayat hadis. Justeru, ada dua pendapat dalam masalah ini di kalangan mereka. Menurut al-‘Allamah Ibrahim bin Muhammad al-Wazir dalam *al-Falak al-Dawwar*, hadis sahih - di sisi orang yang tidak menerima *mursal* - ialah apa yang dinukilkan oleh seorang mukallaf yang adil, lagi sempurna *dabt*nya, yang bersambung sanad, tanpa dicatitkan oleh sebarang *‘illah* yang merosakkannya. Manakala sahih - di sisi orang yang menerima *mursal* pula - ialah apa yang dinukilkan oleh seorang mukallaf yang adil, lagi tidak lalai, dan tidak menerima dari orang yang *majhul* atau seumpamanya, berserta dengan lafaz jazam (Muhammad Yahya Salim ‘Azzan, 4).

Kebanyakan ulama al-Zaydiyyah berpandangan kebanyakan riwayat yang direkodkan oleh imam-imam mereka dapat diterima berdasarkan keyakinan mereka bahawa para imam tersebut tidak akan menyampaikan riwayat-riwayat yang dusta dan palsu. Lebih-lebih lagi kerana dasar kepercayaan mereka bahawa orang yang melakukan dosa besar tidak akan masuk ke dalam syurga selama-lamanya. Bagaimanapun, mereka tidak menyabitkan imam-imam mereka sebagai

maksud sepertimana faham Syiah Imamiyyah (Muhammad Abu Zahrah, 191).

Misalnya, ada dari kalangan mereka menyatakan bahawa hadis Ubay bin Ka'b RA tentang kelebihan surah-surah al-Quran yang dihukum palsu oleh ulama hadis Ahlus Sunnah sebagai hadis yang sahih. Ini kerana ia telah diriwayatkan oleh al-Mursyid bi-Allah Yahya bin al-Husayn bin Isma'il (m. 479H) dalam kitab *al-Amali*-nya yang mengandungi riwayat-riwayat yang sahih menurut mereka. al-Mursyid bi-Allah telah meriwayatkannya dari jalan Harun bin Kathir, dari Zayd bin Aslam, dari bapanya, dari Abu Umamah, dari Ubay bin Ka'b RA (Ahmad bin Hasyim 2003, 120).

### **Ilmu *al-Rijal***

Isu penting dalam membicarakan ilmu *al-rijal* (para perawi) di sisi Syiah Zaydiyyah ialah kedudukan para sahabat Nabi SAW sebagai pembawa ilmu wahyu dari baginda SAW. Syiah Zaydiyyah menghukum sebahagian daripada sahabat Nabi SAW sebagai tidak *thiqah* dan daif dalam periwayatannya atau sebagai perawi *majruh*. Kaedah yang mereka gunakan ialah sesiapa yang menjaga kehormatan dan kemuliaan persahabatan dengan Nabi SAW dianggap sebagai sahabat, manakala sebaliknya sesiapa yang tidak menjaga kehormatan dan kemuliaan tersebut dianggap sebagai bukan sahabat Nabi SAW lagi ('Abdullah Hamud al-'Izzi 2009, 19-21).

Ini sudah tentu bertentangan dengan faham mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah yang menghukum kesemua para sahabat Nabi SAW sebagai adil dan dipercayai tanpa perlu dipersoalkan lagi. Antara sahabat yang dihukum sebagai *majruh* ialah Mu'awiyah bin Abi Sufyan, 'Amru bin al-'As, Abu Musa al-Asy'ari, Abu Hurairah, Tha'labah bin Hatib, al-Walid bin 'Uqbah, 'Abdullah bin Abi al-Sarh, al-Hakam bin Abi al-'As, Yassar bin Sabi' al-Juhani, yang membunuh 'Ammar bin Yasir dan lain-lain yang menyokong Bani Umayyah. Bahkan mereka menghalalkan melaknat Mu'awiyah RA dan mencemuh sesiapa sahaja yang menentang Sayyiduna 'Ali RA dan juga Ahlul Bait (Muhammad bin 'Aqil 2004, 178).

Kes perselisihan Mu'awiyah dan 'Ali adalah antara subjek yang paling penting dalam pemikiran semua kumpulan Syiah. Kesemua orang yang terlibat dalam menyokong Mu'awiyah dianggap sebagai *majruh* di sisi mereka semua. Namun, sikap mazhab Zaydiyyah terhadap isu ini mungkin lebih longgar sedikit berbanding sikap golongan Syiah yang lain.

Misalnya, menurut al-Mansur bi-Allah ‘Abdullah bin Hamzah (m. 611H) dalam (حديقة الحكمة النبوية في تفسير الأربعين السليبية) mengenai riwayat Mu‘awiyah bin Abi Sufyan:

“Namun, kami menerima riwayat darinya kerana riwayat tersebut adalah semasa keadaan tersembunyi halnya sebelum tersingkap hakikatnya yang sebenar. Dan kerana hikmah itu adalah barang hilang bagi orang mukmin, ia boleh mengambilnya dari siapa saja orang yang ditemukan hikmah tersebut ada bersamanya. Dan kerana hadis itu (yakni hadis yang sedang dibicarakan olehnya) hanya berkaitan dengan peringatan dan ancaman, ia juga telah diriwayatkan oleh perawi lain. Dan kebenaran itu perlu diterima walau dari mana saja ia datang”.

Mu‘awiyah menjadi neraca penting dalam menimbang kebolehpercayaan terhadap seseorang menurut fahaman Syiah. Banyak kitab yang telah ditulis mereka bagi membicarakan masalah ini dalam mengecam Mu‘awiyah dan Bani Umayyah serta penyokong-penyokong mereka. Ulama Zaydiyyah tidak terlepas dari isu hangat yang sentiasa *evergreen* dalam pemikiran Syiah ini.

Antara kitab yang popular dalam isu ini ialah kitab *al-Nasa’ih al-Kafiyah li man Yatawalla Mu‘awiyah* oleh Sayyid Muhammad bin ‘Aqil al-Ba‘alawi (m. 1350H). Beliau turut mengarang tiga buah buku lain berkaitan isu ini, iaitu;

- i. *Taqwiyah al-Iman bi-Radd Tazkiyah Mu‘awiyah bin Abi Sufyan*.
- ii. *Fasl al-Hakim fi al-Niza’ wa al-Takhasum fi ma Bayna Bani Umayyah wa Bani Hasyim*
- iii. *al-‘Atb al-Jamil ‘ala Ahl al-Jarh wa al-Ta’dil*. Kitab ini merupakan kritikan berkenaan isu: “Adat kebiasaan ulama *al-jarh wa al-ta’dil* dalam mengukum *al-Nasibi* sebagai thiqah dan menghukum Syiah sebagai daif”. \**al-Nasibi* atau *al-Nawasib* ialah penyokong Mu‘awiyah.

Meskipun, kritikan Sayyid Muhammad bin ‘Aqil al-Ba‘alawi tidak dapat diterima sepenuhnya, namun menurut pandangan penulis, objektif kritiknya dalam bab *al-jarh wa al-ta’dil* di dalam kitabnya *al-‘Atb al-Jamil ‘ala Ahl al-Jarh wa al-Ta’dil* wajar untuk direnung semula dan diambil iktibar daripadanya.

### **Ahli Hadis Zaydiyyah**

Menurut Ibn al-Nadim dalam kitab *al-Fihrist*: “Kebanyakan ulama muhaddithin adalah Zaydiyyah. Demikian juga sekumpulan ulama dari kalangan fuqaha’ muhaddithin seperti Sufyan bin ‘Uyaynah, Sufyan al-Thawri dan tokoh-tokoh muhaddithin yang lain” (Ibn al-Nadim 1978,

253). Kata-kata beliau ini barangkali mengelirukan. Menurut Dr. Mahmud Sa'id Mamduh, yang beliau maksudkan ialah tokoh-tokoh muhaddithin Kufah sahaja seperti al-A'masy, Abu Ishaq al-Sabi'i, Waki', al-Thawri, 'Ubaydullah al-'Absi, Abu Nu'aym al-Fadl bin Dukayn, dan lain-lain lagi (Mahmud Sa'id Mamduh 2009, 587-588).

Jumlah ahli hadis dan para perawi hadis dari kalangan yang berfahaman Syiah sebenarnya tidaklah sedikit. Di dalam kitab *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan kitab-kitab hadis Ahlus Sunnah yang lain didapati ramai para perawi hadis dari kalangan Syiah. Namun, perlu difahami bahawa mereka bukanlah sepertimana majoriti penganut Syiah pada masa sekarang, sebagaimana yang telah dijelaskan di awal artikel ini.

Al-Hafiz al-Zahabi menyebut di dalam kitabnya *Mizan al-I'tidal* dalam biografi Aban bin Taghlib al-Kufi:

“Seorang Syiah tegar, tetapi seorang yang benar. Maka kita boleh menerima sifat benarnya, dan hanya dia sendiri yang menanggung bidaahnya. Beliau telah *dithiqah*kan oleh Ahmad bin Hanbal, Ibn Ma'in, dan Abu Hatim. Ibn 'Adi telah merekodkannya dan berkata: Seorang yang melampau dalam fahaman Syiah. Kata al-Sa'di: Seorang yang menyeleweng berterang-terangan. Barangkali ada orang bertanya: Bagaimana boleh dihukum thiqah seorang ahli bidaah, sedangkan had thiqah ialah sifat adil dan teliti? Bagaimana dapat menjadi adil seorang yang merupakan ahli bidaah? Jawapannya ialah bahawa bidaah itu ada dua jenis; pertama, bidaah kecil seperti berfahaman Syiah melampau, atau berfahaman Syiah tanpa melampau dan menyeleweng. Maka jenis sebegini ramai dalam kalangan tabiin dan tabii tabiin, di samping beragama, warak dan bersifat benar. Maka jikalau ditolak hadis mereka ini, nescaya akan hilanglah sejumlah bilangan daripada hadis-hadis nabawi. Dan ini merupakan suatu kerosakan yang jelas.

“Kedua, bidaah besar seperti berfahaman *Rafd*h (menolak *al-Syaykhan* Abu Bakr dan 'Umar) sepenuhnya, melampau, mencela Abu Bakr RA dan 'Umar RA serta menyeru kepada fahaman tersebut. Maka tidak boleh dibuat hujah dengan jenis yang sebegini dan tiada sebarang kemuliaan. Saya juga tidak melihat pada masa sekarang dalam jenis ini ada seorang yang bersifat benar dan dipercayai. Bahkan sifat bohong adalah syiar mereka,

dan sifat *taqiyyah* serta *nifaq* pula adalah selimut mereka. Maka bagaimana dapat diterima riwayat orang yang sedemikian halnya? Jauh dan tidak sekali-kali. Syiah yang melampau pada zaman salaf dan menurut takrif mereka ialah orang yang mengkritik ‘Uthman, al-Zubayr, Talhah, Mu’awiyah dan kumpulan yang menentang ‘Ali RA, dan ia bangkit mencela mereka. Sedangkan Syiah yang melampau pada zaman kita kini dan menurut takrif kita ialah orang yang mengkafirkan tokoh-tokoh besar berkenaan, dan juga berlepas diri dari *al-Syaykhan* Abu Bakr RA dan ‘Umar RA. Maka orang yang sebegini adalah sesat lagi jatuh martabatnya. Sedangkan Aban bin Taghlib bukanlah sama sekali seorang yang menolak *al-Syaykhan*. Bahkan boleh jadi beliau hanya beriktikad ‘Ali adalah lebih afdal dari kedua-duanya” (al-Zahabi, 1/5-6).

Ulama Zaydiyyah telah merekodkan tokoh-tokoh mereka (*rijal al-Zaydiyyah*) sama ada dalam bidang siasah, tafsir, hadis, fiqh, usul dan lain-lain dalam banyak karya. Antara kitab-kitab yang dikarang oleh mereka berhubung dengannya ialah:

1. *al-Masabih* oleh Abu al-‘Abbas Ahmad bin Ibrahim bin al-Hasan (m. 353H), serta *Tatimmah al-Masabih* oleh ‘Ali bin Bilal al-Amili (hidup dalam kurun ke-4 H).
2. *Maqatil al-Talibiyyin* oleh Abu al-Faraj al-Asfahani al-Qurasyi (m. 356H).
3. (الإفاداة في تاريخ أئمة السادة) oleh Abu Talib Yahya bin al-Husayn al-Haruni (m. 424H).
4. (تسمية من روى عن الإمام زيد بن علي عليه السلام من التابعين) oleh al-Syarif Abu ‘Abdillah Muhammad bin ‘Ali bin ‘Abd al-Rahman al-‘Alawi (m. 445H).
5. (هداية الراغبين إلى مذهب العترة الطاهرين) oleh al-Hadi bin Ibrahim bin ‘Ali bin al-Murtadha al-Wazir (m. 822H).
6. *Tarajim Fudhala’ al-Zaydiyyah* oleh ‘Abdullah bin Syaraf al-Din al-Hasani (m. 993H).
7. *al-La’ali al-Mudhiyyah fi Akhbar A’immah al-Zaydiyyah* oleh Ahmad bin Muhammad bin Solah al-Syarafi (m. 1055H), terdiri daripada 3 juzuk.
8. *Matla’ al-Budur* (مطلع البدر وجمع البحور) oleh al-Qadi Ahmad bin Salih bin Abi al-Rijal (m. 1092H). Ia mengandungi lebih dari 1,300 biografi yang disusun mengikut huruf alfabet.
9. *Tabaqat al-Zaydiyyah al-Sughra*, atau (المستطاب في طبقات علماء الزيدية الأقطاب) oleh Yahya bin al-Husain bin al-Qasim bin Muhammad (m. 1099H).



10. *Tabaqat al-Zaydiyyah al-Kubra*, atau *Nasamat al-Ashar fi Tabaqat Ruwat Kutub al-Fiqh wa al-Akhbar* oleh Ibrahim bin al-Qasim bin al-Mu'ayyad bi-Allah Muhammad bin al-Qasim bin Muhammad (m. selepas 1143, atau 1152H).
11. (مطلع الأقطار وجمع الأقطار في ذكر المشاهير من علماء مدينة ذمار) oleh al-Hasan bin al-Husayn bin Haydarah al-Qasimi (m. selepas 1221H).
12. *al-Jadawil wa al-Jawahir al-Mudhi'ah* oleh 'Abdullah bin al-Imam al-Hadi (m. 1375H).
13. Kitab-kitab Muhammad bin Muhammad Zabarah (m. 1380H), iaitu: *Tarikh al-Yaman*, *Nayl al-Watar fi Rijal al-Qarn al-Thalith 'Asyar*, *Nasyr al-'Arf li Nubala' al-Yaman Ba'd al-Alf*, dan *Nuzhah al-Nazar fi Rijal al-Qarn al-Rabi' 'Asyar*.
14. Kitab-kitab Syeikh 'Abd al-Salam bin 'Abbas al-Wajih, iaitu (أعلام (معجم رجال الإعتبار وسلوة العارفين) dan (المؤلفين الزيدية).
15. *A'imma Ahl al-Bayt al-Zaydiyyah* oleh 'Abbas Muhammad Zayd.
16. *Hukkam al-Yaman; al-Mu'allifun al-Mujtahidun* oleh 'Abdullah Muhammad al-Habsyi.

### Sanad Keilmuan Zaydiyyah

Berdasarkan pengamatan, didapati usaha merekodkan sanad-sanad keilmuan Zaidiyyah dan kitab-kitab yang mereka riwayatkan hanya rancak di kalangan ulama Zaydiyyah mutaakhirin. Barangkali ini dapat menjadi hujah lawan dalam mempersoalkan ketulenannya. Antara kitab-kitab yang merekodkan sanad kitab-kitab Zaydiyyah ini ialah:

1. *al-Ijazat fi Tashih al-Asanid wa al-Riwayat li-'Ulum Al Muhammad* oleh al-Mansur bi-Allah al-Qasim bin Muhammad bin 'Ali (m. 1029H).
2. *Ijazat al-Qadi Ahmad bin Sa'd al-Din al-Miswari* (m. 1079H).
3. *Bulugh al-Amani min Asanid al-Al al-Mutahharin bi al-Nas al-Qur'ani* oleh al-Qadi Muhammad bin Ahmad Musyhim (m. 1182H).
4. *Musnad fi Asma' al-Syuyukh* oleh 'Abd al-Qadir bin Ahmad al-Kawkabani (m. 1207H).
5. *Ithaf al-Akabar fi Isnad al-Dafatir* oleh Imam Muhammad bin 'Ali al-Syawkani (m. 1250H).
6. *al-Ihazah fi 'Ilm al-Ijazah* dan *al-'Iqd al-Manzum fi Asanid al-'Ulum* oleh 'Abdullah bin 'Ali al-Ghalibi (m. 1276H).
7. *al-'Iqd al-Nadhid fi al-Asanid* oleh 'Abd al-Karim bin 'Abdullah Abu Talib al-Rawdhi (m. 1309H).
8. *Sabil al-Rasyad fi Turuq al-Riwayah wa al-Isnad* oleh al-Hadi li-Din Allah al-Hasan bin Yahya bin 'Ali al-Qasimi al-Mu'ayyadi (m. 1343H).

9. *al-'Iqd al-Farid al-Jami' li-Mutafarriqat al-Asanid* oleh Syeikh 'Abd al-Wasi' bin Yahya al-Wasi'i (m. 1379H).
10. *al-Jami'ah al-Muhimmah fi Asanid Kutub al-A'immah* oleh Majd al-Din bin Muhammad bin Mansur al-Mu'ayyad. Lihat juga dalam kitab beliau *Lawami' al-Anwar fi Jawami' al-'Ulum wa al-Athar wa Tarajim Uli al-'Ilm wa al-Anzar*.

Sebagai contoh, dibawakan satu pertalian sanad yang bersambung dari Syeikh 'Abd al-Wasi' bin Yahya al-Wasi'i hingga kepada Imam Zayd bin 'Ali sepertimana berikut:

أروي هذا المسند مجموع الإمام زيد بن علي من عشرة طرق؛ عن عشرة من مشايخي من علماء صنعاء اليمن، منها: قراءة من أوله إلى آخره بالسماع من لفظ شيخنا القاضي حسين بن علي العمري، وهو يرويه من طرق؛ منها: قراءة على شيخه السيد قاسم بن حسين بن المنصور؛ وهو يرويه قراءة عن شيخه الفقيه حسين بن عبد الرحمن الأكوخ، عن القاضي عبد الله الغالي، عن السيد أحمد بن يوسف زيارة، عن أخيه الحسين زيارة، عن أبيه، عن جده الحسين بن أحمد زيارة، عن أحمد بن صالح أبي الرجال، عن القاضي أحمد بن سعد الدين المسوري، عن المؤيد بالله محمد بن القاسم، عن أبيه المنصور بالله القاسم بن محمد، عن السيد أمير الدين بن عبد الله، عن السيد أحمد بن عبد الله، عن الإمام شرف الدين، عن السيد صارم الدين، عن المطهر بن محمد بن سليمان، عن المهدي أحمد بن يحيى، عن الفقيه محمد بن يحيى؛ عن القاسم بن أحمد حميد، عن أبيه، عن المنصور بالله عبد الله بن حمزة، عن محيي الدين وعمران أبي الحسن، عن القاضي جعفر بن أحمد، عن أحمد بن أبي الحسن الكني؛ عن زيد بن الحسن البيهقي، عن الحاكم أبي الفضل وهب الله بن الحاكم أبي القاسم الحسكاني، [عن الحافظ الحاكم أبي القاسم]؛ عن أبي سعيد عبد الرحمن النيسابوري، عن أبي الفضل محمد بن عبد الله الشيباني، عن عبد العزيز بن إسحاق، عن علي بن محمد بن كاسي النخعي، عن سليمان بن إبراهيم الحاربي، عن نصر بن مزاحم المنقري، عن إبراهيم بن الزبيران التيمي، عن أبي خالد عمرو بن خالد الواسطي، عن الإمام زيد بن علي (بتصرف واستدراك يسير).

Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani (m. 1410H) adalah antara ulama Ahlus Sunnah yang turut merekodkan sanad-sanad ulama Zaydiyyah di dalam sebahagian karya-karyanya. Antara guru-guru beliau dari kalangan Zaydiyyah ialah:

- i. al-Mutawakkil 'ala Allah Yahya bin al-Mansur bi-Allah Muhammad bin Yahya Hamid al-Din (m. 1367H).
- ii. al-Mu'ayyad bi-Allah Ahmad bin al-Mutawakkil 'ala Allah Yahya bin al-Mansur bi-Allah Muhammad (m. 1382H).
- iii. Syeikh 'Abd al-Wasi' bin Yahya al-Wasi'i.
- iv. Muhammad bin Muhammad Zabarrah al-San'ani (m. 1380H),

- v. Al-Qadi ‘Abdullah bin ‘Abd al-Karim al-Jurafi al-San’ani.  
(al-Fadani 2008)

### **Rumusan dan Penutup**

Dengan kupasan ringkas ini sekurang-kurangnya telah memberikan satu sosok penting bagi memahami kerangka pemikiran dan fahaman Zaydiyyah dari sudut tradisi keilmuannya. Jelas bahawa mazhab Zaydiyyah adalah suatu mazhab yang berdiri sendiri, bukan pengaruh dan acuan dari mazhab-mazhab Syiah yang lain. Kesamaan antara mereka hanya diikat dari sudut kecintaan dan pengutamaan kepada Sayyiduna ‘Ali RA dan keturunannya, Ahlul Bait. Dalam tradisi Zaydiyyah, tiada masalah mencaci majoriti sahabat Nabi SAW, *taqiyyah*, imam maksum, nikah *mut‘ah*, penyelewengan al-Quran, khurafat hari ‘Asyura dan lain-lain bidaah sepertimana yang berlaku dalam Syiah Imamiyyah. Para pengkaji yang ingin mengkaji tentang Syiah semestinya perlu membezakan antara Syiah Imamiyyah dan Syiah Zaydiyyah, serta perlu menentukan mana satu yang ingin diberi tumpuan agar kajian tidak tersasar lalu menjadi bahan senda buat mereka disebabkan mencampur-aduk antara kedua-duanya. Mazhab Zaydiyyah mempunyai disiplin ilmu tersendiri yang diwarisi dari datuk nenek mereka hingga ke hari ini. Pendirian mereka mengenai pelaku dosa besar mungkin dapat memberi sedikit keyakinan buat kita terhadap *turath* ilmu mereka yang mungkin boleh dianggap bebas dari unsur pendustaan. Namun, itu tidak bermakna disiplin warisan ilmu mereka tiada cacat celanya kerana perbezaan-perbezaan yang ketara dengan mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah yang dipegang oleh majoriti besar ulama Islam sejak dahulu hingga kini, menunjukkan bahawa ada yang kurang memuaskan hati majoriti besar ulama Islam Ahlus Sunnah wal Jamaah ini. Menurut hemat penulis, kita boleh mengambil manfaat daripada sumber-sumber rujukan milik mereka yang bertepatan dengan sumber-sumber rujukan Ahlus Sunnah, serta mengenyepikan dahulu apa yang tidak bertepatan dengannya. Bagaimanapun, sikap berhati-hati penting dalam menceduk manfaat daripadanya terutama dalam masalah-masalah pokok. Golongan Ahlus Sunnah tidak perlu bimbang dengan pengaruh golongan Zaydiyyah ini kerana sifat toleransi dan keterbukaan mereka, terutama dalam isu-isu ranting. Jika ada satu dua masalah yang diterima oleh sebahagian kalangan Ahlus Sunnah yang bertepatan dengan Zaydiyyah, maka itu adalah berdasarkan kepada kekuatan hujah menurut pandangan masing-masing. Wallahu a’lam.

## Rujukan

- 1) ‘Abdullah bin Hamud al-‘Izzi, 2009, *Muqaddimah al-Majmu‘ al-Hadithi wa al-Fiqhi*, cet. 2, Yaman: Mu’assasah al-Imam Zayd bin ‘Ali al-Thaqafiyyah.
  - 2) ‘Abd al-Salam bin ‘Abbas al-Wajih, *A‘lam al-Mu‘allifin al-Zaydiyyah*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 3) ‘Abd al-Wahhab ‘Abd al-Latif, 1960, *al-Mu‘tasar fi Mustalahat Ahl al-Athar min Ahl al-Sunnah wa al-Syi‘ah*, Mesir: Matba‘ah al-Fajalah al-Jadidah.
  - 4) Ahmad Amin, 1969, *Fajr al-Islam*, cet. ke-10, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
  - 5) Ahmad bin al-Husayn al-Haruni, *Syarh al-Tajrid*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 6) Ahmad bin Sulayman, *Usul al-Ahkam*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 7) Ahmad bin Hasyim, 2003, *al-Safinah al-Munjiyah fi Mustakhlash al-Marfu‘ min al-Ad‘iyah*, Yaman: Markaz Ahl al-Bayt.
  - 8) Al-Asy‘ari, Abu al-Hasan ‘Ali bin Isma‘il, 1990, *Maqalat al-Islamiyyin*, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
  - 9) Badr al-Din al-‘Ayni (m. 855H), *Maghani al-Akhyar fi Syarh Asami Rijal Ma‘ani al-Athar*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 10) Badr al-Din bin Amir al-Din al-Hawthi, 2002, *Miftah Asanid al-Zaydiyyah*, Yaman: Mu’assasah al-Imam Zayd bin ‘Ali al-Thaqafiyyah.
  - 11) Al-Fadani, Muhammad Yasin, 2008, *Asanid wa Ijazat wa Musalsalat al-Fadani*, Beirut: Dar al-Basya‘ir al-Islamiyyah.
  - 12) Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Tahzib al-Tahzib*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 13) Ibn al-Nadim, Muhammad bin Ishaq, 1978, *al-Fihrist*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
  - 14) Ibrahim bin al-Qasim bin Muhammad, *Tabaqat al-Zaydiyyah*, Edisi Maktabah Shamela, Jordan: Mu’assasah al-Imam Zayd bin ‘Ali al-Thaqafiyyah.
  - 15) Al-Kawthari, Muhammad Zahid, 1997, *Muqaddimat al-Imam al-Kawthari*, Dimasyq: Dar al-Thurayya.
  - 16) Mahmud Sa‘id Mamduh, 2009, *al-Ittijahat al-Hadithiyyah fi al-Qarn al-Rabi‘ ‘Asyar*, Kaherah: Dar al-Basa‘ir.
  - 17) Majd al-Din bin Muhammad bin Mansur al-Mu‘ayyadi, *Lawami‘ al-Anwar fi Jawami‘ al-‘Ulum wa al-Athar wa Tarajim Uli al-‘Ilm wa al-Anzar*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 18) Muhammad Abu Zahrah, *al-Imam Zayd: Hayatuh wa ‘Asruh - Ara‘uh wa Fiqhuh*, Dar al-Fikr al-‘Arabi.
  - 19) Muhammad Abu Zahrah, t.t., *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
  - 20) Mustafa al-Syak‘ah, 1996, *Islam bi-La Madhahib*, cet. ke-11, Kaherah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
  - 21) Muhammad bin ‘Aqil al-‘Alawi, 2004, *al-‘Atb al-Jamil ‘ala Ahl al-Jarh wa al-Ta‘dil*, ‘Amman: Dar al-Imam al-Nawawi.
  - 22) Muhammad Yahya Salim ‘Azzan, *Mukhtasar fi ‘Ulum al-Hadith*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 23) Yahya bin al-Husayn bin al-Qasim, 2003, *Kitab al-Manzilah Bayn al-Manzilatayn*, Yaman: Mu’assasah al-Imam Zayd bin ‘Ali al-Thaqafiyyah.
  - 24) Al-Zahabi, *Mizan al-‘Itidal*, Edisi Maktabah Shamela.
  - 25) Zayd bin ‘Ali, 2009, *al-Majmu‘ al-Hadithi wa al-Fiqhi* atau *Musnad al-Imam Zayd*, cet. 2, Yaman: Mu’assasah al-Imam Zayd bin ‘Ali al-Thaqafiyyah.
  - 26) Al-Zirikli, Khayr al-Din, 1998, *al-A‘lam*, cet. 13, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- a. Internet:
- 27) Ansar al-Imam Zayd bin ‘Ali, <http://www.ansarzaid.com/>

- 28) al-Basa'ir, [www.albasair.org](http://www.albasair.org)
- 29) Halif al-Quran, <http://www.imamzaid.com>
- 30) Hamid al-Din, <http://hamidaddin.net/>
- 31) Ibrahim bin Muhammad al-Wazir, <http://al-wazeer.org/new/vb/index.php>
- 32) al-Imam 'Izz al-Din bin Hasan, <http://anazaidi.com/>
- 33) Majalis Al Muhammad, <http://www.al-majalis.com>
- 34) Majd al-Din al-Mu'ayyadi, <http://www.azzaidiah.com/>
- 35) Mu'assasah al-Imam Zayd bin 'Ali al-Thaqafiyah, <http://www.izbacf.org/>
- 36) Markaz Badr al-'Ilmi, <http://www.al-zaidyah.org>
- 37) Markaz al-Imam 'Izz al-Din bin al-Hasan, <http://www.alhejrh.co.cc/>
- 38) Muntadayat al-Imam al-Hadi ila al-Haq, [www.imamhady.yoo7.com](http://www.imamhady.yoo7.com)
- 39) Muntadayat Sadah wa Asyraf al-Yaman,  
<http://www.hashmion.com/forum/index.php>
- 40) al-Murtadha bin Zaid al-Mahatwari, <http://almahatwary.org/>
- 41) Yahya al-Daylami, <http://www.aldaylami.org>
- 42) al-Zaydiyyah, <http://alzaidyah.hasanonline.com>
- 43) Zaydiyyat, <http://zaidiyat.net/forums/index.php>



## Konsep dan Syarat Terjemahan Hadith

Khairul Amin Mohd Zain<sup>1</sup>  
Mohd Norzi bin Nasir<sup>2</sup>

### Abstrak

*Di Malaysia khususnya, gerakan penterjemahan hadith telah lama bermula sejak zaman Syeikh Daud al-Fathani dan zaman Syeikh al-Marbawi lagi. Namun, terjemahan tersebut masih lagi belum memadai, tambahan pula perkembangan bahasa senantiasa berubah menurut perubahan semasa dan keperluan masyarakat terhadap hadith makin telerlah kerana adanya kesedaran agama yang kian bertambah. Menerusi kaedah analisis kandungan dokumen daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang berautoriti, kajian ini membincangkan konsep, syarat, dan cadangan dalam menghasilkan terjemahan hadith yang bermutu. Hasil kajian mendapati walaupun dewasa ini kesemua hadith telah berjaya direkodkan, boleh didapati didalam kitab-kitab hadith dengan mudah, akan tetapi masih lagi terdapat golongan yang tidak bernasib baik kerana tidak mampu membaca dan memahami hadith-hadith tersebut. Ini kerana mereka tidak berkebolehan dalam bahasa Arab. Justeru, penterjemah berperanan sebagai juru bahasa untuk menyampaikan perkataan dan perbuatan Nabi s.a.w. kepada masyarakat umum non-Arab. Inilah kerahiman dan keadilan Allah yang sentiasa membuka pintu rahmat-Nya sepanjang masa dan ketika untuk diberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Sekarang ini, tiba pula pusingan penterjemah-penterjemah untuk menyampaikan hadith Nabi s.a.w. kepada masyarakat umum. Satu garis panduan perlu diwujudkan dan ia merupakan satu keperluan utama dalam menghasilkan terjemahan hadith yang berkualiti bagi merealisasikan penyampaian hadith dengan cara yang terbaik.*

*Keyword: Konsep, Syarat, Hadith.*

### Pendahuluan.

Setiap penghargaan dan ganjaran yang diberikan kepada seseorang berkait rapat dengan tugas yang dilaksana dan tanggungjawab yang dipikulnya. Semakin besar tugas yang dipikulnya semakin besar kemuliaan dan ganjaran yang diperolehinya. Tugas menyampaikan hadith Nabawi merupakan satu kemuliaan daripada Allah Taala untuk umat Muhammad s.a.w dan mereka telah dipertanggungjawabkan untuk menyampaikannya. Tugas ini bertepatan dengan wasiat yang telah disampaikan oleh baginda s.a.w di lembah ‘Uranah, Padang Arafah semasa Haji Wada’:

---

<sup>1</sup> Guru Bahasa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

<sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

عن عبدالله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما قال: قال رسول الله ﷺ: " بلغوا عني ولو آية وحدثوا عن بني اسرائيل ولا حرج ومن كذب علي متعمدا فليتبوأ مقعده من النار."<sup>1</sup>

Maksudnya:

Daripada Abdullah bin 'Amr r.a berkata Rasulullah s.a.w bersabda: "Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat, berceritalah mengenai Bani Israel, tidak mengapa. Tetapi sesiapa yang berdusta terhadapku maka dia telah menyediakan tempatnya di dalam neraka".

Para perawi merupakan penyambung lidah Nabi s.a.w. Mereka merupakan golongan yang dimuliakan sebagai pengganti Rasulullah s.a.w sebagaimana dalam sebuah hadith:

«اللهم ارحم خلفائي. قيل من خلفاؤك؟ قال: الذين يأتون من بعدي يرون الأحاديثي، ويعلمونها الناس»<sup>2</sup>

Maksudnya:

Nabi s.a.w bersabda: Ya Allah Engkau rahmatilah pengganti-penggantiku. Baginda s.a.w ditanya: "Siapakah pengganti-penggantimu?". Baginda menjawab: "Mereka yang datang selepas kematianku, meriwayatkan hadith-hadithku dan mengajarkannya kepada orang ramai."

Inilah kerahiman dan keadilan Allah yang sentiasa membuka pintu rahmat-Nya sepanjang masa dan ketika untuk diberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya. Sekarang ini, tiba pula pusingan penterjemah-penterjemah untuk menyampaikan hadith Nabi s.a.w. kepada masyarakat umum melalui gerak kerja penterjemahan hadith.

### **Konsep Terjemahan Hadith.**

Menurut Kamus Dewan perkataan *terjemahan* bermaksud "memindahkan daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain"<sup>3</sup>. Dalam bahasa Arab pula terjemahan disebut sebagai *tarjamah*. Menurut Hakim bin Zainal perkataan *tarjamah* ini mempunyai tiga makna<sup>4</sup>:

<sup>1</sup>al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Bad' al-Khalq, Bab Ma Dhukira 'an Banisrail, hadis no. 3461, Jil.4 hal. 170, Dar Tuq al-Najah, cet. 1, 1422H.

<sup>2</sup>Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad, *al-Mu'jam al-Awsat*, hadis no. 5846, jil.6hlm.77, Kaherah, Dar al-haramain, 1415H.

<sup>3</sup> *Kamus Dewan*. Hal.1351

<sup>4</sup> Hakim bin Zainal. *Dirasah Uslubiah Li Tarjamah Ma`ani al-Quran al-Karim Bi al-Lughah al-Maliziah*. Hal.22



1. Pentafsiran dan penerangan dengan bahasa yang sama dan ia disebut sebagai *tafsir*.
2. Pentafsiran dan penerangan dengan bahasa yang lain dan ia disebut sebagai *terjemah tafsir*.
3. Memindahkan dari satu bahasa ke bahasa lain. Ia terbahagi kepada dua: terjemahan literal dan terjemahan makna.

Ulama silam seperti Al-Zarqaniy mendefinisikan sebagai:

Pemindahan makna perkataan daripada sesuatu bahasa kepada bahasa lain, di samping (teks bahasa sasaran) melengkapinya keseluruhan makna dan maksud teks sumber.(terjemahan)<sup>1</sup>.

Ilmuwan dalam terjemahan seperti Nida dan Taber mendefinisikan terjemahan sebagai:

Penghasilan semula dalam bahasa sasaran, pandangan dan mesej terdekat dengan bahasa asal, dari segi makna dan keduanya dari segi gaya.(terjemahan)<sup>2</sup>

Manakala Ainon Muhammad, sarjana tempatan dalam terjemahan lebih mementingkan mesej yang terkandung dalam teks sumber tanpa menyebut tentang struktur dan bentuk mesej asal. Menurutnya terjemahan bermaksud:

“Suatu proses menyalin semula maklumat yang terkandung dalam teks sumber ke dalam bahasa penerima.”<sup>3</sup>

Berdasarkan kepada takrifan-takrifan ini, penterjemah perlu mengutamakan mesej dalam teks sasaran daripada teks sumber dalam terjemahannya kerana maksud daripada penterjemahan adalah untuk menyampaikan mesej kepada pembaca dengan perantaraan bahasa sasaran. Bentuk terjemahan ini dinamakan sebagai terjemahan makna. al-Qattan telah mendefinisikan terjemahan makna seperti berikut:

“Terjemahan *tafsiriyyat* atau *ma`nawiyah* ialah menerangkan makna kalimat dengan menggunakan bahasa lain tanpa terikat dengan susunan kalimat bahasa asal atau memelihara nuzumnya...”(terjemahan)

<sup>1</sup> Zarqaniy, Muhammad Abd al-Azim, al-.(1988). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut. Dar al-Fikir.Hal 2:110-111

<sup>2</sup> Nida, Eugene A. & Taber, Charles R.(1974). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: Brill.Hal 12

<sup>3</sup> Ainon Muhammad.(1985). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal 16.

Walaupun makna adalah intipati terjemahan, namun ahli bahasa sependapat mengatakan bahawa perpindahan makna secara keseluruhan dalam terjemahan adalah mustahil. Hal ini kerana apa yang difahami sebagai makna itu adalah berbeza-beza pula cirinya jika dilihat daripada konsep terjemahan yang berbeza-beza.<sup>1</sup>

Di antara persoalan yang timbul tentang isu ini ialah: Adakah makna itu dapat dipindahkan secara keseluruhan tanpa cacat cela ke dalam bahasa sasaran? Apabila makna itu telah dipindahkan pula ke dalam bahasa sasaran apakah teks sasaran tersebut boleh dianggap mempunyai kedudukan yang serupa dengan teks asal atau lebih rendah daripadanya, atau ia akan mendapat lebih tinggi daripada teks yang asal?

Berkaitan dengan terjemahan Hadith pula, para ulama telah membincangkan mengenai keharusannya dan apakah bentuk terjemahan yang diterima. Isu terjemahan makna hadith ini berkait rapat dengan isu periwayatan hadith secara makna. Perkara ini adalah diharuskan sebagaimana yang dibincangkan oleh al-Qasimiy dalam kitabnya *Qawaid al-Tahdith*. Beliau telah mengemukakan pandangan al-Hafiz Ibn Hajar mengenai persoalan terjemahan makna hadith dalam kitab *Syarah al-Nukhbat*<sup>2</sup>:

“Manakala periwayatan hadith dengan makna pula, perselisihan pendapat para ulama mengenainya adalah masyhur. Walaupun begitu, kebanyakan mereka mengharuskannya. Antara hujah mereka yang terkuat ialah ijmak mengharuskan penerangan syariat dengan menggunakan bahasa asing kepada non-Arab oleh mereka yang mahir dalam bahasa tersebut.”

Periwayatan hadith dengan cara memindahkan maknanya dengan tanpa terikat dengan lafaz merupakan satu keringanan yang telah dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana sebuah hadith Ibn Mandah:

---

<sup>1</sup> Antara sarjana Islam yang mengupas tentang terjemahan dan menyatakan mustahilnya makna atau maksud dapat dipindah dan disampaikan dari satu bahasa ke bahasa yang lain ialah: Al-Jahiz, Ibn. Qutaibah, manakala sarjana Barat Moden yang berpendapat demikian ialah de Saussure dan Bloomfield. (Akmal Huzairy: 2006:35-46)

<sup>2</sup> Qasimiy, al-Syeikh Jamaluddin, al-.(1994). *Qawaid al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. Beirut. Dar al-Nafais. Hal 232.

عن يعقوب بن عبد الله بن سليمان بن أكيمة الليثي عن أبيه عن حده قال: أتينا رسول الله ﷺ فقلنا له: يَا أَبَاتِنَا أَنْتَ وَأُمَّهَاتِنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنْ نَسِمْنَا مِنْكَ الْحَدِيثَ فَلَا نَقْدِرُ أَنْ نُؤَدِيَهُ كَمَا سَمِعْنَاهُ فَقَالَ: إِذَا لَمْ تَحْلُوا حَرَامًا وَلَمْ تَحْرَمُوا حَلَالًا وَأَصَبْتُمُ الْمَعْنَى فَلَا بَأْسَ.<sup>1</sup>

Daripada Ya'kub bin Abdullah bin Sulaiman bin Ukaimah al-Laithi daripada bapanya daripada datuknya berkata: Kami mendatangi Rasulullah dan bertanya kepada baginda: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya apabila kami mendengar hadith daripadamu, kami tidak mampu meriwayatkannya sebagaimana kami mendengar daripadamu. Lalu baginda menjawab: "Selagimana kamu tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Selagimana tepat maksudnya, maka tidak mengapa".

Imam Tirmizi pula berkata:

"Sesiapa yang ingin menyampaikan hadith yang telah didengarinya kepada orang lain, dia boleh menukar lafaz selagimana tidak mengubah maknanya".

Hujah ini dikuatkan lagi dengan pandangan al-Imam Ibn Faris yang diutarakan oleh al-Qasimiy dalam kitabnya tersebut. Ibn Faris telah menyatakan bahawa sekiranya perawi mesti memelihara lafaz itu tanpa meninggalkan satu hurufpun maka sudah pasti Rasulullah s.a.w. memerintah supaya para sahabat menulis atau membuat penelitian rapi terhadap apa yang mereka dengari daripadanya. Sebagaimana Baginda s.a.w. telah memerintahkan supaya sahabat menulis apa yang wahyu al-Qur'an yang tidak dibenarkan untuk menukar makna dan lafaznya. Oleh kerana tiada perintah sedemikian ini memperuntukkan periwatan hadith adalah lebih ringan, walaubagaimanapun menyampaikannya menurut lafaz yang didengarinya adalah lebih afdal.<sup>2</sup>

Begitu juga keadaan terjemahan, penterjemah mestilah memilih perkataan yang paling hampir dengan lafaz dan makna Hadith kerana galakan Nabi s.a.w. kepada para sahabat supaya menyampaikan perkataannya sebagaimana yang didengarinya. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud daripada Baginda s.a.w.:

---

<sup>1</sup>Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad, *al-Mu'jam al-Kabir*, hadis no. 6491, jil. 7 hlm. 100, Maktabah al-Ulumwa al-Hikam, 1404H / 1983M.

<sup>2</sup>Ibid. hal. 231

عن أنس بن مالك قال: قال رسول الله ﷺ: «نضر الله عبدا سمع مقالتي فوعاها ثم بلغها عني»<sup>1</sup>

Maksudnya:

Daripada Anas bin Malik r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda:“Semoga Allah mencerikan orang yang mendengar kata-kataku dan menghafalnya, lalu menyampaikannyadaripadaku (sebagaimana yang didengarinya).

Maksud ‘menyampaikan sebagaimana yang didengarinya’ bukanlah khusus menyampaikan lafaz tanpa perubahan langsung, tetapi maknanya ialah menyampaikan Hadith tanpa mengubah maknanya. Perawi meriwayatkan makna hadith sebagaimana yang didengari dan difahami dari lafaznya. Begitu jugalah halnya sekiranya penterjemah menterjemah makna hadith tanpa penambahan dan pengurangan maksud maka dia telah ‘menyampaikan sebagaimana yang didengarinya’.

Dalam prinsip penterjemahan pula, penterjemah hendaklah mengutamakan mesej dalam teks sasaran daripada teks sumber. Ini kerana maksud daripada penterjemahan adalah untuk menyampaikan mesej kepada pembaca dengan perantaraan bahasa sasaran. Dalam terjemahan teks agama, terutamanya terjemahan al-Qur’an dan hadith ke dalam bahasa Melayu, rata-ratanya merupakan terjemahan yang mengekalkan lenggok bahasa asal serta susun atur seringkali tidak lancar kerana ayatnya mirip bahasa Arab, tanda kurungnya banyak. Kadang-kadang tidak dapat difahami apakah maksud ayat kerana ia tidak mengambil kira hubung kait ayat dengan topik yang dimaksudkan. Ini berlaku kerana penterjemah masih dibayangi tanggungjawab ‘memindahkan’ makna secara teliti kerana dia berhadapan dengan wahyu suci. Sekiranya kita akur bahawa terjemahan hadith itu sendiri adalah satu bentuk penerangan makna, penterjemah sebenarnya tidak perlu berasa takut untuk menggunakan perkataan-perkataan yang dirasakan sepadan bagi menjelaskan lagi maksud-maksud ayat yang mereka terjemahkan.

Ini bermakna dalam penterjemahan, penterjemah seharusnya mementingkan penerimaan dan pemahaman yang betul terhadap frasa ayat. Di samping itu, ia juga dapat memperkayakan khalayak pembaca dengan istilah dan susunan frasa terkini dan semasa tanpa menyimpang daripada makna asal yang termaktub dalam nas asal Hadith.

Antara persoalan yang timbul diutarakan sebelum ini ialah apabila makna hadith itu telah dipindahkan pula ke dalam bahasa sasar

---

<sup>1</sup>Al-Qazwini, Abu Abdullah Muhammad binYazid, *SunanIbnMajah*, bab Man Balagha ‘Ilman, jil.1, hlm.86 hadis no. 236, jil. Beirut, Dar al-Fikr, t.t.

apakah teks sasar tersebut boleh dianggap mempunyai kedudukan yang serupa dengan teks asal atau lebih rendah daripadanya, atau ia akan mendapat lebih tinggi daripada teks yang asal?

Dalam konteks terjemahan Al-Qur'an, semua terjemahan Al-Qur'an yang ada pada hari ini tidaklah dianggap sebagai Al-Qur'an yang suci yang sama tahapnya dengan Al-Qur'an yang asli. Ulama sepakat bahawa Al-Qur'an al-Kareem itu ialah wahyu asal dalam bahasa Arab yang terpelihara dan diwahyukan kepada Baginda Rasulullah s.a.w. Begitu juga halnya dengan terjemahan hadith, hasil terjemahan tidak dapat menyamai asal teks hadith dalam bahasa Arab sama sekali kerana ia hanyalah bayangan maksud asal dan bukan merupakan satu lagi teks juga layak untuk menggantikan yang asal. Tanggapan bahawa makna yang dipindahkan dalam terjemahan adalah ibarat air yang dituang daripada satu bekas ke dalam bekas yang lain tanpa air itu berubah kuantiti dan kualitinya adalah satu pemahaman yang salah tentang terjemahan.<sup>1</sup>

Hadith juga tidak dapat menandingi teks asal berbahasa Arab kerana penterjemah akan sentiasa terikat dengan beberapa faktor yang mempengaruhi cara dan cita rasa bahasanya menterjemah. Kadangkalah apabila terdapat penerangan yang pelbagai untuk hadith-hadith tertentu, penterjemah akan cenderung memilih makna yang sesuai dengan mazhab fiqah atau aqidah yang dipercayainya. Sekiranya dia bermazhab Syafie, ada kemungkinan hadith-hadith hukum akan menjadi terjemahan yang mengandungi pendapat mazhabnya. Sekiranya dia menolak 'takwil' nescaya ayat-ayat mutasyabihat akan diterjemahkannya secara literal (*harfi*) tanpa diberikan huraian dan ta'wil sebagaimana yang disepakati Jumhur Ulama' Ahlu Sunnah.

Teks terjemahan hadith tidak boleh dijadikan sebagai penghujah dalam mengekstrak hukum kerana ia tertakluk kepada faktor-faktor penterjemahan. Faktor-faktor seperti latarbelakang penterjemah yang pelbagai yang akan mempengaruhi cara mereka menterjemah dan selanjutnya akan membawa kepada berbagai terjemahan dalam sesuatu bahasa itu. Faktor lain ialah berkenaan ciri-ciri khusus sesuatu bahasa Arab yang menjadikannya unik dan tidak terdapat dalam bahasa lain. Perbezaan struktur di antara bahasa-bahasa itu akan membawa kepada salah satu daripada tiga kemungkinan: samada makna yang terdapat dalam teks asal itu akan menjadi lebih khusus, atau lebih umum atau lenyap kerana diabaikan penterjemah.

---

<sup>1</sup> Akmal Huzairy, *Al-Mabadi' al-Asasiyyah fi Tarjamah al-Qur'an al-Karim fi Dau' Mu'tayat al-Tarjamah Hadithah*. Hal. 39

Faktor perubahan bahasa juga membuatkan sesuatu terjemahan itu akan sentiasa diganti dan diperbaiki selaras dengan ragam bahasa zaman tersebut. Oleh kerana bahasa adalah satu fenomena yang sentiasa berkembang dan berubah, terjemahan Hadith ke dalam mana-mana bahasa sentiasa memerlukan penilaian semula dari segi penggunaan perkataan, frasa dan stail dan perkara ini akan membawa kepada wujudnya pelbagai bentuk terjemahan dalam satu-satu bahasa. Ini tentunya tidak memungkinan wujudnya satu terjemahan yang boleh disepakati sebagai melebihi terjemahan yang lain dalam sesuatu bahasa itu, tidak seperti halnya al-Qur'an al-Karim dan Hadith yang tetap, tidak berubah dan terpelihara.<sup>1</sup>

Berdasarkan kepada faktor-faktor yang disebutkan di atas, perlu adanya syarat-syarat terjemahan bagi menyelaraskan kerja-kerja terjemahan. Dengan penyelarasan ini diharapkan akan memberi hasil kerja terjemahan yang mantap dan diterima dengan baik ke bahasa sasar.

### **Syarat-Syarat Terjemahan Hadith**

#### **1. Terjemahan langsung daripada makna Sumber**

Terjemahan mesti langsung daripada makna Hadith, tidak bersumberkan daripada terjemahan yang sedia ada kerana jika berlaku penterjemahan dari terjemahan, bermakna hasil terjemahan bukan lagi dari makna Hadith, bahkan jika perkara ini berlaku, kesahihan terjemahan kedua tidak lagi terjamin dan ia telah terdedah kepada pelbagai kesalahan.

Hal ini terbukti dengan adanya terjemahan seperti ini yang dilakukan oleh pihak yang bukan Islam telah mengandungi pelbagai kesalahan, seperti terjemahan ke bahasa Itali peringkat awal, bahkan juga oleh orang Islam sendiri.

Syaikh Mahmud Muhammad al-Khudayri dalam Muhammad Nur Lubis ketika menyentuh mengenai syarat-syarat utama terjemahan al-Qur'an berkata:

“Pada mulanya mereka menterjemah teks Arab ke dalam bahasa al\_fusyaliyyah kemudian terjemahan ini pula diterjemahkan ke dalam bahasa Latin yang menjadi bahasa ilmu dan agama Kristian di Eropah pada ketika itu. Tidak dapat diragukan bahawa cara terjemahan seperti ini membawa kepada peringkat penyampaian yang

---

<sup>1</sup> Akmal Khuzairy Abd. Rahman, *Alaqah al-Tarjamah bi al-'Ijaz al-Qurani: Dirasah li Tabiat al-Tarjamah wa Tatbiqihha 'ala al-tarjamah al-Malayuwiyyah*, Journal of Islam in Asia, Vol. 2 No. 2, International Islamic University Malaysia, December 2005 Hal. 45

tidak tepat dan terjemahannya banyak yang tidak sesuai dan terkeluar daripada maksud teks asal.”<sup>1</sup>

Bahkan mengikut beliau terjemahan yang bersumberkan kepada terjemahan pertama atau kedua dan seterusnya, adalah satu kecacatan ketempangan dalam bidang ilmu terjemahan.

## **2. Memenuhi Syarat-Syarat Syarah Hadith.**

Terjemahan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang terdapat dalam syarah hadith yang muktabar, termasuk sandarannya mesti berdasarkan riwayat yang diperakui, tidak menyimpang dari kaedah-kaedah bahasa Arab dan ianya bersesuaian dengan ruh Islam.

Antara jalan-jalan untuk memenuhi pensyaratan ini ialah dengan mengambil kira makna berdasarkan kepada ilmu-ilmu untuk memahami matan hadith atau pendapat para sahabat, fuqaha atau dengan menunjukkan maknanya kepada bahasa Arab sendiri.

Ataupun sekurang-kurangnya penterjemah mestilah merujuk kepada Kitab-kitab Syarah Hadith. Sebagai contohnya penterjemah mesti sentiasa mendampingi kitab *Nuzhat al-Muttaqin* oleh al-Syeikh Mustafa Said Khin dan lain-lain pengarang. *Syarah Riyadh al-Salihin* oleh al-Syeikh Ibn Uthaimen dalam menterjemahkan kitab *Riyadh al-Salihin*.

## **3. Memakai makna yang rajih.**

Jika terdapat pelbagai makna, hendaklah dipakai makna yang paling rajih. Bagi menyempurnakan pensyaratan ini maka sebaiknya diletakkan nota kaki.

## **4. Mengekalkan Istilah sumber**

Istilah sumber yang dimaksudkan di sini ialah istilah yang terdapat di dalam matan Hadith seperti: Solat, Haji, Zakat, al-Muhajirin, al-Ansar dll. Bagi memudahkan pembaca tentang istilah-istilah ini, maka eloklah diletakkan catatan tambahan sebagai huraian.

Disamping itu juga penterjemah perlu menghindarkan daripada meletakkan suatu istilah untuk dirinya yang tidak diketahui oleh orang lain dan luar daripada kebiasaan yang digunakan.<sup>2</sup>

Berkaitan dengan istilah-istilah hadith pula, terdapat kitab khusus yang dikarang bagi menjelaskannya. Kitab Insiklopedia Istilah

---

<sup>1</sup> Muhammad Nur Lubis Abd Razak.(2003).*Penterjemahan Makna al-Qur'an: Kajian ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur'an*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.Hal 518

<sup>2</sup> Ibid. Hal. 521

Hadith mengandungi lebih seribu istilah Ulum Hadith dari segi riwayat atau dirayah. Pengarangnya, Syed Abdul Majid Ghouri telah mengarang kitab ini sebagai memenuhi permintaan institut kajian Hadith (INHAD) KUIS. Kitab ini sedang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia oleh para penyelidik yang mempunyai pengkhususan khusus dalam bidang hadith. Kitab ini sangat sesuai bagi setiap individu yang terlibat dalam pengajian, pengajaran dan penterjemahan hadith.

#### **5. Kata Nama tidak diterjemahkan**

Kata Nama khas seperti nama-nama Allah Ta'ala, para nabinya dan tempat tidak perlu diterjemah dan diubah, tetapi yang perlu diambil kira hanya dua perkara<sup>1</sup> iaitu:

1. Menukarkan huruf Arab kepada huruf Latin (rumi) mengikut transliterasi yang diperakui.
2. Memulakan setiap kata nama dengan huruf besar.

Selain dari itu nota kaki juga akan digunakan untuk menerangkan perkara-perkara berikut yang tidak dapat dihuraikan secara langsung di dalam teks kerana ditakuti akan menjejaskan kesinambungan makna:

1. Unsur budaya khusus Arab yang tidak terdapat dalam bahasa dan budaya Melayu.
2. Makna figuratif yang menggunakan unsur masyarakat dan budaya yang tiada dalam alam Melayu.
3. Tempat
4. Pakaian
5. Makanan
6. Tanaman
7. Istilah-istilah ilmiah lain.

#### **6. Mengekalkan bunyi dan sebutan Sumber**

Maksud bunyi di sini ialah istilah dan nama-nama yang tidak diterjemahkan ditulis mengikut kaedah yang membolehkan istilah dan nama-nama itu apabila dibunyikan tetap dalam bunyi asal. Seperti nama Allah ditulis dengan *Allah* dan nama Ibrahim ditulis dengan *Ibrahim*.

Syarat ini ada kaitan dengan syarat yang sebelumnya.

#### **7. Tidak memakai istilah agama lain.**

Terjemahan makna tidak memakai istilah yang khas di dalam istilah agama-agama lain yang sedia ada dalam al-Qur'an dan

---

<sup>1</sup>Muhammad Bukhari Lubis. (1998). *Penterjemahan Arab-Melayu-Arab: Peraturan dan Dasar*. Serdang: Penerbit UPM. Hal 50



Hadith. Seperti kalimah para nabi tidak diterjemahkan dengan makna Astople kerana ia bermaksud Hawariyyin dalam agama Kristian.

Jadi pensyaratan ini digariskan bagi memastikan istilah yang terdapat di dalam Hadith selari dengan kehendak akidah Islam dan demi menjaga kesucian dan kemurnian istilah istilah berkenaan.<sup>1</sup>

**8. Tidak bercorak taasub.**

Terjemahan tidak mengikut aliran atau fahaman yang sempit, tetapi tidak mengapa jika makna sumber berkaitan dengan pendapat muktamad mazhab yang menjadi anutan penterjemah, seperti makna lafaz quru' yang terdiri daripada makna suci atau haid.

**9. Bahasa mudah difahami.**

Penterjemahan yang komunikatif dalam pangolahan. Dalam terjemahan teks agama ke dalam bahasa Melayu, rata-ratanya merupakan terjemahan yang mengekalkan lenggok bahasa asal serta susun atur perkataan teks asal. Ini menyebabkannya sukar untuk difahami secara terus. Pembacaannya seringkali tidak lancar kerana ayatnya mirip bahasa Arab, tanda kurungannya banyak. Kadang-kadang tidak dapat difahami apakah maksud ayat kerana ia tidak mengambil kira hubung kait ayat dengan topik yang dimaksudkan.

Oleh kerana terjemahan Hadith itu sendiri adalah satu bentuk syarahan, seperti yang telah kita tekankan pada permulaan tadi, masalah ini tidak timbul kerana kita mengambil jalan cara bebas untuk menghuraikan maksud agar lebih jelas difahami dan komunikatif.

Terjemahan yang utuh mestilah memperlihatkan ciri jalinan dan keteraturan fikiran antara ayat-ayat. Oleh itu, terjemahan penanda wacana yang tepat mesti dititik beratkan. Contohnya huruf *waw* tidak semestinya diterjemahkan dengan **dan** sahaja kerana berkemungkinan ianya tidak menyerlahkan pertautan antara dua ayat.

**10. Terjemahan sebaik-baiknya ditulis bersama matan Hadith.**

Ini bagi mengelak kekeliruan bahawa terjemahan itu mempunyai taraf yang sama dengan matan yang sebenar.

---

<sup>1</sup> Muhammad Nur Lubis Abd Razak.(2003).*Penterjemahan Makna al-Qur'an: Kajian ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur'an*. hal 523

### **11. Sebaik-baiknya hendaklah menulis selawat dan doa secara sempurna.**

Ini merupakan adab pelajar dan penterjemah hadith. Ia bukan hanya meletakkan ringkasannya atau simbolnya sahaja. Begitu juga dengan *Radiallahu 'anhu* tidak ditulis dengan r.a sahaja. Walaupun ia hanya sekadar bacaan doa dan tidak termasuk dalam periwayatan tetapi ini merupakan adab penuntut ilmu hadith.<sup>1</sup>

### **12. Dihasilkan secara berkumpulan.**

Terjemahan secara berkumpulan juga adalah lebih baik secara dasarnya, kerana mereka dapat melihat dari kepelbagaian sudut terutamanya ketepatan pemilihan perkataan, struktur ayat dan sebagainya dan mereka boleh merumuskan berbagai-bagai pandangan dan menggabungkan berbagai-bagai kemahiran, berbanding dengan individu yang kemampuannya adalah terbatas dan tidak menyeluruh.

Dari sudut realiti juga, hakikat bahawa terjemahan kumpulan adalah lebih baik daripada terjemahan individu adalah benar apabila dibuat kajian. Dalam konteks terjemahan al-Qur'an, Mat Taib Pa membuat membandingkan antara terjemahan individu, iaitu Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an oleh Sheikh Abdullah Basmeih di Malaysia dan terjemahan jawatankuasa, iaitu Al Quran Dan Terjemahannya oleh Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir Al Quran yang terdiri sepuluh orang ulama di Indonesia.<sup>2</sup> Oleh itu dalam terjemahan hadith, sebaik-baiknya dibentuk Jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai kepakaran bagi menghasilkan terjemahan yang berwibawa.

Bagi membolehkan seseorang itu layak menterjemahkan hadith, dia seharusnya menguasai beberapa bidang ilmu pengetahuan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para ulama Islam yang mempunyai ketokohan dan autoriti dalam ilmu Hadith. Terdapat dikalangan ulama' yang menyatakan bahawa menjelaskan

---

<sup>1</sup> Syed Abdul Majid. Syed Abdul Majid al-Ghouri.(2011). *Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith*. Terjemahan Md Hazim Husin. Bandar Baru Bangi. Darul Syakir. Hal 265

<sup>2</sup>Mat Taib bin Pa, *Terjemahan Makna al-Qur'an al-Karim ke Bahasa Melayu: Keperluan Pembentukan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan*, Persidangan Penterjemahan Antarabangsa kali ke-8, Kedah: UUM&DBP&PPM, 1999, ms 63-68.

makna Hadith hanya layak kepada mereka yang menguasai beberapa jenis ilmu pengetahuan.

Bagi mencari seseorang mempunyai pakej lengkap untuk menterjemah bukanlah perkara mudah. Oleh itu gabungan kepakaran diperlukan bagi merealisasikan hasil terjemahan hadith yang ideal dan kontemporari yang menepati maksud teks sebenar.

### **Kepakaran yang Diperlukan dalam Jawatankuasa Menterjemah Hadith**

Pengembelian tenaga ini adalah terdiri daripada pakar-pakar berikut:

#### **1. Pakar Bahasa Arab.**

Penterjemah mestilah menguasai ilmu al-Arabiyyah, iaitu ilmu bahasa Arab atau kaedah-kaedah sastera Arab yang diperlukan bagi memahami makna Hadith. Kosa kata dalam bahasa Arab dengan jelas baik dan kedudukan ayat tersabut dalam rangkaian kalimat. Pengetahuan terhadap dalam bahasa Arab tidak mencukupi kerana kadangkala satu perkataan Arab mengandungi banyak makna dan berubah makna berdasarkan dengan gabungan perkataan yang lain. Antara ilmu-ilmu alat yang terpenting ialah:

- a) Ilmu Nahu
- b) Ilmu Saraf
- c) Ilmu Balaghah yang terdiri daripada ilmu *Ma'ani*, *Badi'*

Antara manfaat ilmu-ilmu ini ialah supaya menjaga kesalahan dalam penyampaian dan penulisan.

#### **2. Penuntut Ilmu Hadith.**

Penterjemahan makna Hadith merupakan proses gabungan mensyarah dan menterjemah serentak. Oleh itu, penterjemah perlu memahami ilmu berkaitan dengan hadith terutama ilmu yang membantu memahami matan hadith.

Sebaik-baik penterjemah perlu terdiri daripada penuntut ilmu hadith yang menurut metode ilmiah pembelajaran ilmu hadith. Pendekatan yang dilakukan ialah dengan belajar secara berperingkat-peringkat ilmu-ilmu asas dengan mantap dan melalui metode yang kukuh. Para ulamak sangat menekankan perkara ini.

Syeikh Syed Abdul Majid menyarankan untuk menjadi pelajar ilmu Hadith katanya:

“Pelajar memulakan perjalanan menuntut ilmu dengan membaca kitab-kitab yang ringkas kemudian kitab-kitab yang sederhana seterusnya barulah membaca kitab-kitab yang besar dan syarah-syarah. Bacalah kitab-kitab ringkas daripada guru yang mantap, atau daripada

pensyarah universiti yang berkaliber. Kemudian setelah berbincang dengan mereka, kamu beralih kepada kitab yang sederhana ataupun yang besar. Turutan ini akan memberi manfaat kepada penuntut ilmu hadith.”<sup>1</sup>

Disamping itu, penterjemah hendaklah memiliki ilmu berkaitan dengan ilmu memahami matan hadith. Ilmu-ilmu tersebut adalah seperti berikut:

- a) *Gharib Hadith*
- b) *Mukhtalif Hadith*
- c) *Musykil Hadith*
- d) *Nasikh dan Mansukh Hadith*
- e) *Asbab wurud Hadith*
- f) *Fiqh Hadith*

Sekiranya, penterjemah tidak dapat menguasai ilmu ini, paling kurang dia mesti merujuk kepada penerangan-penerangan yang telah dilakukan oleh ulama berkaitan sesuatu hadith bagi merungkai permasalahan tersebut.

### **3. Pakar dalam Bahasa Melayu**

Penguasaan bahasa sasaran merupakan antara syarat terpenting dalam menghasilkan terjemahan yang bermutu.

Keperluan mengetahui bahasa sasaran secara mendalam ialah bagi memastikan bahasa yang dipakai tidak menyalahi tatabahasanya, kerana dalam konteks penterjemahan ini perlu diambil kira teori komunikatif dalam pengolahannya dalam bahasa sasaran agar pengguna dapat memahaminya dengan mudah dan memuaskan.<sup>2</sup>

Tidak dapat dinafikan bahawa kemampuan bahasa adalah penting untuk menyatakan sesuatu yang tersemat dalam pemikiran. Dalam konteks terjemahan pula, walaupun sesuatu idea itu dapat difahami dengan tepat tetapi sekiranya kemampuan bahasa penterjemah adalah lemah, pastinya terdapat kekurangan dalam terjemahannya sama ada dia tidak dapat mengungkapkannya dengan bahasa yang boleh menyatakan maksud sebenarnya atau menggunakan ayat yang agak panjang sedangkan terdapat perkataan atau ayat lain yang lebih baik dan ekonomik. Di sinilah terletak pentingnya kepakaran dalam bahasa Melayu untuk menterjemahkan Hadith.

---

<sup>1</sup> Syed Abd Majid al-Ghouri.(2011) *Ittiba' Manhaj 'ilmi fi Tolab 'Ilmi al-Hadith*. Kajian yang tidak dicetak

<sup>2</sup> Muhammad Nur Lubis. hal 461

#### 4. Pakar dalam pelbagai disiplin ilmu.

Ini adalah untuk mengelakkan daripada bercampur aduk antara makna perkataan yang terdapat dalam teks sumber. Ini kerana setiap bidang mempunyai istilah yang tertentu yang khusus bagi ilmu tersebut. Dengan penglibatan pakar-pakar dalam bidang tertentu seperti bidang sains, sejarah, geografi, sosiologi dan lain-lain akan mengelakkan istilah tertentu akan bercampur-aduk.

Dengan pembentukan jawatankuasa ini, kerja-kerja terjemahan dapat dibahagikan menurut kepakaran mereka. Melalui perbincangan bersama kerja-kerja dapat disusun dan selaraskan bagi melancarkan gerak kerja terjemahan.

Terjemahan seumpama ini lebih dipercayai kerana tidak mengandungi matlamat peribadi yang merupakan gambaran pendapat dan kehendak seseorang penterjemah sahaja.<sup>1</sup>

#### Cadangan

Langkah Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) haruslah dipuji kerana berusaha menubuhkan **Institut Kajian Hadith Selangor**, atau **INHAD** dengan tujuan memelihara dan memartabatkan Hadith sebagai sumber hukum kedua selepas kitab suci Al-Qur'an. Pertubuhan ini bermisi untuk menyediakan **sumber tulen Hadith** kepada ummah dalam memelihara, mengkaji, mempelajari dan mengamalkan Hadith Rasulullah *s.a.w.* sebagai sumber rujukan yang kedua selepas al-Qur'an al-Karim.

Dalam menyalurkan sumber ini kepada masyarakat di Malaysia, gerakan terjemahan adalah teras kepada kejayaan misi ini. Oleh itu, gabungan kepakaran mestilah dilakukan. Penterjemahan makna Hadith merupakan proses gabungan menafsir dan menterjemah serentak. Justeru, perlu ada disiplin ilmu yg tersusun bagi terjemahan sebagaimana tafsir dan hadith mempunyai disiplin yang tersendiri, iaitu ilmu Usul Tafsir dan Ilmu Mustalah Hadith dan cabangnya.

Kajian-kajian yang lebih serius membentuk ilmu dasar dalam penterjemahan Hadith mestilah dibina seperti kata hubung dan *huruf ma'ani* dalam bahasa Arab seperti huruf *fa*, *ba*, dan lain-lain perlu dilakukan oleh pengkaji yang lain supaya menjadi rujukan penterjemah al-Qur'an dan Hadith. Hasil kajian ini akan menjadi rujukan kepada kesemua penterjemah.

Semoga usaha murni ini akan melayakkan penterjemah mendapat doa dari nabi *s.a.w.*

---

<sup>1</sup> Ibid.457

## Rujukan

- 1) Akmal Huzairy Abd Rahman (2006). Al-Mabadi' al-Asasiyyah fi Tarjamah al-Qur'an al-Karim fi Dau' Mu<sup>c</sup>tayat al-Tarjamah Hadithah. *Journal of the Saudi Association of Languages and Translation*.ms 35-45.
- 2) \_\_\_\_\_.(2005). 'Alaqah al-Tarjamah bi al-'Ijaz al-Qur'ani: Dirasat li Tabiat al-Tarjamah wa Tatbiqiha <sup>c</sup>ala al-Tarjamah al-Malayuwiyyah, *Journal of Islam in Asia*, Vol. 2 No. 2: ms 10-24
- 3) Ainon Muhammad.(1985). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- 4) Hakim bin Zainal. *Dirasah Uslubiah Li Tarjamah Ma`ani al-Quran al-Karim Bi al-Lughah al-Maliziah*.
- 5) Hasuria Omar. (1998). *Wacana dan Maknanya Dalam Terjemahan*. Jurnal Dewan Bahasa. Mac, 204-222.
- 6) *Kamus Dewan*. Cet. pertama, Ed. ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 7) Kassim Ahmad, *Beberapa Masalah Terjemahan di Malaysia*, Persidangan Penterjemahan Antarabangsa kali ke-3, diedit oleh Noor Ein Mohd & Atiah Salleh, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia & DBP, 1991, ms 125
- 8) Mat Taib bin Pa, *Terjemahan Makna al-Qur'an al-Karim ke Bahasa Melayu: Keperluan Pembentukan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan*, Persidangan Penterjemahan Antarabangsa kali ke-8, Kedah: UUM&DBP&PPM, 1999, ms 63-68.
- 9) Mohd Shukri Hanapi.(2003). *Terjemahan al-Qur'an dalam Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- 10) Muhammad Bukhari Lubis. (1998). *Penterjemahan Arab-Melayu-Arab: Peraturan dan Dasar*. Serdang: Penerbit UPM.
- 11) \_\_\_\_\_, *Pedoman Menterjemah al-Qur'an: Satu Penilaian*, Persidangan Penterjemahan Antarabangsa kali-7, Kuala Lumpur: IIUM & DBP & PPM, 1999, ms 63-68
- 12) Muhammad Nur Lubis Abd Razak.(2003).*Penterjemahan Makna al-Qur'an: Kajian ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur'an*. Tesis doktor falsafah yang tidak ditebitkan. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- 13) Nida, Eugene A. & Taber, Charles R.(1974). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: Brill.
- 14) Qasimiy, al-Syeikh Jamaluddin, al-.(1994).*Qawaid al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*.Beirut. Dar al-Nafais
- 15) Qattan, Manna<sup>c</sup> al-Khalil. (1993). *Mabahith fi <sup>c</sup>Ulum al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah
- 16) Sohair Abdel Moneim Sery. *Penterjemahan Teks Agama dan Usaha ke Arah Mempopularkannya*. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-4. September (1999) hlm 143-154.
- 17) Syed Abdul Majid al-Ghouri.(2011). *Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith*.Terjemahan Md Hazim Husin. Bandar Baru Bangi. Darul Syakir.
- 18) Syed Abd Majid al-Ghouri.(2011) *Ittiba' Manhaj 'ilmi fi Tolab 'Ilmi al-Hadith*. Kajian yang tidak dicetak

- 19) Zarqaniy, Muhammad Abd al-Azim, al-.(1988). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut. Dar al-Fikir.

## **ILMU AL-JARH WA AL-TA'DIL: TUMPUAN TERHADAP KETOKOHAN IMAM BUKHARI**

**Zulhilmi bin Mohamed Nor<sup>1</sup>**

### **Abstark**

*Hadis Rasulullah s.a.w. merupakan salah satu sumber perundangan Islam yang menerangkan dan memperincikan lagi agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada hambaNya. Setanding dengan ketinggian hadis Rasulullah s.a.w. ini, ulama telah mencurahkan tenaga, masa dan umur mereka di dalam memastikan hadis ini sampai kepada umat dalam keadaan yang sempurna dan terjaga. Maka wujudlah ilmu-ilmu yang diasaskan untuk memastikan kesahihan dan keutuhan hadis Rasulullah s.a.w. Salah satu daripada ilmu ini dinamakan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil, ilmu yang membicarakan tentang kedudukan perawi-perawi hadis sama ada mereka berkelayakan untuk meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. atau pun memerlukan kepada sokongan perawi yang lain atau ditolak periwiyatan mereka. Al-Imam al-Bukhari merupakan salah seorang ulama yang memiliki keupayaan tinggi dan diakui kehebatan beliau di dalam ilmu ini. Perkara ini jelas melalui kitab Sahih al-Bukhari yang memerlukan kepada perlaksanaan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil di dalam memilih hadis-hadis Rasulullah s.a.w. juga melalui kitabnya al-Tarikh al-Kabir dan al-Tarikh al-Saghir. Kajian ini akan mengupas berkenaan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil dari sudut takrifan, sejarah kemunculan ilmu ini, kaedah-kaedah al-Jarh wa al-Ta'dil, lafaz-lafaznya serta kupasan berkaitan dengan ketokohan al-Imam al-Bukhari di dalam ilmu ini dengan melihat kepada pandangan ulama-ulama hadis yang lain, lafaz-lafaznya dan karyanya iaitu kitab al-Tarikh al-Kabir. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan mengumpul maklumat daripada kitab-kitab Ulum al-Hadith serta analisa pandangan ulama berkaitan dengannya. Diharapkan kajian ini dapat menyingkap kepada masyarakat tentang hakikat dan kepentingan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil dan keilmuan al-Imam al-Bukhari di dalamnya.*

### **PENGENALAN**

Kemurnian Islam adalah bersandarkan kepada keutuhan sumber-sumbernya, ketepatan pengamalan yang berlandaskan kepada asas-asas yang sebenar, tidak dicemari dengan unsur-unsur luar yang mengotori hakikat Islam. Al-Quran telah dijanjikan kesahihan dan ketepatannya oleh Allah s.w.t. Banyak cubaan daripada musuh-musuh Islam untuk

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

menyelewengkan al-Quran, tetapi semua ini tidak berjaya. Al-Hadith al-Nabawi yang merupakan perincian dan penerangan secara menyeluruh setiap sudut Islam juga tidak terlepas daripada cubaan penyelewengan, pengubahsuaian, penambahan dan penisbahan sesuatu yang diluar daripada Islam. Semua bentuk penyelewangan ini secara sengaja atau tidak, dengan niat atau tersalah adalah termasuk di dalam pengamatan ulama-ulama besar bidang hadis dan kajian mereka demi menapis unsur-unsur yang merosakkan Islam itu sendiri. Ulama-ulama hadis telah merangka prinsip-prinsip dan asas-asas untuk memastikan kesahihan sesuatu hadis Rasulullah s.a.w. Kesahihan hadis adalah bersandarkan kepada kebolehpercayaan perawi dan lafaz hadis yang tidak bertentangan dengan al-Quran, hadis sahih, ijma' ulama dan sebagainya. Salah satu unsur utama yang dikaji dan diteliti oleh ulama adalah dari sudut perawi hadis atau lebih dikenali dengan nama *isnad*. *Isnad* adalah salasilah susunan perawi-perawi yang meriwayatkan sesuatu hadis sehingga sampai kepada Baginda s.a.w. *Isnad* merupakan keistimewaan umat Nabi Muhammad s.a.w. dan tidak dimiliki oleh umat lain. Umat-umat terdahulu tidak mempunyai ilmu yang meneliti kebolehpercayaan pembawa maklumat dengan begitu mendalam seperti yang wujud di dalam disiplin ilmu hadis Rasulullah s.a.w.

*Isnad* adalah suatu sudut utama yang amat penting dalam menentukan kesahihan hadis Rasulullah s.a.w. Al-Imam Muslim meriwayatkan di dalam mukadimah Kitab Sahihnya dengan isnadnya sampai kepada Ibn Sirin, beliau (Ibn Sirin) berkata: Golongan terdahulu (para Sahabat r.a. Tabiin) tidak bertanya dan meneliti *isnad*, dan apabila berlakunya fitnah (peristiwa bermulanya pertelingkahan antara Sahabat-Sahabat Rasulullah s.a.w.), mereka berkata: Namakan kepada kami perawi-perawi kamu. Maka dilihat kepada (perawi tersebut) dia adalah seorang ahli Sunnah, lantas diambil hadis daripadanya. Dan dilihat kepada ahli bidaah, dan tidak diambil hadis daripadanya.<sup>1</sup>

Begitu juga al-Imam Muslim telah meriwayatkan dengan *isnadnya* kepada Ibn Sirin bahawa beliau berkata: Sesungguhnya ilmu ini adalah agama, maka lihatlah daripada siapa kamu mengambil agama kamu.<sup>2</sup> Juga diriwayatkan oleh al-Imam Muslim dengan *Isnadnya* kepada Abdullah b. Al-Mubarak berkata: *Isnad* adalah daripada agama, tanpa *Isnad* sesiapa yang ingin berkata, akan berkata (tanpa dapat mengetahui kesahihan kata-kata tersebut).<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Muslim b. Al-Hajjaj di dalam Mukaddimahnya, (2004) Sahih Muslim Ma'a Syarh al-Nawawi, Beirut: Dar al-Ma'rifah, j.1, ms. 44.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Ibid.*, ms 47.



Bagi menentukan kedudukan setiap perawi yang mendatang hadis-hadis ini, ulama telah meletakkan istilah-istilah tertentu yang menggambarkan kebolehpercayaan dan keyakinan dalam menerima hadis daripada mereka. Istilah-istilah seperti thiqah, soduk, hafiz, hujjah, sheikh, laysa bi al-qawiy, rawa manakir, daif, matruk, kazzab dan sebagainya menentukan kedudukan hadis dari sudut boleh diterima atau tidak.

Ilmu yang membahaskan kedudukan perawi-perawi hadis dengan menggunakan istilah serta kaedah yang tertentu ini dinamakan Ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil. Tidak semua ulama yang menghasilkan kitab hadis mahir dalam ilmu yang tinggi ini, muncul juga penulisan-penulisan yang memperincikan kedudukan perawi-perawi hadis bagi menentukan kesahihan atau kelemahan sesuatu hadis. Bagi membicarakan topik ini, kajian ini mengupas hakikat ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil, sejarah dan sebab kemunculan, beberapa lafaz-lafaz dan maksudnya serta contoh seorang imam yang terkenal iaitu al-Imam al-Bukhari dalam ketokohnya berkaitan dengan ilmu ini.

### **HAKIKAT AL-JARH WA AL-TA'DIL**

Al-Jarh wa al-Ta'dil terdiri daripada dua perkataan yang menggambarkan keseluruhan perbincangan ilmu ini. Perkataan itu ialah al-Jarh dan al-Ta'dil.

#### **Maksud al-Jarh:**

Al-Jarh dari sudut bahasa sama ada daripada perkataan

- a. الجرح - dengan berbaris atas yang membawa maksud kesan yang wujud pada badan dengan sebab senjata.<sup>1</sup>
- b. الجرح - dengan baris hadapan yang membawa maksud nama bagi kelukaan tersebut.<sup>2</sup>

Pakar bahasa Arab mengatakan bahawa الجرح - dengan baris hadapan adalah luka yang wujud pada badan sama ada dengan besi atau sebagainya. Manakala الجرح - dengan berbaris atas berlaku dengan lidah dalam ungkapan, keadaan-keadaan yang berlaku dan sebagainya.

Al-Jarh dari segi istilah (ulama hadis) membawa erti:

وصف الراوي بما يقتضي تليين روايته أو تضعيفها أو ردها

Bermaksud: Sifat seseorang perawi (yang diberikan kepadanya) yang membawa kepada kekurangan pada riwayatnya (memerlukan faktor lain untuk menguatkan riwayatnya), atau melemahkan riwayatnya atau menolak riwayatnya.

<sup>1</sup> Ibn Manzur, Jamaluddil Muhammad b. Mukarram (t.t), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir, j.2, ms. 422.

<sup>2</sup> Ibn Faris, Ahmad b. Faris b. Zakaria, (1404H), *Mujmal al-Lughah*, Tahqiq: Zuhair Abdul Muhsin Sultan, j.1, ms. 186.

Maksud 'kekurangan pada riwayatnya' ialah contohnya seorang perawi yang disifatkan sebagai *الصدوق سيء الحفظ*. riwayatnya akan menjadi kuat apabila adanya faktor lain yang menunjukkan kekuatan hafalannya. Maksud 'Melemahkan riwayatnya' ialah merangkumi tiga perkara:

- Melemahkan riwayatnya secara mutlak dengan sebab hanya dia sahaja yang meriwayatkan sesuatu hadis tanpa perawi yang lain, tetapi pengriwayatannya akan menjadi hasan li ghairihi apabila wujudnya *المتابعة* (perawi yang lain yang turut meriwayatkan hadis yang sama melalui sahabat r.a. yang sama)
- Lemah periwayatannya dengan bersandarkan kepada beberapa sheikh atau tempat atau masa, maka melemahkan riwayatnya adalah berdasarkan perkara-perkara tersebut.
- Lemah periwayatannya dari sudut nisbi (faktor-faktor luar) iaitu jika dibandingkan dengan perawi yang lebih kuat, maka ia tidak menjadikan perawi tersebut daif sepanjang masa, tetapi berdasarkan kepada faktor-faktor lain.

Maksud 'menolak riwayatnya' ialah terlalu daif *ضعيف جدا* yang tidak boleh disokong oleh riwayat yang lain dan juga ia tidak mampu menjadi penyokong bagi riwayat yang lain.<sup>1</sup>

#### **Maksud al-Ta'dil:**

Al-Ta'dil dari sudut bahasa bermaksud:

Menyamakan dan menilai sesuatu serta menimbangkannya dengan yang lain.<sup>2</sup>

Dari sudut istilah ahli hadis:

*وصف الراوي بما يقتضي قبول روايته*

Bermaksud: Sifat seorang perawi (yang diberikan) yang membawa kepada penerimaan pengriwayatannya.

Penerimaan pengriwayatan ini merangkumi:

- Perawi yang diterima riwayatnya dan berada di martabat sahih li zatihi.
- Perawi yang diterima riwayatnya dan berada di martabat hasan li zatihi.<sup>3</sup>

Perkataan al-Ta'dil pada asalnya digunakan untuk menyatakan hukum tentang *العدالة* (keadilan) seseorang perawi, dan perkataan ini juga

<sup>1</sup> Al-'Abd al-Latif, Abdul Aziz b. Muhammad b. Ibrahim. (1412H) *Dhawabit al-Jarh wa al-Ta'dil*, Madinah: al-Jami'ah al-Islamiyyah, ms. 10.

<sup>2</sup> Ibn Manzur, (t.t), *op. cit.*, j.11, ms. 432.

<sup>3</sup> Al-'Abd al-Latif, (1412H), *op. cit.*, ms 11.

digunakan untuk tujuan yang lebih umum iaitu untuk tujuan التوثيق (*al-Taauthiq*) yang membawa erti: Hukum tentang keadilan العدالة seseorang perawi dan juga hafalannya ( ضبط ) yang mana kedua-duanya adalah asas penerimaan pengriwayatan.<sup>1</sup>

العدالة bermaksud: Suatu kekuatan atau tenaga yang mendorong pemiliknya untuk sentiasa melazimi ketaqwaan dan menjaga maruah.<sup>2</sup> Manakala العدل (seseorang yang adil) adalah seseorang muslim, baligh, berakal, bebas daripada perkara-perkara yang menyebabkannya menjadi fasiq dan juga perkara yang menjatuhkan maruahnya.<sup>3</sup>

الضبط terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu:

1. ضبط الصدر: Hafalan melalui hati iaitu seseorang perawi sedar ketika mendengar sesebuah hadis, tidak lalai bahkan menghafal dengan teguh apa yang didengarinya, mampu untuk mengulangkan hafalannya bila-bila masa, di samping memiliki ilmu tentang makna sesebuah hadis jika meriwayatkan hadis tersebut dengan maknanya sahaja.
2. ضبط الكتاب: Hafalan melalui kitab iaitu dengan memelihara dan menjaga kitabnya daripada mula dia mendengar hadis di dalamnya serta mensahihkan (kesalahan yang ada) sehinggalah dia menyampaikan hadis-hadis tersebut.<sup>4</sup>

Inilah yang merupakan perbincangan yang dikupas dengan penuh terperinci di dalam ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil. Jika seseorang perawi disifatkan sebagai العدل dan juga الضابط, maka akan terkeluar dan ternafilah daripadanya sifat-sifat berikut iaitu:

1. Perkara-perkara yang berkaitan dengan seseorang yang tidak dikenali atau masyhur di dalam periwayatan hadis. Contohnya:
  - a. المجهول: Iaitu seorang perawi yang tidak diketahui namanya.
  - b. مجهول العين: Iaitu perawi yang hanya diriwayatkan daripadanya seorang perawi yang lain dan tidak ditauthiqkan.

---

<sup>1</sup> *Ibid.*

<sup>2</sup> Al-Munawi, Muhammad al-Mad'u Abdul Rauf, (1999), *Al-Yawaqit wa al-Durar fi Syarah Nukhbah Ibn Hajar*, al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd, j. 1, ms. 337.

<sup>3</sup> Al-Syahrzuri, Abu 'Amr 'Uthman b. Abdul Rahman, (1406H), *'Ulum al-Hadith*, Dimasyq: Dar al-Fikr, ms. 104.

<sup>4</sup> Al-Sakhawi, Syams al-Din Muhammad b. Abdul Rahman (1993), *Fath al-Mugith Syarah Alfyyah al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 1, ms. 28.

- c. مجهول الحال: Iaitu perawi yang diriwayatkan daripadanya dua orang perawi lain atau lebih dan tidak ditauthiqkan.

Ini semua adalah disebabkan tidak diketahui keadaannya dari sudut العدالة dan الضبط.

2. Perkara-perkara yang berkaitan dengan seseorang yang terkeluar daripada sifat العدل:
- Kafir
  - Kanak-kanak
  - Orang gila
  - Orang yang melakukan bidaah
  - Fasiq: Iaitu seseorang yang dikenali melakukan dosa besar atau sentiasa melakukan dosa kecil dan tidak meninggalkannya.
  - Dituduh penipu: Seseorang yang diketahui menipu manusia lain walaupun tidak pasti dia pernah mendustakan Rasulullah s.a.w.
  - Pendusta: Seseorang yang mendustakan hadis Rasulullah s.a.w.
  - Orang yang jatuh maruahnya.
3. Perkara-perkara yang berkaitan dengan seseorang yang terkeluar daripada sifat الضبط:
- كثرة الوهم: Bermaksud kesalahannya yang banyak iaitu seseorang perawi yang banyak melakukan kesilapan di dalam pengriwayatannya, dia menyambung isnad yang terputus, menyandarkan kepada Rasulullah s.a.w. sesuatu yang berasal daripada sahabat r.a. dan sebagainya.
  - كثرة المخالفة: Bermaksud pertentangan yang banyak iaitu perawi yang meriwayatkan hadis dan bertentangan dengan pengriwayatan perawi yang lebih dipercayai atau bertentangan dengan kumpulan perawi yang lain.
  - سوء الحفظ: Teruk hafalannya iaitu di antara kesalahan dan kesahihannya dalam meriwayatkan sesuatu hadis adalah sama banyak.
  - شدة الغفلة: Kelalaian yang teruk iaitu perawi yang tidak memiliki kesedaran (ketika meriwayatkan hadis) dan ketekunan yang mampu membezakan di antara kesalahan dan sesuatu yang benar di dalam pengriwayatannya.

- e. فحش الغلط: Kesilapan yang teruk iaitu kesalahan seseorang perawi dalam meriwayatkan hadis lebih banyak jika dibandingkan dengan kebetulannya yang terlalu sedikit.
- f. Kejahilan perawi di dalam makna sesuatu hadis apabila dia meriwayatkannya dengan makna dan bukan dengan lafaz yang sebenar.
- g. Kelalaian perawi di dalam membandingkan kitabnya dengan kitab yang lain, mentashihkan kesalahan di dalam kitabnya dan menjaganya dengan baik.<sup>1</sup>

Apabila perkara-perkara ini wujud pada diri seseorang perawi, maka dia tidak memenuhi syarat sebagai perawi hadis yang sempurna dan hadis yang diriwayatkannya tidak termasuk di dalam kategori hadis sahih kecuali jika ia disokong melalui *isnad* yang lain.

#### **DALIL SYARA' YANG MENSYARAT الْعَدَالَةَ DAN الضَّبْطَ BAGI SETIAP PERAWI.**

Asas bagi menetapkan bahawa العَدَالَةُ merupakan syarat penerimaan sesuatu riwayat adalah berdasarkan firman Allah Taala di dalam surah al-Hujurat: 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, Maka periksalah dengan teliti...

Ayat ini mewajibkan orang yang beriman agar meneliti dan mengenalpasti terlebih dahulu setiap pengkhabaran yang dibawa oleh orang yang fasiq.

Manakala asas bagi menetapkan الضَّبْطَ sebagai syarat penerimaan riwayat adalah sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: نَصَرَ اللَّهُ أَمْرًا سَمِعَ مَقَاتِي فَوَعَاهَا وَحَفِظَهَا وَبَلَّغَهَا قُرْبًا حَامِلٍ فَقَمِهِ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ.

Maksudnya: Daripada Abdullah b. Mas'ud r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Allah menganugerahkan cahaya kepada seseorang yang mendengar perkataanku, menyedarinya (tentang kepentingan), menghafalnya dan menyampaikannya. Berkemungkinan orang yang membawa kefahaman itu akan menyampaikan kepada orang yang lebih memahami.”<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Al-'Abd al-Latif, (1412H), *op. cit.*, ms 13.

<sup>2</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Tirmizi di dalam kitab *Ma Jaa fi al-Hathi fi Tabligh al-Sama'*, j.9, ms. 259. Al-Tirmizi berkata: Hadis Hasan Sahih.

Hadis ini jelas menunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w. amat menggalakkan para Sahabatnya untuk menghafal apa yang dikatakannya dan menyampaikan kepada orang lain, tetapi selepas menghafal, memahami dan menunaikan apa yang terkandung di dalamnya.

حرح seseorang perawi dengan kadar yang perlu tidaklah dianggap sebagai mengumpat yang dilarang di dalam Islam. Imam al-Nawawi menyatakan bahawa mengumpat adalah diharuskan dengan tujuan yang benar dan berkaitan dengan Syara' yang tidak dapat dicapai kecuali dengannya. Di antaranya menghindarkan muslim daripada kejahatan dan menasihati mereka agar tidak terpengaruh dan percaya kepadanya.<sup>1</sup>

حرح bagi perawi-perawi yang layak adalah sesuatu yang diharuskan di dalam Islam, malah sampai kepada wajib jika diperlukan. Ini kerana untuk mengetahui sesuatu hadis yang sahih dan daif perlu kepada hukum terhadap perawi yang mana tanpanya, sesuatu hadis itu tidak akan diketahui kesahihannya.<sup>2</sup>

#### **SEJARAH KEMUNCULAN AL-JARH WA AL-TA'DIL**

Secara umumnya prinsip dan kaedah di dalam al-Jarh wa al-Ta'dil telah pun wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. terdapat perbagai hadis yang menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. mempraktikkan al-Jarh wa al-Ta'dil untuk kemaslahatan dan kebaikan umatnya.

Di antara hadis-hadis tersebut:

Daripada Sahl b. Sa'ad r.a. berkata: Seorang lelaki lalu di hadapan Rasulullah s.a.w., lantas Baginda s.a.w. bersabda: "Apakah pandangan kamu semua tentang lelaki itu?" Para Sahabat r.a. menjawab: Seorang yang dalam keadaan terdesak, jika dia hendak meminang wanita sudah pasti akan berkahwin dengannya, jika dia meminta pertolongan akan dibantu dan apabila kata-katanya didengari. Kemudian lalu pula seorang lelaki miskin di hadapan Rasulullah s.a.w., Baginda s.a.w. bersabda: "Apa pula pandangan kamu semua tentangnya?" Para Sahabat r.a. menjawab: Jika dia meminang, mungkin akan ditolak, jika meminta pertolongan, dia tidak dibantu, dan kata-katanya tidak didengari. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Lelaki ini (miskin) lebih baik daripada seluruh bumi seumpama yang sebelumnya."<sup>3</sup>

Daripada Fatimah bt. Qais r.a. selepas beliau diceraikan oleh 'Amr b. Hafs r.a. beliau bertemu dengan Rasulullah s.a.w. dan berkata:

<sup>1</sup> Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syaraf (1994) *Riyadh al-Salihin*, ms. 345.

<sup>2</sup> Al-'Abd al-Latif, (1412H), *op. cit.*, ms 17.

<sup>3</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari di dalam kitab al-Targhib fi al-Nikah, j.7, ms. 10.

Wahai Rasulullah, sesungguhnya Mu'awiyah b. Abu Sufyan dan juga Abu Jahm datang untuk meminangku. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Abu Jahm seorang yang selalu memukul wanita dan Mu'awiyah pula tidak berharta, kahwinilah Usamah b. Zaid..."<sup>1</sup>

Daripada hadis-hadis ini menunjukkan Rasulullah s.a.w telah meletakkan prinsip al-Jarh wa al-Ta'dil dan batasannya.

Para Sahabat r.a. turut mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w. dalam memastikan pengkhabaran dan hadis-hadis sampai dengan sah dan benar. Ianya bermula pada zaman Abu Bakar al-Siddiq r.a. apabila seorang nenek bertanya tentang haknya di dalam harta warisan. al-Mughirah b. Syu'bah bangun dan menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah memberikan kepada seorang nenek 1/6 daripada harta warisan tersebut. Abu Bakar r.a. meminta saksi yang mengiyakan pernyataan al-Mughirah r.a. maka bangunkah Muhammad b. Maslamah r.a. mengiyakannya.<sup>2</sup>

Begitulah seterusnya pada zaman Tabiin, bagaimana al-Hasan al-Basri pernah memperkatakan tentang 'Ata al-Khurasani, Sa'd b. Jubair yang memperkatakan tentang Nafi' Maula Ibn 'Umar, Abdul Rahman al-A'raj, Saleh Zakwan al-Samman, Muhammad b. Sirin, Anas b. Sirin, Malik b. Dinar, al-Sya'bi, Hammad b. Abi Sulaiman, al-Zuhri dan sebagainya. Cuma perkataan-perkataan yang berkaitan dengan al-Jarh wa al-Ta'dil pada zaman ini agak sedikit jika dibandingkan dengan zaman selepasnya. Ini disebabkan mereka mengambil ilmu dan hadis terus daripada para Sahabat r.a.

Pada pengakhiran zaman Tabiin, perkara ini semakin berkembang disebabkan makin ramai para penuntut ilmu dan perawi hadis serta bertambah banyaknya fitnah-fitnah yang berlaku di dunia.

Selepas daripada Tabiin golongan Tabi' al-Tabiin antaranya: Syu'bah b. Al-Hajjaj, Sufyan al-Thauri, Abdul Rahman al-Awza'i, Malik b. Anas dan selainnya.

Kemudiannya Abdullah b. Al-Mubarak, Ibn 'Uyainah, Waqi' b. Al-Jarrah, al-Syafi'e dan ulama yang paling menonjol serta mendalami ilmu ini ialah Yahya b. Sa'd al-Qattan dan Abdul Rahman b. Mahdi.

Seterusnya zaman kemunculan karya-karya khusus berkaitan al-Jarh wa al-Ta'dil di antaranya: Ahmad b. Hanbal, 'Ali b. Abdullah al-Madini, Yahya b. Ma'in.

---

<sup>1</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim di dalam kitab al-Talaq, j.10, ms. 97.

<sup>2</sup> Dr. Faruq Hammadah (1997), *al-Manhaj al-Islami fi al-Jarh wa al-Ta'dil*, Riyadh: Dar al-Tayyibah, ms. 31.





Kedua-dua golongan ini, kedudukan hadis mereka adalah hasan li ghairihi.

### **Lafaz al-Jarh**

7. Perawi yang diriwayatkan daripada perawi yang lain lebih daripada satu tetapi tidak *ditauthiqkan*. Dengan lafaz مستور ، مجهول الحال.
8. Perawi yang tidak memiliki *tauthiq* daripada ulama-ulama muktabar dan wujud baginya sifat daif walaupun tanpa perincian. Seperti lafaz: ضعيف.
9. Perawi yang hanya diriwayatkan daripadanya seorang perawi yang lain dan tiada sebarang *tauthiq*, dengan lafaz: مجهول.

Ketiga-tiga golongan ini kedudukan hadis mereka adalah daif yang boleh dikuatkan dengan *isnad* yang lain.

10. Perawi yang tidak mempunyai sebarang *tauthiq* langsung dan didaifkan dengan agak kuat. Iaitu dengan lafaz: متروك ، متروك الحديث ، واهي الحديث ، ساقط.
11. Perawi yang dituduh berdusta (berdusta ketika berbicara dengan manusia walaupun tidak ada kepastian dia mendustakan hadis Rasulullah s.a.w.)
12. Perawi yang digelar sebagai pendusta dengan lafaz: كذاب ، وضاع.

Ketiga-tiga golongan ini, kedudukan hadis mereka adalah yang paling rendah dan tidak boleh dikuatkan dengan sebarang *isnad* serta tidak mampu menguatkan *isnad* yang lain.

Inilah di antara lafaz-lafaz yang disepakati oleh ulama-ulama hadis, mereka akan meletakkan lafaz-lafaz ini kepada perawi-perawi tertentu bagi menentukan kekuatan sesebuah hadis.

### **KETOKOHAN AL-IMAM AL-BUKHARI DI DALAM AL-JARH WA AL-TA'DIL**

Kehebatan al-Imam al-Bukhari memang diakui oleh semua ulama, sama ada yang hidup sezaman dengannya atau ulama selepas daripada zamannya. Malahan guru-gurunya turut mengakui keilmuannya di dalam segala sudut berkaitan dengan hadis Rasulullah s.a.w.

Seorang lelaki bertanya kepada Qutaibah b. Sa'id tentang al-Bukhari, maka beliau berkata: Wahai seluruh kamu sekalian, aku telah melihat di dalam ilmu hadis, aku juga melihat di dalam ilmu logik dan pendapat, aku telah duduk bersama-sama para fuqaha', ahli ibadah dan

orang yang zuhud, tidak pernah aku lihat semenjak aku dapat berfikir orang yang seumpama Muhammad b. Ismail.<sup>1</sup>

Abu Bakar b. Khuzaimah berkata: Tiada seorang pun di bawah lindungan langit ini yang lebih mengetahui tentang hadis daripada Muhammad bin Ismail.<sup>2</sup>

Tidak semua ulama yang menceburi dan mengetahui tentang asas-asas takhrij al-hadith, sedikit petikan daripada ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil mampu untuk menerangkan dan memilih hadis sahih daripada hadis daif. Ini kerana usaha (pemilihan sesuatu hadis dan menghukumnya) adalah suatu yang amat payah yang memerlukan kepada pengalaman serta pratikal yang lama dan teliti. Banyak hadis-hadis yang dihukumkan oleh seseorang ulama yang berpengetahuan di dalam al-Jarh wa al-Ta'dil tetapi dihukumkan daif oleh seorang pakar hadis dan begitulah sebaliknya.<sup>3</sup>

Dengan melihat kepada kitab al-Imam al-Bukhari yang termasyhur iaitu Sahih al-Bukhari, kita dapat mengagak bahawa beliau seorang yang amat mahir di dalam bidang al-Jarh wa al-Ta'dil sehingga mampu memilih hadis-hadis sahih yang mempunyai syarat yang tinggi untuk diletakkan di dalam kitabnya. Malahan ulama-ulama lain mendahulukan al-Imam al-Bukhari daripada kitab-kitab hadis yang lain dengan sebab syaratnya yang kuat serta kukuh. Seluruh umat telah bersepakat menerima Sahih al-Bukhari sebagai kitab hadis yang utama. al-Imam al-Hafiz Abu al-Fadl Muhammad b. Tahir al-Maqdisi berkata: "ketahuilah sesungguhnya al-Bukhari dan Muslim tidak menyatakan di dalam kitab mereka bahawa syarat bagi hadis-hadis (untuk diletak di dalam kitabnya) adalah syarat-syarat tertentu, akan tetapi diketahui syarat-syarat al-Bukhari dan Muslim melalui kajian terhadap kitab mereka...ketahuilah bahawa syarat al-Bukhari dan Muslim adalah dengan mengeluarkan hadis yang telah disepakati *kethiqahan* perawinya sehinggalah sampai kepada Sahabat r.a. tanpa sebarang perbezaan di antara *thiqat athbat*...kecuali Muslim yang mengeluarkan hadis-hadis daripada perawi yang ditinggalkan oleh al-Bukhari dengan sebab beberapa syubhat..."<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Al-'Asqalani, Ahmad b. 'Ali b. Hajar, (t.t.) *Hady al-Sari*, al-Maktabah al-Salafiyyah, ms. 510.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Al-A'zumi, Muhammad Dhiya' al-Rahman (1995), *Dirasat fi al-Jarh wa al-Ta'dil*, Beirut: 'Alam al-Kutub, ms. 15.

<sup>4</sup> Al-Maqdisi, Abu al-Fadl Muhammad b. Tahir, (1984), *Syurut al-Aimmah al-Sittah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, ms. 17.

Penerimaan ulama dan umat Islam secara keseluruhannya terhadap hadis-hadis Sahih al-Bukhari menggambarkan keilmuan al-Jarh wa al-Ta'dil yang diterima dan diakui. Semua hadis-hadis tersebut telah disaring dan dipilih daripada kalangan perawi-perawi yang memiliki martabat al-Ta'dil yang tertinggi.

Sebagai contoh, dengan melihat kepada perawi-perawi yang mengambil hadis daripada al-Zuhri dibahagikan kepada 5 tahap, iaitu:

1. Tahap pertama ialah perawi yang terkumpul padanya hafalan, ketelitian, masa yang lama berguru bersama al-Zuhri, mengetahui hadis-hadisnya, kuat hafalan dan sebagainya, mereka ini seperti Malik, Ibn 'Uyainah, Ma'mar dan sebagainya.
2. Tahap kedua ialah perawi yang memiliki hafalan dan ketelitian tetapi agak kurang bersama dengan al-Zuhri, hanya berguru dalam tempoh yang pendek. Tidak mempraktikkan hadis-hadisnya dan agak kurang ketelitian daripada tahap pertama, iaitu seperti al-Awza'i, al-Laith, al-Nu'man b. Rasyid dan sebagainya.
3. Tahap ketiga ialah kumpulan perawi yang melazimi al-Zuhri dan meriwayatkan daripadanya. Tetapi diperkatakan tentang hafalan mereka. Mereka ini seperti Sufyan b. Husayn, Muhammad b. Ishaq dan sebagainya.
4. Tahap keempat ialah kumpulan perawi yang meriwayatkan hadis daripada al-Zuhri, tetapi kurang bersamanya di samping diperkatakan tentang hafalan mereka. Mereka ini seperti Ishaq b. Yahya al-Kalbi, Ishaq b. Abi Farwah dan sebagainya.
5. Tahap kelima ialah perawi-perawi yang ditinggalkan dan tidak diketahui tentang kedudukannya. Mereka seperti al-Hakam al-Ayli, Abdul Quddus b. Habib dan sebagainya.

Al-Imam al-Bukhari hanya mengambil hadis-hadis al-Zuhri yang diriwayatkan oleh kumpulan tahap pertama serta sedikit daripada kumpulan tahap yang kedua.<sup>1</sup> Ini menggambarkan ketelitian al-Bukhari dan keilmuan serta syaratnya yang tinggi dan diakui.

Jika dilihat kembali kepada sejarah permulaan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil, ada di kalangan ulama yang menyatakan bahawa pengasas utama ilmu ini sebagai suatu bidang di dalam ilmu hadis ialah Syu'bah b. Al-Hajjaj. Beliau memiliki pengikut-pengikut dan kata-katanya dikumpulkan. Ulama yang mengambil daripada Syu'bah b. Al-Hajjaj ialah Yahya b. Sa'id al-Qattan dan Abdul Rahman b. Mahdi. Ini jelas apabila kita mengikuti perbincangan al-Jarh wa al-Ta'dil kita akan dapati ada sebahagian perawi yang tidak ditemui kata-kata berkaitan kedudukannya kecuali daripada Yahya b. Sa'id al-Qattan dan Abdul Rahman b. Mahdi.

---

<sup>1</sup> Al-A'zami, (1995), *op. cit.*, ms. 295.

Kemudian ulama yang mengambil daripada kedua-dua ulama ini ialah Ahmad b. Hanbal, 'Ali b. Al-Madini dan Yahya b. Ma'in. Seterusnya ulama selepas mereka yang menuntut ilmu ini daripada mereka yang paling utama ialah Muhammad b. Ismail al-Bukhari.<sup>1</sup> Daripada sorotan ringkas keilmuaan al-Jarh wa al-Ta'dil jelas menunjukkan susun galur warisan ilmu ini.

Di dalam kaedah ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil, al-Zahabi telah membahagikan ulama-ulama di dalam bidang ini kepada 3 bahagian, iaitu:

1. Ulama yang tegasa dan keras hukumnya sama ada di dalam al-Jarh mahupun al-Ta'dil. Di mana seseorang perawi mungkin akan dilabelkan dengan lafaz al-Jarh dengan sebab yang ringan dan sedikit. Antara ulama ini ialah Syu'bah b. Al-Hajjaj, Yahya b. Sa'id al-Qattan, Yahya b. Ma'in dan Abu Hatim al-Razi.
2. Ulama yang bersederhana dan pertengahan di dalam hukumnya terhadap perawi. Selalunya hukum-hukum ulama inilah yang dijadikan kata putus apabila terdapat pertentangan di kalangan para ulama al-Jarh wa al-Ta'dil. Antara ulama tersebut ialah Sufyan al-Thauri, Abdul Rahman b. Mahdi, Ahmad b. Hanbal, al-Bukhari, Abu Zur'ah al-Razi, Ibn 'Adi dan al-Daru Qutni.
3. Ulama yang agak ringan dan mudah di dalam hukumnya terhadap perawi. Antara ulama tersebut ialah al-'Ijli, al-Tirmizi, Ibn Hibban, al-Hakim al-Naisaburi dan al-Baihaqi.<sup>2</sup>

Al-Imam al-Bukhari termasuk di dalam ketegori ulama yang pertengahan dan kata-katanya dijadikan hujah.

### **Beberapa Istilah Al-Jarh Wa Al-Ta'dil Khas Bagi Al-Bukhari**

Sesiapa yang melihat atau meneliti lafaz-lafaz khas yang digunakan oleh al-Bukhari akan menyedari bahawa al-Bukhari adalah seorang ulama yang memiliki hati yang lembut, penggunaan lafaz yang diutarakan adalah dalam bentuk yang tidak kasar dan ringan. Walaupun begitu beliau seorang yang amat teliti di dalam lafaznya berkaitan al-Jarh wa al-Ta'dil. Antara lafaz-lafaz khas yang digunakannya:

1. Al-Zahabi berkata: Al-Bukhari menggunakan lafaz kepada seorang perawi dengan lafaz ليس بالقوي dan maksudnya ialah perawi tersebut ضعيف.

---

<sup>1</sup>

<http://www.alwatan.com.sa/news/writerdetail.asp?issueno=2614&id=3236&Rname=53>

<sup>2</sup> Al-'Abd al-Latif, (1412H), *op. cit.*, ms 48.

2. Kata-kata al-Bukhari: Sesiapa yang aku lafazkan kepadanya dengan *منكر الحديث*, maka tidak halal mengambil riwayat hadis daripadanya.
3. Al-Zahabi berkata: kata-kata al-Bukhari: *سكتوا عنه* pada zahirnya bermaksud seseorang perawi yang tidak dinyatakan al-Jarh dan al-Ta'dil. Tetapi setelah dikaji maksud al-Bukhari, kami ketahui maksud kata-katanya ialah *تركوه*.  
Ibn Kathir mengatakan bahawa: Jika al-Bukhari menggunakan lafaz *سكتوا عنه* dan *فيه نظر*, maka ia membawa maksud tingkatan yang terendah dan terburuk. Tetapi beliau menggunakan lafaz yang lembut.
4. Kata-kata al-Bukhari *فيه نظر* selalunya membawa erti kutukan terhadap kebenaran seseorang perawi. al-Zahabi berkata: Kebiasaannya al-Bukhari menggunakan lafaz *فيه نظر* dengan maksud perawi yang dituduh berdusta tidak *thiqah*, ia adalah lafaz yang paling teruk di sisinya.
5. Kata-kata al-Bukhari *في حديثه نظر* membawa maksud perawi yang baik pada keseluruhannya, cuma kelemahan dari sudut kelalaian atau hafalan yang rosak.<sup>1</sup>

### **Kitab Al-Tarikh Al-Kabir**

Ketokohan dan keilmuan al-Bukhari di dalam al-Jarh wa al-Ta'dil disokong dengan penghasilan kitab-kitabnya yang berkaitan dengan perawi hadis. Salah satu kitab ini ialah Kitab al-Tarikh al-Kabir. Kitab ini dianggap sebagai karya tentang perawi-perawi hadis yang masyhur. Banyak di kalangan ulama-ulama selepasnya menjadikan kitab ini sebagai contoh untuk mereka menghasilkan karya yang membicarakan kedudukan perawi hadis.

#### **1. Sejarah penulisan**

Abu Ja'far Muhammad b. Abi Hatim al-Warraaq berkata: Al-Bukhari telah berkata: Apabila aku mencapai umur 18 tahun, aku mula menulis perbualan berkaitan para Sahabat r.a. dan Tabiin serta kata-kata mereka. Iaitu pada zaman 'Ubaidillah b. Musa. Aku menghasilkan kitab al-Tarikh ketika itu di sisi kubur Rasulullah s.a.w. pada waktu malam bulan mengambang. Amat sedikit nana-nama di dalam al-Tarikh kecuali adanya kisah di dalam kitabku ini, tetapi aku tidak suka untuk memanjangkannya.

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, ms 149.

## **2. Metodologi Penulisan**

Al-Bukhari menyusun kitab ini berdasarkan kepada huruf-huruf mu'jam dengan meraikan huruf pertama sahaja. Dan beliau memulakan dengan nama Muhammad dengan sebab kemuliaan nama Rasulullah s.a.w. juga mendahulukan nama-nama Sahabat r.a. sebelum nama perawi yang lain.

### **3. Susunan maklumat setiap perawi.**

- Beliau akan menyebut nama perawi, nama bapanya, gelaran dan nasab keturunannya.
- Menyebut sebahagian guru dan murid perawi.
- Contoh-contoh riwayat perawi untuk menerangkan kedudukannya di dalam ilmu, terutama perawi yang memiliki riwayat yang banyak.
- Menunjukkan kepada akidah dan pemikiran perawi serta pandangan-pandangannya, juga berkaitan peperangan yang pernah disertai, zaman dan sebagainya.
- Tugas dan kerja perawi terutama berkaitan dengan penghakiman dan pemerintahan.
- Mementingkan nama tempat dan masa pertemuan perawi dengan guru-gurunya dan murid-muridnya.
- Menyebut tahun kewafatan.
- Kadang kala al-Bukhari menggunakan lafaz-lafaz al-Jarh wa al-Ta'dil dalam memberi hukum ke atas perawi.

### **4. Bilangan perawi di dalam kitab**

Al-Hakim al-Naisaburi mengatakan bahawa Abu 'Ali al-Husain al-Masarsaji mengatakan: Bilangan perawi di dalam kitab al-Tarikh oleh Muhammad b. Ismail hampir 40 ribu lelaki dan wanita.<sup>1</sup>

Inilah di antara hasil karya yang terkenal al-Imam al-Bukhari. Penyusunan dan kaedah yang diguna pakai melambangkan keilmuan beliau di dalam bidang hadis Rasulullah s.a.w.

## **PENUTUP**

Al-Imam al-Bukhari merupakan individu alim yang tidak mampu untuk dibahaskan kehebatannya di dalam pelbagai bidang ilmu hadis dalam kajian yang ringkas ini. Hakikatnya, Sahih al-Bukhari melambangkan semua kedalaman ilmunya dalam hadis Rasulullah s.a.w. Al-Jarh wa al-Ta'dil hanyalah sebahagian pra syarat untuk melayakkan beliau menjadi ulama hadis yang disegani. Perbincangan ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil yang mendalam dan jarang diketahui ulama lain serta mahir di dalamnya, menjadikan al-Bukhari diterima dan diakui segala hukum-hukumnya berkaitan dengan perawi mahupun hadis. Akhir kata, diharapkan kertas kerja ini dapat membuka serba sedikit khazanah ilmu yang luas ini dan

---

<sup>1</sup> Al-Zahrani, Muhammad b. Matar (1997), *Ilm al-Rijal, Nasyatuhu wa Tatawwaruhu*, Madinah: Dar al-Khudhairi, ms. 144.

mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t. Semoga ia sebagai suatu usaha untuk membuka mata masyarakat tentang usaha ulama dalam mempertahankan agama Islam yang tinggi.

#### **RUJUKAN**

- 1) Al-'Abd al-Latif, Abdul Aziz b. Muhammad b. Ibrahim. (1412H) *Dhawabit al-Jarh wa al-Ta'dil*, Madinah: al-Jami'ah al-Islamiyyah
- 2) Al-A'zumi, Muhammad Dhiya' al-Rahman (1995), *Dirasat fi al-Jarh wa al-Ta'dil*, Beirut: 'Alam al-Kutub.
- 3) Al-'Asqalani, Ahmad b. 'Ali b. Hajar (1997), *Taqrib al-Tahzib*, Halb: Dar al-Rashid.
- 4) Al-'Asqalani, Ahmad b. 'Ali b. Hajar, (t.t.) *Hady al-Sari*, al-Maktabah al-Salafiyyah.
- 5) Ibn Faris, Ahmad b. Faris b. Zakaria, (1404H), *Mujmal al-Lughah*, Tahqiq: Zuhair Abdul Muhsin Sultan
- 6) Dr. Faruq Hammadah (1997), *al-Manhaj al-Islami fi al-Jarh wa al-Ta'dil*, Riyadh: Dar al-Tayyibah.
- 7) Ibn Manzur, Jamaluddil Muhammad b. Mukarram (t.t), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir
- 8) Al-Maqdisi, Abu al-Fadl Muhammad b. Tahir, (1984), *Syurut al-Aimmah al-Sittah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 9) Al-Minnawi, Muhammad al-Mad'u Abdul Rauf, (1999), *Al-Yawaqit wa al-Durar fi Syarah Nukhbah Ibn Hajar*, al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd,
- 10) Muslim b. Al-Hajjaj, 2004) Sahih Muslim Ma'a Syarh al-Nawawi, Beirut: Dar al-Ma'rifah
- 11) Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syaraf (1994) *Riyadh al-Salihin*.
- 12) Al-Sakhawi, Syams al-Din Muhammad b. Abdul Rahman (1993), *Fath al-Mugith Syarah Alfyyah al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 13) Al-Syahrzuri, Abu 'Amr 'Uthman b. Abdul Rahman, (1406H), *'Ulum al-Hadith*, Dimasyq: Dar al-Fikr.
- 14) Al-Zahrani, Muhammad b. Matar (1997), *'Ilm al-Rijal, Nasyatuhu wa Tatawwaruhu*, Madinah: Dar al-Khudhairi.
- 15) <http://www.alwatan.com.sa/news/writerdetail.asp?issueno=2614&id=3236&Rname=53>